


Jilid III
Bil. 23



Hari Khamis
29hb Jun, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4513]

USUL-USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990
[Ruangan 4622]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4703]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kebebasan Kehakiman—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
[Ruangan 4703]

Tahanan ISA—Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen: Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 4711]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (i) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RADIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., s.s.i.j., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. Au, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titawangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUH BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJUM, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., **JP.** (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (**Betong**).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (**Ulu Rajang**).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.! A.M.N. (Pontian),

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWPIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar),

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph),
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PmiNG BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAMRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- » TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi),
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SHING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGUN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen;

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis 29hb Jun, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENCEMARAN DI SUNGAI-
SUNGAI**

1. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada heliau sedar bahawa pencemaran air sungai telah menjadi begitu serius sehingga memupuskan sebahagian besar hidupan dalam sungai serta menutup peluang pekerjaan nelayan-nelayan di sungai. Jika ya:

- (a) apakah Kementerian menyedari bahawa pekilang-pekilang khususnya pekilang kelapa sawit ataupun pelombong-pelombong melepaskan air yang kotor ke sungai-sungai pada waktu-waktu tertentu misalnya pada waktu malam; dan
- (b) sejauh manakah kesan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Kementeha dalam mengatasi masalah berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, ya, Kerajaan sedar bahawa masalah pencemaran berlaku di beberapa

batang sungai dan hanya di bahagian-bahagian tertentu sungai-sungai yang berkaitan. Pada keseluruhannya keadaan air sungai adalah terkawal. Sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukan butir-butir lanjut, Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling.

Untuk menjawab:

- (a) Jabatan Alam Sekitar pernah menerima aduan-aduan bahawa pencemaran air sungai telah berlaku akibat dahpada pelepasan air kotor oleh pekilang-pekilang pada waktu malam. Malangnya, kebanyakan aduan ini adalah dibuat secara am sahaja, dan tidak ada butir-butir yang cukup diberi untuk membolehkan tindakan tertentu diambil.

Berkaitan dengan pelepasan effluen dari lombong, Jabatan Galian di bawah Kementerian Perusahaan Utama juga pernah menerima aduan mengenai pelepasan air kotor dari lombong-lombong. Siasatan sentiasa dibuat apabila aduan diterima oleh Jabatan itu.

Di dalam mengawasi operasi perlombongan, Jabatan berkenaan menguatkuasakan beberapa peraturan, antaranya tentang penggunaan air oleh lombong. Satu sistem air-pulang-balik dikenakan kepada semua skim melombong. Sebarang pembuangan air

lebih hanya dibenarkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Pada keseluruhannya pencemaran oleh lombong adalah terkawal kerana pemeriksaan yang rapi sentiasa dibuat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan berkenaan. Pegawai-pegawai tersebut memeriksa lombong-lombong tidak kurang dari sekali setiap bulan, di samping mengambil contoh-contoh air buangan untuk analisa.

- (b) Penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah berkesan dan boleh dilihat dari segi pengurangan beban BOD untuk effluen minyak kelapa sawit di mana beban itu dikurangkan dari 5,000 milligram setiap liter pada tahun 1978 kepada 100 milligram setiap liter mulai daripada tahun 1983 hingga kini.

Kilang-kilang yang tidak dapat mematuhi peraturan-peraturan yang berkesan akan dihadapkan ke mahkamah, misalnya pada tahun 1988, 4 buah kilang telah dihadapkan ke mahkamah bersabit dengan pelepasan effluen yang tidak mematuhi kehendak undang-undang.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan mempunyai pelan induk untuk mencegah pencemaran udara dan air menjelang ke satu era bahawa kerap kali kita dengar Kerajaan menggalakkan pelaburan dalam mengadakan lebih kilang-kilang supaya negara kita boleh mencapai satu tahap NIC. Kalau kita sudah sampai ke tahap itu tentulah banyak kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan lain akan diadakan di

negara kita. Adakah pelan induk ataupun rancangan-rancangan untuk mencegah, sebab pada masa sekarang kita hanya dengar apabila ada aduan baru Kementerian beliau itu mengadakan reaksi sahaja, tiada apa-apa pelan yang konkrit.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang ada pelan induk untuk menjaga pencemaran di negara kita ini. Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kesemua peraturan dibuat di bawahnya adaiyah salah satu langkah daripada pelan induk itu.

Sebagai contoh, Jabatan Alam Sekitar selalu menjalankan penguatkuasaan ke atas kilang kelapa sawit mengikut jadual tertentu yang telah dirancangkan dan bukan ke atas aduan yang diterima sahaja. Penguatkuasaan juga dijalankan sekiranya terdapat apa-apa aduan selain daripada itu. Setakat ini terdapat 244 buah kilang kelapa sawit dan mengikut jadual setiap kilang sekurang-kurangnya dilawati sekali setiap tiga bulan.

Selain daripada itu, percontohan yang dijalankan pada masa lawatan bagi masuk menentukan pematuhan undang-undang, kilang-kilang ini juga dikehendaki menghantar sample effluen ke makmal yang diluluskan oleh Jabatan Kimia untuk menjalankan analisa. Kesemua ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu daripada Pelan Induk.

Tuan Mutang Tagal: Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri sama ada kajian menyeluruh ke atas masalah ini termasuk juga dalam Pelan Induk yang telah disebutkan tadi, dan juga jenis ikan yang mati oleh kerana pencemaran sungai dan juga pakar-pakar yang diundang oleh Kementerian untuk mengendali kajian

ini. Dan sebutkan juga sungai-sungai yang disebutkan tadi yang telah dicemar oleh pelombong-pelombong ataupun pengilang kelapa sawit dan juga kilang-kilang lain supaya kita dapat mengetahui sungai mana yang menghadapi masalah yang teruk supaya amaran dapat diberikan oleh Kementerian kepada penduduk-penduduk di sekitar supaya jangan terlibat memakan ikan yang terdapat dalam sungai tersebut. Adakah Kementerian membekal sungai yang terlibat dengan anak-anak ikan supaya mengembalikan ikan yang ada di dalam sungai.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab ikan mati atau kekurangan penangkap ikan adalah pencemaran bukanlah satu-satu sebab-sebab sahaja dan juga sebab-sebab yang lain seperti alat penangkapan yang digunakan oleh nelayan sekarang adalah moden dan juga menggunakan ubat atau bahan kimia tertentu bagi menambah penangkapan mereka dalam hal yang berkenaan anak-anak ikan itu turut musnah, dan juga menggunakan bahan-bahan letupan sebagai syarat penangkapan. Kesemua ini adalah sebab-sebabnya di atas kekurangan penangkapan ikan di mana sungai yang tercemar oleh bahan buangan organik. Saya sebut dua tiga sungai sebagai contoh, sebagai Sungai Kelang, Sungai Juru, Sungai Kemaman, Sungai Melaka dan sebagainya. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu berminat mendapat sungai-sungai yang lanjut, saya ada di sini mempunyai nama-nama sungai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan S.S. Subramaniam.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan S. S. Subramaniam tidak hadir).

RISDA—MASALAH YANG DIHADAPI

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah masalah kronik yang ada dalam RISDA hingga menyebabkan Datuk Hassan Ibrahim ditukarkan untuk mengepalai RISDA;
- (b) sejak bila RISDA menghadapi masalah yang ada dan mengapakah ia tidak boleh diatasi oleh lain-lain pegawai hingga menyebabkan Datuk Hassan Ibrahim terpaksa ditukarkan ke situ; dan
- (c) sila nyatakan garis kasar perkara yang ditumpukan oleh Datuk Hassan Ibrahim dan apakah harapan RISDA bila masalah itu dapat diatasi.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kepada pertanyaan (a) suka saya jelaskan iaitu tidak ada masalah yang boleh disifatkan sebagai masalah kronik dalam RISDA, Masalah yang dihadapi oleh RISDA sekarang ialah masalah biasa dalam pentadbiran organisasi. Masalah yang dikesan ialah masalah dalam pentadbiran kewangan yang kurang cekap.

Menyedari keadaan tersebut, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengambil tindakan, dalam tahun 1982, untuk memperkemaskan lagi pentadbiran

RISDA. Selepas tahun 1985, banyak kemajuan dicapai, terutamanya dalam penyediaan laporan tahunan dan Penyata Kira-kira. Penempatan Datuk Hassan Ibrahim merupakan satu kebetulan dan penempatannya dibuat ketika RISDA sudah bertambah baik keadaannya sekiranya dibandingkan dengan beherapa tahun sebelum ini.

Bagi jawapan kepada soalan (b), masalah yang dihadapi oleh RISDA sebenarnya mula dikesan sejak awal tahun 1980 lagi bila Kerajaan bersetuju dan meluluskan kadar bantuan tanam semula dinaikkan dari \$1,200 seekar kepada \$2,200 seekar bagi kawasan yang kurang dari 10 ekar dari \$900 seekar kepada \$1,500 seekar bagi kawasan yang melebihi 10 ekar dan bagi yang ditanam semula dengan tanaman yang lain dari getah mulai 1hb Januari, 1981. Dengan kenaikan bantuan ini, Tabung Ses RISDA mengalami kekurangan yang teruk dalam tahun 1984. Sejak dari itu, RISDA telah diminta oleh Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara untuk memberhentikan projek-projek tertentu yang bukan tugas utamanya bagi meringankan beban kewangannya. Masalah kewangan ini dapat diatasi oleh RISDA sepenuhnya bila Kerajaan dalam tahun 1985 telah bersetuju menampung kekurangan wang ses yang dialami oleh RISDA mulai tahun 1984 hingga sekarang.

Bagi jawapan kepada soalan (c), penekanan tugas Datuk Hassan Ibrahim di RISDA buat masa ini ialah untuk memperkemas lagi jentera yang ada dengan memberikan penekanan kepada perkara-perkara yang saya katakan tadi dan juga kepada soal disiplin kakitangan, merombak kedudukan pegawai dan kakitangan mengikut apa yang diluluskan dan memastikan tindakan-tindakan yang dibuat selaras dengan peraturan yang sedia ada.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi menyatakan tidak ada masalah kronik apa-apa. Yang keduanya untuk mengemas pentadbiran dan ketiganya secara kebetulan sahaja. Tidakkah kita tahu keadaan berlaku di Malaysia ini bahawa Datuk Hassan Ibrahim ini bila bergerak ataupun bertukar ke sesuatu jabatan maka nyatalah ada sesuatu masalah yang besar kerana dia merupakan seorang pakar perubatan untuk mengubat segala-segalanya. Dan tidak munasabahlah kalau keadaan kebetulan ataupun sekadar mengemas, tindakan orang lain tidak boleh dibawa ke situ dan adakah seorang sahaja pakar yang bertanggungjawab untuk mengubat penyakit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Soalnya, saya ingin tahu apakah jawapan itu sebenarnya keadaan berlaku atau tidak sengaja hendak melindungi dan menyusup rahsia-rahsia yang tidak harus didedah sedangkan perkara itu menjadi penyakit kepada RISDA.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita patut berterima kasih kerana di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan mempunyai berbagai-bagai bentuk kepakaran dan kemahiran. Dan saya percaya bukan sahaja Datuk Hassan Ibrahim sahaja yang memiliki kepakaran yang sedemikian rupa. Soalnya ialah bagaimana tafsiran yang diberikan oleh seorang terhadap diri seseorang yang lain.

Saya suka menegaskan di sini, bahawa saya telah memberikan satu jawapan berdasarkan kepada fakta-fakta yang ada, bukan niat Kerajaan untuk melindungi sebarang perkara yang patut diketahui oleh masyarakat umum.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan sedikit soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada orang yang merasa cemburu apabila kita mencapai kejayaan atau apabila kita berusaha untuk mencapai sesuatu kejayaan? Terima kasih.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebagai manusia biasa memang terjadilah dalam hidup dan kehidupan kemanusiaan ini perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani sebentar tadi. Namun demikian, kita memberikan khidmat dan sumbangan secara tulus dan ikhlas dan terpulanglah kepada orang ramai untuk memberikan penilaian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No, 5 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir).

JAMBATAN KINABATANGAN/ SEGAMA—PEMBINAAN

6. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Jambatan-jambatan Kinabatangan dan Segama dijangka siap dibina dan jumlah perbelanjaan yang akan terlibat untuk setiap jambatan ini. Sila menyatakan sama ada pembinaan ini adalah selaras dengan syarat-syarat dalam perjanjian tender; jika tidak, sama ada gantirugi akan dibayar oleh pemborong-pemborong, jika tidak, sila nyatakan mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembinaan jambatan-jambatan Kinabatangan dan Segama sedang

dilaksanakan dengan lancar. Jambatan Segama dijangka akan siap dibina pada akhir bulan Ogos 1989 dan jambatan Kinabatangan pula pada bulan Mei 1990. Kos projek bagi jambatan Segama ialah lebih kurang \$19 juta dan bagi jambatan Kinabatangan ialah berjumlah lebih kurang \$33 juta. Kedua-dua jambatan tersebut adalah dibina mengikut spesifikasi serta selaras dengan syarat-syarat perjanjian kontrak.

MAKANAN UTAMA—MEN- CUKUPKAN PENGELUARAN

7. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pertanian menjelaskan:

- (a) apakah rancangan-ancangan Kementerian untuk mencukupkan makanan utama negara seperti beras, jagung dan sayur-sayuran sehingga tahun 2000; dan
- (b) bagaimanakah dengan perkembangan dan permintaan terhadap kelapa muda, belimbing besi dan ulam seperti yang digalakkan memakannya oleh Menteri Pertanian. Apakah ianya telah mencapai angka yang membanggakan. Jika tidak apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan—

- (a) untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai cadangan untuk mengeluarkan beras yang cukup bagi memenuhi keperluan negara. Ini kerana dasar pengeluaran beras negara pada masa ini ialah untuk mencapai 55%-60% tahap saradiri dan pengeluaran padi ditumpukan di 8 kawasan jelapang padi

negara. Walau bagaimanapun, tahap saradiri boleh diapungkan bergantung kepada peningkatan produktiviti pengeluaran padi. Ini bererti jika produktiviti dapat dipertingkatkan, maka tahap saradiri juga akan turut meningkat.

Bagi jagung, pihak Kementerian sedang menjalankan projek percubaan tanaman jagung bijirin secara komersial di negeri Perak untuk menentukan dayamaju pengeluaran jagung tempatan. Prestasi pelaksanaan projek ini akan diambilkira dalam penentuan pembangunan tanaman jagung bijirin seterusnya. Sebahagian besar jagung yang diimport oleh negara digunakan sebagai makanan ternakan.

Bagi sayur-sayuran, pengeluaran dalam negara secara keseluruhan adalah mencukupi untuk kegunaan segar tempatan melainkan bagi jenis tertentu seperti kobis yang terus diimport daripada negara lain. Sebahagian daripada sayur-sayuran tempatan juga dieksport ke negara jiran. Pengeluaran sayur-sayuran di masa hadapan boleh dipertingkatkan dengan adanya pembukaan beberapa kawasan tanah tinggi yang baru.

- (b) Kempen bagi menggalakkan penggunaan kelapa muda dan ulam-ulam telah dilancarkan masing-masing pada tahun 1986 dan 1987. Hasil daripada kempen ini banyak gerai-gerai menjual air kelapa muda telah tumbuh dan beroperasi di kampung-kampung, pekan-pekan, bandar-bandar besar dan juga dijual di restoran-restoran. Mengikut kajian yang dibuat oleh FAMA di beberapa

bandar utama Semenanjung Malaysia, jumlah gerai telah bertambah daripada 702 buah kepada 1,098 buah pada tahun 1987 selepas setahun kempen dijalankan. Dalam masa yang sama, angka jualan kelapa muda sebulan telah bertambah daripada 400,000 biji sebelum kempen kepada 700,000 biji selepas kempen.

Bagi kempen ulam-ulam pula, bilangan penjual ulam di seluruh negara telah bertambah daripada 864 penjual sebelum kempen kepada 2,339 penjual selepas kempen diadakan dalam tahun 1987 dengan jumlah jualan turut meningkat daripada 173,867 kg sebulan kepada 220,463 kg sebulan. Ini telah mewujudkan pertambahan permintaan sebanyak 27.8% selepas diadakan kempen. Petai, jering dan kacang botol adalah di antara 3 jenis ulam-ulam yang paling digemari yang mewakili 62.25% daripada keseluruhan jumlah ulam yang diperlukan setiap bulan.

Untuk belimbing besi pula keluasan tanaman telah bertambah dari 265 hektar dalam tahun 1987 kepada 420 hektar dalam tahun 1988 dengan pertambahan pengeluaran daripada 4,500 metrik tan kepada 10,000 metrik tan. Pertambahan pengeluaran kira-kira dua kali ganda ini adalah herikutan daripada pertambahan dalam penggunaan per kapita daripada 0.208 kg dalam tahun 1985 kepada 0.441 kg dalam tahun 1988 serta permintaan yang tinggi di pasaran luar negeri.

Dalam tahun 1988, jumlah eksport belimbing besi melalui pintu keluar utama adalah sebanyak 5,134 metrik tan

bernilai \$12.2 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,931 metrik tan iaitu 37.6% telah dieksport ke Hong Kong, 1,659 metrik tan iaitu 32.3% ke Singapura dan selebihnya kira-kira 30.1% ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan Timur Tengah. Usaha-usaha memperhebatkan promosi bagi meningkatkan eksport terus dipergiatkan terutamanya di Eropah Barat dan Timur Tengah yang merupakan pasaran bagi belimbing besi daripada Mataysia.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebut bahawa tahap pengeluaran beras negara untuk saradiri hanya pada 50%-60%. Pada fahaman saya ini adalah pengurangan daripada tahap yang dahulu iaitu 80%. Apakah sebab-sebabnya maka diturunkan tahap pengeluaran untuk saradiri ini daripada 80% sehingga 60% dan adakah ini bermakna kos pengeluaran beras negara telah meningkat walaupun kita ada subsidi baja yang menelan belanja beratus juta ringgit setahun? Sekian.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan pertama sekali menanam padi di negara kita ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi di mana Kerajaan perlu menanggung kos infrastruktur, subsidi baja dan harga padi. Tambahan sebagaimana pula yang kita sedari bahawa tanaman padi tidak memberi pulangan kewangan yang tinggi kepada pengusaha-pengusahanya. Kalau kita lihat kepada subsidi baja sahaja, pada tahun 1988 ianya berjumlah tidak kurang daripada \$75,235,000 dan subsidi harga padi pula pada tahun yang sama ialah \$232 juta. Jika dijumlah kedua-duanya itu maka angkanya tiba ke

tahap \$307,235,000, walhal pengimportan beras tahunan yang kita laksana khususnya pada tahun 1987 hanya berjumlah \$104,203,030.

Inilah perkiraan yang kita perhitungkan di mana jikalau kita membelanjakan dengan wang yang begitu banyak tetapi pulangan yang tidak memuaskan, maka kita akan mengalami kerugian. Sementara itu walaupun kita hadkan kepada 8 jelapang padi (8 kawasan padi), ini bukan bererti bahawa kita tidak menggalakkan petani-petani kita menjalankan kegiatan secara berkelompok di mana hasilnya akan bertambah. Seperti saya sebut tadi, jikalau hasil bertambah, kita apungkan. Inilah suasana yang ada pada hari ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya semasa kemelesetan ekonomi pada pertengahan 80an, Jawatankuasa Kabinet telah mencadangkan bahawa tanah-tanah lombong terbiar di Perak, Selangor dan negeri-negeri lain diluluskan kepada petani-petani kecil untuk tanaman sayur-sayuran dan tanaman jangka pendek yang lain. Ingin saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan-kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan cadangan Jawatankuasa Kabinet ini dan setakat ini berapa banyak, berapa ratus atau berapa ribu ekar tanah-tanah lombong terbiar telah pun diluluskan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan Negeri sememangnya memberi kerjasama yang rapi kepada Kerajaan Pusat. Soal berapa ekar yang telah diluluskan itu, saya perlu notis kerana tidak mempunyai angka yang tepat di sini. Saya tidak suka memberi suatu angka yang tidak tepat. Yang keduanya, suka

saya memberitahu Yang Berhormat bahawa kita mempunyai banyak kawasan tanah terbiar. Saya hairan pada hari ini bahawa setelah kita memulihkan tanah terbiar, masih terdapat 10,000 hektar yang kembali menjadi terbiar semula. Jadi inilah persoalannya, Bukan soal lombong, soal tanah terbiar memang banyak, kalau boleh usahakan tanah terbiar itu terlebih dahulu supaya tanah-tanah ini tidak akan menjadi terbiar sepanjang masa.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Pertama di manakah tanah-tanah tinggi yang baru akan ditanam sayur-sayuran dan adakah Kementerian bercadang menanam selain untuk kegunaan kita, petai dan jering untuk dieksport, petai dan jering yang berupa berebus atau sebagainya? Dan manakah 8 jelapang padi yang dikatakan kita menanam padi di negara kita?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab yang akhir sekali terlebih dahulu. Jelapang padi yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu ialah jelapang padi kawasan MADA, kawasan MUDA, kawasan Kerian-Sungai Manik, kawasan Barat Laut Selangor, kawasan Besut, kawasan Masin Semerak dan kawasan Seberang Perak-Balik Pulau. Berhubung dengan kawasan tanah tinggi yang mana kita akan tanamkan sayur-sayuran atau mengendalikan penanaman sayur-sayuran tadi, insya Allah, jikalau tidak ada apa halangan, kita akan dapat menjalankan kegiatan tanaman ini sepanjang kawasan cadangan Lebuhraya daripada Genting ke Cameron Highlands.

Berhubung dengan petai dan jering, adakah kita ingin eksport secara rebus atau tidak, jadi pada hari ini kita sedang menjalankan kegiatan promosi di mana pegawai FAMA kita menjelajah seluruh dunia khususnya di

Arab Saudi, United Arab Emirates dan juga negara-negara Timur Tengah yang lain untuk mencari pasaran bagi bahan-bahan yang ada di negara kita ini termasuklah petai dan lain-lain lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

(Soalan No. 8 Y. B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir).

BEKAS ARTIS—BANTUAN

9. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan terdapat para-para Artis, Ahli-ahli Sukan, Karyawan, Pelukis, Pencipta dan lain-lain yang telah mengharumkan negara di satu masa dahulu. Tetapi setelah mereka ditimpa kemalangan, tua dan uzur dilupai oleh negara tanpa menerima apa-apa perhatian khusus, tidakkah pihak Kementerian sedar betapa besarnya jasa mereka pada negara dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi membantu dan mengenangkan jasa mereka kepada negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar bahawa golongan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat kadangkala memerlukan bantuan.

Untuk makluman, semua perkhidmatan dan bantuan yang sedang dikendalikan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah terbuka kepada semua yang memerlukannya tennasuk golongan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak bercadang mengadakan sesuatu skim yang khususnya untuk golongan tersebut buat masa ini tetapi akan berusaha untuk memberi segala bimbingan dan pertolongan mengikut keperluan tiap-tiap satu kes. Sekian.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu tadi berhubung dengan bahawa tidak ada satu peruntukan kepada artis-artis dalam perkara memberi bantuan kebajikan kepada mereka, kita memang faham bahawa peranan artis memang besar dalam pengorbanan diri mereka di bidang kesenian dan kebudayaan negara. Jadi kita lihat banyak sangat artis-artis yang merempat, yang terlantar di rumah-rumah sakit dan juga di rumah-rumah orang tua-tua. Setakat ini tidakkah boleh diberitahu kepada Dewan yang mulia ini, berapa ramai artiskah yang telah diberi sumbangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat setakat ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, pertama kali saya hendak betulkan. Bukan kita tidak ada peruntukan untuk para artis yang sudah mengalami kesusahan tetapi maksud saya tadi ialah kita tidak ada rancangan khas untuk golongan ini, tetapi jika ada seseorang para artis yang menghadapi masalah kehidupan, orang itu boleh terus meminta Kementerian kita menolong mereka dalam sesuatu seperti cari kerja dan lain-lain. Mengenai angka itu, saya minta maaflah sekarang saya tidak ada angka itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyatakan tiada skim bantuan khusus kepada artis-artis tetapi dia sebut ada pertolongan dan bimbingan? Jadi, menyentuh tentang pertolongan dan bimbingan ini, kita dapati hari ini ramai artis yang uzur, yang menderit.

Saya ingin tahu apakah bentuk pertolongan yang diberikan kepada mereka walaupun mereka ini telah meminta berkali-kali, antaranya Mak Enon—Mak Enon itu sudah tua, rumah dia uzur, sebatang karah, apa pertolongan dia buat?

Kedua, A. Halim—dia sakit kencing manis—kasihan kepada dia, apa yang dia tolong?

Ketiga, Anita Jaafar—Anak dia 2 orang, masuk *Straits Times*, apa yang Kementerian tolong? Keempat, Salleh Kamil—dia di Singapura, tetapi banyak beri sumbangan kepada kita. Yang kelima, keenam, saya tidak sebut, saya hendak sebut yang 3, 4 ini dahulu. Jadi ini penting, yang Kementerian harus fikirkan.

Soalan kedua, saya berpendapat perlu diwujudkan satu pampasan, bukan pencen, macam Ahli Parlimen ini, dia tidak diberi pencen. Dia ada pampasan. Apakah bentuk pampasan yang patut dibuat atau diberikan pada artis-artis ini? Sepatutnya ada satu guideline. Saya sudah dengar lama sangat—pampasan, p a m p a s a n, p a m p a s a n, t e t a p i jawabannya tidak ada, tidak ada, tidak ada, tunggu permohonan. Saya kira tidak perlu tunggu permohonan daripada artis, kita yang perlu memberi pertolongan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa soalan?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu sahaja.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya rasa pampasan itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat buat masa sekarang tetapi jika perkara ini sesuai, saya rasa kalau ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat di sini huraikan masalah ini, mungkin kita boleh membuat satu rancangan untuk memberi pampasan para artis dan lain-lain.

Tentang nama-nama orang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya tidak ingat di sini atau dari makluman yang saya dapat terima, bahawa orang-orang ini pernah minta pertolongan dari Kementerian saya.

Kalau Yang Berhormat berkenaan hendak menolong setiap orang itu, saya rasa mintalah mereka terus menulis kepada Kementerian saya dan kita akan kaji sama ada dapat atau tidak dapat pertolongan diberikan.

HAKISAN PANTAI

10. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan mengenai Hakisan Pantai di kawasan Pantai Bagan Ajam hingga ke Penaga di mana pada masa ini keadaan semakin buruk. Apakah langkah dan tindakan-Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bertambah banyaknya kejadian hakisan di pantai-pantai di seluruh negara, Kerajaan telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti kawasan-kawasan pantai yang mengalami hakisan. Hasil dari kajian ini Kerajaan telah mengenalpasti 49 kawasan pantai yang kritikal dan salah satu dari kawasan tersebut ialah kawasan pantai Bagan Ajam hingga ke Penaga.

Tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah di kawasan pantai Bagan Ajam hingga ke Penaga ialah menjalankan kajian kemungkinan dan menyediakan kerja-kerja rekabentuk terperinci. Kerja-kerja rekabentuk terperinci sedang dibuat dan dijangka siap pada bulan Oktober 1989.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, masalah hakisan pantai ini saya rasa tidaklah perkara yang menyusahkan kalau ia tidak terlibat dengan kehidupan masyarakat di kawasan sekitarnya. Penerangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi terdapat 49 kawasan yang agak

kritikal. Saya ingin bertanya, pertama, berapakah peruntukan yang telah diberi bagi mengendali ataupun membaikpulih kawasan pantai sebanyak 49 yang kritikal ini. Adakah ia termasuk dalam program yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya pada hari semalam?

Yang kedua, adakah Kerajaan sedar juga tidak sahaja pantai, tetapi terdapat hakisan di sungai-sungai yang menyebabkan juga terbabit dengan kependudukan di kawasan sekitarnya. Adakah ini juga telah dibuat kajian kerana ianya akan melibatkan sekali gus pembaikan pulih pantai dan sungai yang terlibat dengan kependudukan dan pembangunan negara kita?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua sebenarnya kajian untuk sungai juga telah dibuat, kuala-kuala sungai, semuanya telah dibuat hanya bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan untuk membaiki hakisan sungai dan juga timbunan di kuala sungai pun telah dikaji oleh Kerajaan.

Bagi soalan pertama, saya mohon maaf kerana saya tidak ada mempunyai angka bagi keseluruhan rancangan untuk membaiki 49 kawasan yang telah pun dikenalpasti sebagai kawasan kritikal. Walau bagaimanapun bagi kawasan Bagan Ajam ke Penaga sahaja kos yang mungkin terlibat ialah sebanyak \$18 juta untuk 4.1 kilometer sahaja. Ini 4.1 kilometer memakan belanja lebih kurang \$18 juta, jadi kalau di sini kita terdapat 140 kilometer yang kritikal di seluruh negara dan lebih 240 kilometer lagi yang dalam masa 5 atau 10 tahun lagi akan menjadi masalah yang kritikal juga. Jadi, ini sudah pastilah akan melibatkan perbelanjaan yang banyak bagi menyelamatkan pantai-pantai ini dan Kerajaan memanglah akan menyediakan, membekalkan atau memberikan

peruntukan bagi membantu membaiki atau mengawal pantai-pantai daripada hakis dengan seriusnya.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam 49 kawasan hakisan pantai yang kritikal yang dikenalpasti oleh Jabatan Perdana Menteri, apakah itu juga termasuk pantai di negeri Kedah, kerana di Kedah selalunya bila musitn tengkujuh, hampir berpuluh-puluh ekar tanah yang dihakis oleh laut dan kita tidak tahu Jabatan manakah yang bertanggungjawab bila sesuatu masalah berhubung dengan hakisan pantai yang cepat diambil tindakan, selain daripada Jabatan Perdana Menteri?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada 7 kawasan pantai di negeri Kedah—Sungai Sala ke Padang Gurun, Kuala Kedah, Kampung Cina, Pantai Murni, Tanjung Dawai, Pantai Merdeka dan Kuala Sungai Muda, Agensi yang paling tepat yang menjalankan tugas ini ialah Jabatan Penyaliran, dahulunya Parit dan Taliair, yang dapat membantu bagi pengawalan permulaan untuk mengelakkan hakisan yang lebih teruk.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT/ BRITAIN

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini khususnya dalam pertemuan dengan Presiden George Bush mengenai sejauh manakah jaminan pihak Amerika terhadap pandangan dan harapan Malaysia dalam isu minyak kelapa sawit. Dan juga hasil lawatan dan perundingan dengan ketua-ketua Negara Eropah dalam soal pelaburan, pelajaran dan lain-lain.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat, saya telah pun memberikan jawapan terperinci ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 21hb Jun yang lepas.

Di Britain, Perdana Menteri telah berpeluang berunding dengan Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain dan telah mendapat persetujuan beliau untuk menandatangani Perjanjian Perampasan Harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah.

Di London, Perdana Menteri juga telah berkesempatan merasmikan Cawangan Bank Negara. Tertubuhnya Cawangan Bank Negara kita di London akan mengukuhkan hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain. Penyertaan Britain dalam sektor korporat di Malaysia adalah besar. Pembukaan Cawangan Bank Negara adalah untuk menarik lagi pelaburan Britain ke Malaysia, London juga merupakan pusat kewangan yang penting dan ini akan membolehkan Malaysia mengawasi dan menjamin pertukaran matawang Malaysia tidak menjejaskan ekonomi negara.

Perbincangan dengan Pengerusi-pengerusi Syarikat, GEC (General Electric Corporation), British Aerospace dan Lotus Motors juga telah diadakan dan mereka menyatakan kesediaan mereka mengambil pelajar-pelajar Malaysia untuk latihan sambil bekerja di kilang-kilang mereka di Britain. Adalah dianggarkan 120 penuntut Malaysia yang masih menganggur akan diberi peluang mencari pengalaman pekerjaan di syarikat-syarikat British yang besar-besar ini.

Perdana Menteri juga telah berpeluang berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia di London dan telah

berbincang dengan mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan mereka serta juga perkembangan-perkembangan semasa di Malaysia.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah isu keadaan keselamatan dan hak-hak asasi kemanusiaan dibangkitkan ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Britain dan negara-negara lain di Eropah khususnya dengan pelajar-pelajar Malaysia di Eropah, khususnya memandangkan bahawa Parlimen Eropah pun telah meluluskan satu resolusi untuk menunjukkan concern dengan penggunaan ISA di Malaysia ini. Adakah perkara ini dibangkitkan?

Kedua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbincang ataupun menerima apa-apa persoalan tentang permusnahan alam sekitar di negeri Sarawak dan Sabah tentang pengeksportan tropical hardwood dari negara kita ke Eropah memandangkan khususnya juga kerana sekarang adanya suatu kempen anti-tropical hardwood? Itu sahaja.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Bagi soalan yang pertama tidak yang kedua pun tidak.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan tentang perbincangan di antara Perdana Menteri dengan British Aerospace. Saya ingin dapat tahu apakah kedudukan sebenar Kerajaan mengenai cadangan ataupun mengenai pembelian kapalterbang-kapalterbang pejuang Tornado.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan dalam Kementerian itu.

Tuan P. Patto: Tadi dia ada jawab lain-lain British Aerospace.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Pembelian itu tidak ada dalam Kementerian itu.

Tuan P. Patto: Tetapi, Tuan Speaker belum tahu, biar dia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tahu Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Tuan Speaker tidak terlibat dalam rombongan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, pembelian aeroplane tidak ada dalam Kementerian itu.

Tuan P. Patto: Itu saya tanya dia sama ada perbincangan ada dibuat di antara ketua negara, negara kita Malaysia dan British Aerospace.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Janganlah babitkan point itu, adakan soalan lain.

Tuan P. Patto: Bukan, Timbalan Menteri yang sebuat British Aerospace.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, adakah lain-lain soalan?

Tuan P. Patto: Bukan saya sebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini saya tidak boleh benarkan.

Tuan P. Patto: Kenapa Yang Berhormat Tuan Speaker takut British aerospace, Tornado—skandal?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Pembelian itu

Tuan P. Patto: Kerana rasuah, ada terlibat, ada kickback?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduk!

Tuan P. Patto: Ada komisyen?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya beri amaran Yang Berhormat, duduk sekarang, sekarang juga Yang Berhormat duduk! Bentara—Yang Berhormat, jika tidak duduk sekarang, saya keluarkan Yang Berhormat dari Dewan!

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri penjelasan. kenapa tidak boleh soal British Aerospace.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Dewan!

Tuan P. Patto: Apakah British Aerospace begitu sensitif?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bentara—keluarkan dia!

Seorang Ahli: Begitu sensitif?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan memaksa saya mengambil tindakan yang berat.

Tuan P. Patto: Saya buat soalan tambahan bersabit dengan British Aerospace, yang dibuat oleh Timbalan Menteri, bukan saya yang reka, saya tidak reka soalan tambahan itu. Perkataan British Aerospace.

Beberapa Ahli: (*Menepuk-menepuk meja*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak keluar sekarang, saya ingin ambil tindakan yang lebih keras, saya minta Yang Berhormat keluar!

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, kena adil. . . .

Beberapa Ahli: (*Menumbuk meja*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sesiapa yang tumbuk

meja begitu juga saya akan ambil tindakan (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Janganlah buat begitu.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduk!

Tuan P. Patto: Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat keluar!

Tuan P. Patto: Duduklah, keluar, yang mana satu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Keluar!

Tuan P. Patto: Tadi, Tuan Speaker kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat ruling keluar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong duduk, tidak boleh terima order sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh sekarang. Apabila saya sudah buat satu ruling, masa itu tidak boleh. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bentara—keluarkan Yang Berhormat dari Ipoh dahulu! selepas itu saya boleh dengar point of order.

Tuan P. Patto: Selesaikan perkara ini dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya minta point of order.

Tuan P. Patto: Selesaikan perkara ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Ipoh keluar!

Tuan P. Patto: Tuan Speaker bukan lebih besar daripada Standing Orders.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, keluar!

Tuan Lau Dak Kee: Selesaikan point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Saya membantah dengan sekeras-kerasnya. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta Yang Berhormat dari Tanjong, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri atas point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh sekarang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya atas point of order mana saya tidak boleh berdiri atas point of order. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang tidak boleh Yang Berhormat. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Kita mengikut Peraturan Mesyuarat, bukan mengikut sewenang-wenangnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Tanjong sedar apabila saya telah buat satu ruling dan masa itu ruling tidak dipatuhi oleh seorang Ahli Yang Berhormat, sesiapaapun tidak boleh mengganggu prosiding.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak tanya di bawah apa peraturan ruling dibuat, sama ada Tuan Yang di-Pertua mengikut Peraturan Mesyuarat apabila buat ruling itu, bolehkah Tuan Yang di-Pertua yang sebenarnya mahu menjalankan kuasa sebagai hakim di dalam perkara ini, (*Tepuk*) gunakan apa peraturan, di mana Tuan Yang di-Pertua menamakan seseorang itu keluar apa peraturan, ada ikut peraturankah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan 44 Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan 44?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dengar itu, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat, saya tidak benarkan apa-apa point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh, jangan buat point of order, keluarlah yang itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, keluar dahulu!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Keluarlah dahulu, apalah!

Tuan P. Patto: Saya ingat selesaikan point of order itu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Ipoh, kalau Yang Berhormat dari Ipoh tidak keluar sekarang juga, saya akan ambil tindakan di bawah Peraturan 44 (2).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Biarlah dahulu.

Seorang Ahli: point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kena keluar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya ingin suspend Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak patuhi sekarang juga.

Tuan P. Patto: Apa sebab Tuan Speaker begitu sensitif bila British Aerospace—Tornado, saya hairan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Setiausaha, sila beri usul itu kepada Menteri.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, nanti dahulu, Tuan Speaker belum putuskan tentang point of order itu.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, di mana kuasa digunakan.

Tuan Lau Dak Kee: Di mana kuasa.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, gunakan ini dahulu dan putuskan ini dahulu.

Tuan Hu Sepang: Duduklah!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah Hu Sepang, sibuk.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, dia tidak duduk.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah, Pinji, sibuk, duduk, duduk! Saya, Tuan Speaker tidak suruh duduk lagi, dia tidak marah pun, awak yang sibuk, bodoh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, sila duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, saya beri peluang yang last sekali. Kalau Yang Berhormat tidak keluar, saya ingin ambil tindakan sekarang.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tidak payah cerita tentang peluang. Saya ingin mendapat tahu daripada Tuan Speaker, bolehkah Tuan Speaker dengar kepada point of order yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang dahulu dan buat keputusan atas itu dahulu sebelum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya sudah buat ruling, kalau Yang Berhormat tidak patuhi, saya akan namakan Yang Berhormat dan dikeluarkan untuk sesi ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Keluarlah.

Beberapa Ahli: Ini Parlimen, ini bukan MIC. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang lain diam!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order, Tuan Speaker. Ini sudah 10 minit masa sudah habis.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya minta putuskan atas apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang atas point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, sekarang saya suka buat satu ruling, Yang Berhormat mesti patuhi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mesti patuh, dia tidak patuh, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah arahkan Yang Berhormat keluar dari Dewan ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bodoh.

Seorang Ahli: MIC.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat tidak.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Dia tidak hendak keluar. 44 (1) Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tahu.

Tuan P. Patto: Point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ini point of order, dia tidak erti.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order 44 (2) atau 44 (3).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijaandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tahu 44 (2) atau 44 (3).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Speaker, lambat dia keluar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tahu 44 (2) atau 44 (3)?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pegidah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tanjong pun keluar juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya telah kata, saya ambil tindakan tadi.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pinji bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, Yang Berhormat dari Marang, duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, tadi saya sudah ambil tindakan di bawah 44 (1), tetapi kalau Yang Berhormat dari Ipoh tidak patuhi arahan itu, saya ingin ambil tindakan di bawah 44 (3).

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang kita di peringkat 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya telah buat satu arahan kepada Yang Berhormat, dia tidak patuhi.

Tuao Lim Kit Siang: Bukan, sekarang kita diperingkat mana—44 (1)?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 44 (1).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Speaker, 44 (1).

Tuan Hu Sepang: Duduklah! diamlah di sana.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Awak bukan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh tidak mahu patuhi.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang di peringkat mana?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya ingin masuk di peringkat 44 (2) dan 44 (3),

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sokong Tuan Speaker, 44 (1).

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang belum masuk peringkat 44 (1) atau kita

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sokong Tuan Speaker 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 44(1) dia tidak patuh Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tambah lagi 44 (2).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Marang juga duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sokong Tuan Speaker, bukan hendak lawan Tuan Speaker. Yang lain itu tidak erti bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat, tidak besar masalah ini, duduk sekarang Yang Berhormat! Sebab Yang Berhormat dari Tanjong minta, saya terjinkan satu kali lagi yang last. Mula-mula saya gunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan sekarang saya kata lagi satu kali, sekarang saya beri peluang untuk Yang Berhormat dari Ipoh keluar dari mesyuarat sekarang. Kalau dia tidak patuh itu, saya ingin ambil tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (2) dan 44 (3) di mana saya ingin namakan dia, itu sahaja. Terima itu dan keluar—habis cerita.

Tuan P. Patto: Boleh saya dapat tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D, P. Vijandran): Kalau tidak, satu perkataan lain pun saya tidak mahu dengar.

Tuan P. Patto: Sebelum saya buat keputusan—saya buat keputusan, saya ingin mendapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak boleh dengar apa-apa lagi.

Tuan P. Patto: Bolehkah kami diberitahu apa sebab Tuan Speaker menggunakan 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri. Okay, saya sekarang hendak namakan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat dari Tanjong!

Ahli-ahli DAP: (*Bersorak*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat kalau buat lagi apa-apa, saya ingin namakan.

Ahli-ahli DAP (*Menyampuk*)

(*Ahli-ahli DAP keluar Dewan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat yang hendak minta soaian lain, boleh.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang dalam suasana yang aman (*Ketawa*).

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kenapa tadi tidak aman, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang aman, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kesilapan yang tidak aman ini kerana Tuan Yang di-Pertua tidak beri masa tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada lagi dua minit sahaja.

Dato' Zainal Abidin bin Zain: Pertenggaran tadi tidak masuk dalam waktu soal-jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Masuk juga, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya hendak minta waktu tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Ali.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12 dan saya harap soalan ini tidak kecoh (*Ketawa*).

PROGRAM KHAS JENERASI MUDA

12. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Penerangan menyatakan bentuk program khas untuk menimba perasaan dan cita-cita jenerasi muda, mengenai masa depan negara. Bagaimanakah program khas ini akan dilaksanakan dan Modus Operandinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dasuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memang mempunyai beberapa rancangan khas untuk membina perasaan dan cita-cita jenerasi muda mengenai masa hadapan negara. Walaupun begitu, Kementerian belum bercadang untuk mengumumkannya sehingga implikasi dan kesan sesuatu tindakan itu dikaji betul-betul.

Sebagai gambaran ringkas sahaja, satu dari rancangan itu ialah untuk memberi lebih banyak peluang kepada anak-anak muda kita di tanahair ini untuk membayangkan perasaan, harapan dan aspirasi mereka melalui karangan atau lukisan-lukisan yang dipertontonkan kepada orang ramai melalui TV. Mereka juga akan diajak mengambil bahagian yang lebih banyak dalam rancangan wawancara dan temubual di Radio dan TV, manakala lebih banyak liputan akan dibuat terhadap publisiti-publisiti dan kegiatan-kegiatan mereka. Semua ini sebenarnya telah mula dijalankan dan ia akan diperhebatkan lagi sesudah rancangan-rancangan itu diberi bentuk dan isi yang lebih konkrit.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, mohon masa tambahan 10 minit, 20 minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Dalam bola sepak ada "penalty time", jadi ini tidak ada? (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya nampak dan dapati bahawa begitu ramai jenerasi muda di negara kita ini

yang inginkan mungkin menikmati keindahan daripada program-program yang ada pada RTM. Adakah pihak RTM ataupun Kementerian yakin bahawa dengan jumlah jenerasi muda yang begitu ramai, adakah RTM yakin ataupun Kementerian Penerangan yakin yang dia mampu untuk melayani kehendak-kehendak mereka ini walaupun Yang Berhormat tadi telah menyenaraikan beberapa program yang akan dilakukan. Kalau yakin agaknya apakah langkah-langkah yang berkesan yang akan diambil supaya jumlah ini akan dapat disqueeze dalam program-program yang dicadangkan nanti.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang dikehendaki oleh golongan pemuda ataupun golongan belia bukanlah merupakan satu tanggungjawab Kementerian Penerangan sahaja, tetapi ia adalah merupakan tanggungjawab bersama bukan sahaja daripada pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan, juga daripada Yang Berhormat sendiri. Jadi dengan demikian, soal yakin atau tidak yakin di sini tidak timbul. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Penerangan/RTM akan melaksanakan semampu yang mungkin bagi tujuan untuk melayani kehendak mereka ke arah menjuruskan kepada nilai-nilai yang murni yang dapat diterima oleh masyarakat kita sebagai masyarakat yang berbudaya dan masyarakat yang beragama.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada masa, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 5, 8 dan 13 hingga 63 adalah diberi di bawah ini.*)

PAKAR SAKIT JANTUNG

2. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa orangkah pakar sakit jantung yang berkhidmat di Hospital;
- (b) berapa orangkah yang telah menjalani operasi lintasan coronary (coronary by pass) termasuk Y.A.B. Dato' Sri Perdana Menteri; dan
- (c) bagaimana pula kelengkapan-kelengkapan yang diadakan setakat ini, adakah memuaskan.

Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat):

- (a) Bilangan pakar sakit jantung yang berkhidmat di Hospital Besar Kuala Lumpur ialah 8 orang, iaitu 5 pakar kardiologi dan 3 pakar bedah kardiothoraxik. Selain daripada ini ada juga 5 pakar kardiologi dan 2 pakar bedah kardiothoraxik di Hospital Universiti, Universiti Malaya.
- (b) Sebanyak 272 pesakit telah menjalani operasi coronary artery by pass di Hospital Besar Kuala Lumpur sejak tahun 1982 sehingga sekarang.
- (c) Kelengkapan-kelengkapan yang diadakan setakat ini adalah memuaskan.

JALAN TANJUNG MALIM-KUALA LUMPUR—KESESAKAN LALULINTAS

3. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) Adakah pihak Kerajaan menyedari kesesakan trafik di jalan dari Kuala Lumpur ke Tanjung Malim dan selain daripada jalan tol yang sedang dibina oleh PLUS, apakah

lain-lain tindakan yang telah dan sedang dirancangan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masaiah tersebut; dan

- (b) Adakah pihak Kerajaan sedar jalan tersempit di hadapan zon pasar borong di Selayang sedang menyusahkan pelanggan-pelanggan jalan ke Utara dan bilakah Kerajaan akan membesarkan jalan tersebut untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok):

- (a) Kerajaan sedar keadaan kesesakan lalulintas dari jalan Tanjung Malim-Kuala Lumpur. Oleh yang demikian beberapa tindakan telah diambil seperti melebarkan dan memperelokkan jalan raya Kuala Lumpur-Tanjung Malim ini. Antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan termasuklah kerja memperbaiki muka jalan dan kerja memperelokkan jajaran jalan raya tersebut dari Km 49.6 hingga Km 52.4 yang mana melibatkan pembinaan sebuah jambatan baru. Kerja-kerja ini telah pun disiapkan pada tahun 1988 yang lalu. Selain dari itu jambatan Kerling juga telah dilebarkan. Tindakan-tindakan seterusnya akan sentiasa diambil dari masa kesemasa untuk mengatasi kesesakan lalulintas, mengikut peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan. Langkah-langkah ini juga akan diambil bagi jalan-jalan raya di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah tersebut adalah sebagai tindakan jangka pendek sahaja, sebagai langkah jangka panjang, kesesakan dijangka akan dapat diatasi dengan pembinaan jalan raya Utara-Selatan termasuk

bahagian daripada Ipoh-Kuala Lumpur yang dijangkakan siap pada tahun 1993. Dengan terlaksananya lebuhraya itu jumlah kenderaan yang mengguna jalan raya sedia ada akan berkurangan. Dan seterusnya dapat mengurangkan kesesakan lalulintas di jalan raya Tanjung Malim-Kuala Lumpur khususnya dan pantai barat amnya.

- (b) Pihak Kerajaan sedar akan hal ini dan oleh itu tindakan telah diambil untuk melebarkan bahagian jalan ini. Tawaran bagi kerja ini telah ditawarkan dengan harga kontrak sebanyak \$9.5 juta dan kerja-kerja telah pun bermula pada 15 Mac 1989 yang lalu dan dijangka siap dalam tempoh 78 minggu. Antara kerja yang terlibat ialah melebarkan jalan tersebut menjadi jalan raya enam lorong dua hala dari persimpangan bertingkat Kepong hingga ke persimpangan bertingkat Selayang. Jumlah panjang jalan yang terlibat ialah 4.57 km. Selain dari itu juga, longkang-longkang tepi jalan yang besar akan dibina bagi mengelakkan dari berlakunya banjir apabila hujan lebat seperti yang dialami sekarang.

DISIPLIN ANGGOTA TENTERA

5. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan:

Penjelasan Kementerian mengenai standard askar sekarang, khasnya perihal penjagaan senjata api masing-masing, lebih-lebih lagi semasa bertugas. Dalam sejarah ketenteraan negara sejak merdeka, apakah bilangan kejadian kehilangan senjata api? Apakah bilangan orang tentera darat, laut dan udara yang pernah disingkir, turun pangkat atau dikenakan

tindakan disiplin yang lain kerana tertangkap bersubahat dengan orang luar menjual, mencuri atau menyalahgunakan kelengkapan serta bekalan tentera?

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Peristiwa kehilangan senjata api tidak mencerminkan kemunduran disiplin atau menjejaskan mutu profesionalisme ketenteraan, sama ada kehilangan berlaku disebabkan kelalaian atau semasa operasi. Standard menjaga senjata api adalah ditahap yang memuaskan. Pentingnya penjagaan senjata api telah pun disematkan disetiap jiwa anggota tentera. Semenjak hari pertama masuk tentera lagi (rekrut) seorang tentera telah dilatih supaya "berdamping" menjaga senjata persendirian masing-masing, sehinggalah tamat perkhidmatan. Angkatan Tentera Malaysia mempunyai peraturan, prosedur serta undang-undang yang lengkap dan kemaskini di dalam aspek menyimpan/mengeluar senjata, peluru dan letupan. Segala prosedur mengenai tatacara penggunaan dan penjagaan senjata api ada terkandung di dalam perintah pengawal.

Setiap kejadian kehilangan senjata adalah diibaratkan sebagai kes yang terpencil (isolated cases) serta terjadi secara kebetulan yang dipengaruhi oleh suasana keadaan sekeliling iaitu tempat yang berlaku adalah yang tidak/kurang disangkakan serta motifnya adalah untuk merampas bagi tujuan lain.

Adalah sukar untuk memastikan bilangan kehilangan senjata api yang tepat semenjak merdeka iaitu 32 tahun yang lalu, walaupun begitu bolehlah saya nyatakan bahawa dalam sejarah ketenteraan negara semenjak merdeka jumlah kehilangan senjata api dalam ketiga-tiga perkhidmatan angkatan

tentera adalah sangat kecil. Kejadian-kejadian sedemikian tidak mencerminkan kelemahan Angkatan Tentera keseluruhannya khas dari segi penjagaan senjata api.

Kepada mana-mana anggota tentera yang didapati bersalah melakukan kejadian yang boleh menyebabkan kehilangan senjata api akan dikenakan hukuman termasuk disingkirkan daripada perkhidmatan.

KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kerajaan bagi mencapai kadar kenaikan KDNK 2% lagi dalam tempoh 10 tahun akan datang sebagaimana maklumat yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER); dan
- (b) apakah di antara faktor yang menghalang pencapaian dan pertumbuhan KDNK yang lebih baik iaitu setakat 7.1% pada tahun 1989 seperti ramalan MIER berbanding dengan pencapaian KDNK pada kadar 8.2% tahun 1988.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini Kerajaan masih belum menetapkan matlamat pertumbuhan ekonomi bagi tempoh 10 tahun akan datang. Oleh itu adalah terlalu awal untuk menyatakan dengan terperinci tentang rancangan-rancangan bagi tempoh tersebut. Apa yang dapat saya nyatakan di sini ialah Kerajaan akan terus memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam jangka panjang. Sejajar dengan hasrat

ini. langkah-langkah akan terus diambil untuk meningkatkan kegiatan sektor swasta supaya dapat berkembang dengan pesat, di samping meningkatkan produktiviti serta kecekapan daya bersaing.

- (b) Berhubung dengan pertumbuhan ekonomi bagi tahun-tahun 1988 dan 1989, ianya adalah seperti yang dilaporkan di dalam Kajian Separuh Penggal RML. Sukacita saya maklumkan bahawa kadar pertumbuhan bagi tahun 1988 adalah sebanyak 8.7% iaitu lebih tinggi dari anggaran awal seperti di dalam Laporan Bank Negara 1988 yang dikeluarkan dalam bulan Mac 1989 lalu. Bagi tahun 1989 pula, ekonomi negara dijangka berkembang sebanyak 7.3%. Kadar pertumbuhan yang secara relatif iebih rendah ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan permintaan luar negeri yang dijangka lebih perlahan berbanding dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, saya menegaskan bahawa paras pertumbuhan ini adalah tinggi sekiranya dibandingkan dengan pencapaian di masa-masa lalu.

RUMAH BAGIPESARA ANGKATAN TENTERA

13. Tuan P. Patto minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa Kerajaan tidak mahu mengambil langkah supaya membolehkan pesara-pesara Angkatan Tentera dan Polis yang masih belum mempunyai rumah sendiri untuk menggunakan pencen mereka membeli rumah dalam rancangan-rancangan perumahan di mana didapati rumah yang sudah siap dibina masih belum dijual habis, khususnya rumah kos rendah dan rumah berderet.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua rumah yang dibina oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), adalah ditawarkan kepada mereka yang memohon dan berkelayakan dari segi pendapatan dan syarat-syarat lain, termasuk pesara polis dan tentera. Begitu juga bagi rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta. Oleh yang demikian adalah tidak perlu lagi bagi Kerajaan untuk mengambil langkah khas bagi membolehkan pesara-pesara tersebut membeli rumah yang telah siap tetapi belum dijual.

RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI LUAR NEGERI

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebanyak berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia bekerja di Jepun, Taiwan dan Middle East, di mana mereka diseksa oleh majikan-majikan dan orang tengah, mereka tinggal di tempat yang kecil dan keadaannya tidak sihat, selalu dirompak malah seorang dibunuh, sama ada beliau boleh mengambil langkah secepat mungkin untuk membantu dan melindungi mereka.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kementerian Luar Negeri memanglah sedar bahawa terdapat jumlah yang agak besar bilangan rakyat Malaysia yang bekerja di Jepun, Taiwan dan Asia Barat. Jumlah sebenarnya rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri ini tidaklah diketahui kerana pemergian mereka tidaklah teratur dan kebanyakan mereka ini juga tidak melaporkan diri di Kedutaan kita. Mereka juga mungkin ke negara berkenaan sebagai pelancong dan tinggal secara haram apabila tempoh lawatan ke negara

berkenaan tamat. Oleh kerana status mereka sedemikian rupa ditambah pula usaha untuk mencari pendapatan yang lebih, kebanyakan mereka ini tidaklah begitu mengambil berat tentang masalah tempat tinggal dan soal-soal persekitaran dan kesihatan.

Kementerian Luar Negeri memang mengambil berat dan semiasa membantu rakyat Malaysia yang dalam kesusahan di seberang laut serta memberi perlindungan dan pertolongan yang sewajarnya berlandaskan kepada undang-undang di negara berkenaan.

Dalam usaha untuk membantu dan melindungi rakyat Malaysia ini, Kedutaan-kedutaan kita di seberang laut sekiranya mengetahui tentang penganiayaan yang telah berlaku pada rakyatnya akan segera membuat penyiasatan dan hasil siasatan ini akan dimaklumkan kepada pihak berkenaan di tanah air supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Dalam masa yang sama Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaannya akan membuat persembahan kepada negara berkenaan melalui saluran diplomatik supaya tindakan sewajarnya dibuat berlandaskan undang-undang negara berkenaan.

Menyentuh kes seorang warga-negara Malaysia dibunuh di Jepun sebenarnya pembunuhan ini berlaku dahpada pergaduhan antara mereka sendiri dan tidaklah dilakukan oleh orang-orang di negara berkenaan.

KEMUDAHAN PERUBATAN DISABAH

15. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa Negeri Sabah masih menghadapi masalah kekurangan kemudahan perubatan yang cukup dan juga perkhidmatan perubatan;

- (ii) sama ada beliau sedar tentang ujudnya tiada keseimbangan pembahagian doktor-doktor yang sangat bersikap berat sebelah terhadap kawasan luar bandar;
- (iii) sama ada beliau sedar bahawa penyakit Cholera, Typoid dan Malaria masih merupakan masalah kesihatan yang utama khususnya di kawasan luar bandar; dan
- (iv) apakah langkah-langkah yang diambil atau akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan itu.

Tuan Ng Cheng Kiat:

- (i) Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa melalui beberapa perancangan pembangunan Malaysia Lima Tahun Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbanyakkan dan meningkatkan lagi kemudahan dan perkhidmatan perubatan di Negeri Sabah. Misalnya, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sahaja sebanyak \$57.6 juta telah diuntukkan bagi melaksanakan 112 projek kesihatan di Negeri Sabah. Ini termasuk pembinaan sebuah Hospital Daerah yang baru di Kota Marudu yang akan bermula pada akhir 1989, serta juga pengubahsuaian Hospital Besar Sandakan dan Hospital Daerah Tawau.
- (ii) Pembahagian doktor-doktor di Sabah, seperti juga di negeri-negeri yang lain, adalah tertakluk kepada keperluan dan kemudahan kesihatan yang terdapat.
- (iii) Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa penyakit Cholera, Typoid dan

Malaria masih lagi menjadi masalah kesihatan di Sabah. Langkah-langkah utama yang sedang diambil untuk mencegah penyakit Cholera dan Typoid ialah:

- (1) Menyediakan bekalan air yang bersih dan tandas yang sempurna kepada penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat;
- (2) Memperbaiki mutu makanan serta penyediaan makanan yang dijual kepada orang ramai dan menjaga kebersihan gerai-gerai makanan dan restoran-restoran; dan
- (3) Memberi pelajaran kesihatan kepada orang ramai yang bertujuan untuk menasihatkan mereka supaya tahu cara-cara jangkitan penyakit Cholera dan Typoid dan cara mengelakkan daripada terkena penyakit yang berkenaan.

Berkenaan dengan penyakit Malaria pula, di antara langkah-langkah utama yang diambil untuk mengawal penyakit ini ialah:

- (1) Membunuh nyamuk pembawa kuman Malaria dengan semburan DDT di kawasan-kawasan yang bermasalah Malaria;
- (2) Di kawasan yang sama mengesan pesakit Malaria dan seterusnya merawat mereka; dan
- (3) Pemberian pelajaran kesihatan kepada penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat dengan Malaria tentang bahaya penyakit Malaria, cara-cara menjauhkannya termasuk menggunakan kelambu dan repellents.

RUMAH PEKERJA LADANG

16. Tuan Haji Mohd. Sharifbin Jajang minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) apakah yang terjadi kepada perancangan pembinaan rumah-rumah pekerja ladang dan lombong, memandangkan keperluan rumah bagi pekerja ladang semakin ketara. Ladang-ladang besar dalam negara adalah dimiliki oleh Permodalan Nasional Berhad sudah tentu rundingan dan persetujuan lebih mudah diperolehi; dan
- (b) apakah usaha-usaha positif Kementerian Buruh memastikan perlaksanaan Rancangan Perumahan Pekerja Ladang khususnya di Ladang Sepang yang telah lama dirancang menjadi kenyataan dan seterusnya dinikmati oleh lebih dari 500 orang pekerja.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Skim Memiliki Rumah Pekerja adalah merupakan satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka. Hasil dari nasihat dan galakan Jabatan Buruh setakat ini 8 buah ladang dan sebuah lombong telah berjaya melaksanakan Skim ini dengan membina 1,605 unit rumah untuk pekerja-pekerjanya. Kini 2 buah ladang dan 3 buah lombong sedang dalam proses membina sejumlah 2,082 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerjanya. Selain daripada itu sebanyak 13 buah ladang dan 3 buah lombong telah menunjukkan minat untuk menyertai skim tersebut dan sejumlah 8,062 unit rumah telah dicadangkan untuk dibina. Pelaksanaan skim-skim ini sedang dalam berbagai peringkat kemajuan.

Perbadanan Nasional Berhad (PNB) mempunyai kepentingan dari segi penyertaan "equity" dalam tiga syarikat perladangan seperti berikut:

- (i) Kumpulan Guthrie Bhd. .. 70%
- (ii) Harrison Malaysia Plantation Bhd. 41.6%
- (iii) Sime Darby Berhad .. 6.9%

Kumpulan Guthrie Bhd. ada melancarkan Skim Memiliki Rumah Pekerja di beberapa buah ladangnya manakala Harrison Malaysia Plantation Bhd., ada menyediakan perumahan yang cukup untuk semua pekerja-pekerja ladangnya.

Ladang Sepang, di Sepang Darul Ehsan adalah sebuah ladang kepunyaan "Harrisons Malaysia Plantations Bhd." Syarikat perladangan ini ada menyediakan 384 unit rumah pekerja yang mencukupi untuk menampung perumahan bagi 528 pekerja-pekerjanya yang tinggal di ladang itu termasuk 1,681 orang-orang tanggungan mereka. Rumah-rumah ini dibina mematuhi peruntukan-peruntukan Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966.

Memandangkan Skim ini merupakan satu Skim Penyertaan Suka-rela maka majikan-majikan ladang tidak akan dipaksa untuk melaksanakannya tidak kira pihak mana yang memiliki sesebuah ladang itu. Walau bagaimanapun Kementerian Buruh sentiasa mendorong Jadang-ladang besar supaya menyertai Skim ini. Untuk menggalak dan mendorong lebih banyak penyertaan majikan ladang dalam skim ini, Kementerian Buruh telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Berusaha untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Koordinasi Bagi Skim Memiliki Rumah Pekerja.
- (ii) Menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja untuk mengambil sebarang tindakan

positif terhadap syor-syor dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Koordinasi yang tersebut.

- (iii) Mendapatkan kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan yang terlibat untuk melicinkan pelaksanaan skim ini yang biasanya mengambil masa yang panjang.
- (iv) Pegawai-pegawai Buruh juga memberi nasihat kepada majikan-majikan ke atas perkara-perkara mengenai skim ini yang melibatkan agensi Kerajaan.

KAKITANGAN KEMAS YANG KOSONG

17. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah pegawai dan kakitangan KEMAS yang kosong dan bilakah kekosongan itu hendak diisi supaya program kemiskinan dapat berjalan dengan lancar kerana rancangan berkenaan memerlukan tenaga pegawai yang cukup.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Pada keseluruhannya bilangan kekosongan pegawai dan kakitangan KEMAS pada masa ini ialah sebanyak 967 jawatan, yang meliputi 89 jawatan tetap, 48 jawatan kontrak dan 830 jawatan sementara.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa berusaha untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut mengikut kepentingan dan keperluan dari semasa ke semasa.

Walaupun terdapat kekosongan jawatan tetapi pihak KEMAS masih dapat meneruskan pelaksanaan programnya mengikut keupayaan yang

sedia ada dan secara keseluruhannya ia tidaklah menjejaskan program yang telah dan sedang dijalankan.

PROGRAM PETANI SISWAZAH

18. Tuan Chew Kam Hoy meminta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) setakat manakah kejayaan yang dicapai dalam skim pertanian siswazah;
- (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaannya; dan
- (c) bagaimanakah masalah-masalah tersebut diatasi.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Sehingga 17hb Jun, 1989 seramai 764 siswazah telah mendaftar di bawah Program Petani Siswazah, Kementerian Pertanian. Daripada bilangan tersebut, seramai 197 siswazah telah mengikuti latihan orientasi yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian manakala 219 siswazah lagi telah pun melibatkan diri mengusahakan 115 projek pertanian.

Masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan projek adalah:

- (i) Kesukaran mendapatkan tanah yang sesuai;
- (ii) Sumber kewangan yang tidak mencukupi;
- (iii) Konteks dalam pemasaran hasil; dan
- (iv) Sikap siswazah yang kurang minat dalam pekerjaan pertanian.

Cara-cara masalah tersebut diatasi adalah:

- (i) Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah memperuntukkan tanah-tanah pertanian yang sesuai khas untuk petani siswazah. Di samping itu skim-skim khas

juga diadakan oleh Agensi-agensi Wilayah bagi mengatasi masalah ini.

- (ii) Bank Pertanian Malaysia telah mengadakan kemudahan kewangan kepada petani siswazah. Institusi-institusi kewangan swasta juga digalakkan memberi kemudahan kredit kepada petani siswazah.
- (iii) FAMA telah ditugaskan untuk membantu petani-petani siswazah memasarkan keluaran-keluaran mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, pemasaran basil menerusi sektor swasta juga mendapat khidmat nasihat dari FAMA.
- (iv) Bagi menanamkan minat siswazah kepada pekerjaan di sektor pertanian, Kementerian Pertanian mengadakan latihan-latihan orientasi yang bertujuan memberi pendedahan kepada siswazah tentang bidang pertanian yang berpotensi untuk diceburi, memberi motivasi dan mendedahkan mereka kepada ciri-ciri keusahawanan.

PENIPUAN WANG BANK NEGARA

19. Tuan Nurnikman Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang yang dapat dikutip semula daripada sejumlah \$22 juta wang dari Bank Negara yang dilesapkan itu. Adakah semua orang-orang yang terlibat dalam penipuan itu sudah diberkas. Apakah pula tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Sehingga 20 Jun 1989, pihak polis telah berjaya mendapat semula

sejumlah kira-kira \$4.1 juta wang dan hartabenda yang telah dibeli dengan wang yang dilesapkan itu. Di samping itu, pihak polis juga telah berjaya mengesan kira-kira \$3 juta lagi wang dan hartabenda di luar negeri dan sedang berusaha untuk mendapatkannya semula.

Mengenai orang-orang yang disyaki terlibat, seramai 2 orang lagi masih belum berjaya diberkas oleh pihak polis.

Bagi mencegah daripada berulangnya kejadian seumpama itu, pihak Bank Negara telah mengambil langkah-langkah tegas untuk memperkukuhkan kawalan dalamnya dengan cara memperketatkan prosedur dan penyeliaan di Jabatan Akaun dan menguatkan lagi Bahagian Audit Dalam. Di samping itu, Bank Negara juga telah mendapatkan khidmat sebuah firma perunding bagi mengkaji semula prosedur serta manual operasi yang sedia ada bagi memperketat dan memperbaiki lagi sistem kawalan Bank Negara secara keseluruhannya.

EKSPORT BARANGAN ELEKTRONIK

20. Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah nilai eksport barangan elektronik, hawa dingin, barangan elektrik dan tekstil dan negara manakah yang banyak mengimport barang-barang tersebut. Adakah benar bahawa negara kita merupakan negara ketiga terbesar di dunia dalam pengeksportan barangan elektronik.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Jumlah eksport keluaran komponen elektronik serta perkakas dan jentera elektrik dalam tahun 1988 ialah bernilai \$15,164 juta. *Eksport komponen elektronik* sahaja bernilai

\$8,711 juta dan negara-negara utama yang mengimport keluaran ini ialah *Amerika Syarikat, Singapura dan Hong Kong.*

Eksport *barangan elektrik* dalam tahun yang sama bernilai \$6,453 juta dan ianya mengandungi perkakas elektrik, bernilai \$1,069 juta dan jentera elektrik, bernilai \$5,384 juta. Pengimport-pengimport utama keluaran ini adalah terdiri daripada *Amerika Syarikat, Jepun dan Negara-Negara Kesatuan Ekonomi Eropah.*

Eksport alat *hawa dingin* dalam tahun 1988 bernilai \$461.2 juta dan negara utama pengimport keluaran ini ialah *Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun.*

Dalam tahun 1988 eksport *tekstil termasuk pakaian* bernilai \$3,045 juta. *Amerika Syarikat, Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah* dan negara-negara lain seperti *Jepun, Hong Kong dan Canada* adalah pengimport terbesar.

Barangan elektronik terdiri daripada barangan yang sudah siap dan separuh siap seperti komponen elektronik. Berasaskan hakikat ini Malaysia bukanlah negara ketiga terbesar di dunia mengeksport barangan elektronik. Walau bagaimanapun Malaysia adalah satu daripada negara membangun terbesar mengeksport komponen elektronik seperti "semi-conductors".

INDUSTRI KELAPA SAWIT

21. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kelapa sawit dari segi luas tanah pertanian, guna tenaga buruh, dan tukaran wang asing. Adakah Y.B. Menteri puashati dengan kemajuan pasaran tradisi di samping mencari pasaran-pasaran baru.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik); Industri kelapa sawit memang memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara dari segi pendapatan mata wang asing, peluang pekerjaan dan penggunaan tanah. Dari segi pendapatan eksport, pada tahun 1988 negara kita telah mengeksport sebanyak 4.3 juta tan metrik minyak kelapa sawit bernilai \$5.56 ribu juta. Menurut "Oil World", sebuah majalah antarabangsa mengenai minyak dan lemak, untuk tempoh-tempoh 1988-1992, 1993-1997 dan 1998-2002, Malaysia akan dapat meningkatkan lagi eksport minyak kelapa sawit tahunannya kepada purata masing-masing sebanyak 5.7 juta tan metrik, 7.5 juta tan metrik dan 9.4 juta tan metrik setahun.

Dari segi peluang pekerjaan, pada masa ini industri kelapa sawit menampung kira-kira 95,296 orang pekerja dalam ladang-ladang swasta serta 200,000 keluarga dalam skim-skim kemajuan tanah dan pekebun-pekebun kecil persendirian di samping kira-kira 18,000 orang pekerja dalam perusahaan memproses. Dengan kemajuan yang akan dicapai oleh industri kelapa sawit pada masa depan, adalah dijangka perusahaan ini akan dapat memberi lebih peluang pekerjaan. Dalam hubungan ini, perusahaan penanaman sebenarnya menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh dan Kerajaan telah pun melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk membantu pihak industri menyelesaikan masalah ini.

Mengenai luas tanah yang digunakan, kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit di Malaysia pada masa ini ialah kira-kira 1.78 juta hektar. Selaras dengan peruntukan Dasar Pertanian Negara, keluasan ini dijangka akan terus bertambah dalam tahun-tahun yang akan datang dan dianjurkan mencapai 2.71 juta hektar menjelang tahun 2000.

Mengenai pemasaran, prestasi industri minyak kelapa sawit sehingga ini boleh dianggap memuaskan. Di samping umumnya mengekalkan kedudukan dalam pasaran-pasaran tradisi, pasaran-pasaran baru seperti Republik Rakyat China, Republik Korea, Republik Islam Iran dan Egypt telah diterokai. Untuk masa hadapan, Kerajaan bersama-sama dengan pihak industri akan terus menjalankan usaha-usaha galakan pasaran untuk mengekalkan kedudukan dalam pasaran-pasaran yang sedia ada dan pada masa yang sama meluaskan lagi pasarannya. Langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat ini termasuklah menghantar misi-misi perdagangan/teknikal ke negara-negara tertentu, memberi khidmat nasihat teknikal (TAS) kepada para pengguna, menyertai pameran-pameran perdagangan, mengedarkan maklumat-maklumat mengenai khasiat-khasiat minyak kelapa sawit dan membanteras kempen-kempen dari pihak-pihak tertentu yang bertujuan memburuk-burukkan nama baik minyak kelapa sawit.

SYARIKAT PENGANGKUTAN DAN HARTABENDA

22. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan, apa yang diketahui banyak syarikat-syarikat pengangkutan sama ada di laut, udara atau di darat yang didaftarkan di Malaysia, dan begitu juga harta benda alih atau tak alih, masih lagi syarikat tersebut menginsurankan dengan syarikat insurans luar negeri. Jika benar, apakah tindakan yang telah diambil.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Setakat ini Kementerian Kewangan tidak mempunyai sebarang bukti yang menunjukkan bahawa syarikat-syarikat pengangkutan dan hartabenda alih atau tak alih di negara ini diinsurankan dengan syarikat

insurans luar negeri. Dalam hubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa peruntukan di bawah Seksyen 34A Akta Insurans, 1963 melarang tuanpunya kapal laut atau kapal terbang yang didaftarkan di Malaysia dan hartabenda alih atau tak alih yang terletak di Malaysia, daripada menginsuranskannya dengan syarikat insurans yang tidak didaftarkan di bawah Akta Insurans, 1963. Dengan itu Kementerian Kewangan yakin bahawa semua pihak mematuhi sepenuhnya peruntukan seksyen tersebut. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat insurans tempatan tidak dihalang daripada menginsuranskan semula risiko-risiko mereka dengan syarikat-syarikat insurans luar negeri sebagai amalan perniagaan mereka.

RAPAT UMUM DI PILIHANRAYA KECIL

23. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pandangan dan pendirian atas Kementerianya terhadap cadangan-cadangan untuk membenarkan Rapat Umum diadakan bagi setiap Pilihanraya Kecil dan Pilihanraya Umum.

Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai sama ada Kerajaan ingin membenarkan diadakan rapat umum pada setiap kali pilihanraya sukacitalah saya maklumkan bahawa jika diteliti perkembangan sejarah, negara kita berada di dalam keadaan aman terutama dari tahun 1962 hingga tahun 1968 setelah tamatnya darurat. Namun begitu, setelah ujudnya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba membangkitkan isu-isu sensitif antara kaum di negara ini maka meletuslah peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang mengorbankan banyak nyawa. Ternyata sekali prinsip-prinsip

demokrasi liberal Kerajaan dengan membenarkan rapat-rapat umum pada pilihanraya sebelum meletusnya Peristiwa 13 Mei telah disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepentingan tersendiri sehingga berlakunya peristiwa hitam tersebut. Akibat dari peristiwa ini Kerajaan telah mengenakan undang-undang darurat dan mengadakan beberapa peraturan dan undang-undang demi untuk menjamin dan mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam negara, di antaranya ialah Kerajaan tidak membenarkan rapat umum diadakan menjelang sesuatu Pilihanraya Umum atau Pilihanraya Kecil.

Sungguhpun keadaan negara kembali aman dan keselamatan negara terkawal, namun masih ada pihak-pihak tertentu yang cuba menanggung di air keroh dengan meniupkan api perkauman hingga memecahbelahkan masyarakat pelbagai kaum. Untuk memastikan peristiwa hitam ini tidak berulang lagi, Kerajaan harus berwaspada supaya masalah-masalah dan ancaman yang boleh mengganggu gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak berbangkit lagi demi memelihara suasana keamanan dan kestabilan.

SEG INSURANCE/SUPREME QBE INSURANCE

24. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa syarikat SEG Insurance Sdn. Bhd. atau Supreme QBE Insurance Bhd. dan penerimanya Samad & Co. enggan membuat bayaran insurans yang telah diputuskan oleh mahkamah maka menyebabkan kesusahan kepada pembeli-pembeli insurans dan mangsa-mangsa kemalangan dan kalau beliau sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Syarikat SEG Insurance Sdn, Bhd. pada masa ini adalah dalam proses pembubaran. Oleh yang demikian, ia tidak berupaya untuk membuat sebarang pembayaran kepada pemegang-pemegang polisinya atau pihak-pihak lain yang membuat tuntutan dengannya sehingga pihak pembubar semmentaranya dapat menentukan jumlah bayaran dividen yang boleh dibuat oleh syarikat itu dengan berdasarkan jumlah harta dan tanggungannya. Ini adalah untuk memastikan pembayaran yang adil kepada semua pihak yang terlibat. Bagi membantu pembubar semmentaranya menentukan dengan segera jumlah dividen kepada pihak-pihak yang menuntut, semua pihak yang terlibat termasuk mereka yang telah memperolehi keputusan mahkamah, telah pun dinasihatkan supaya mengemukakan bukti tuntutan mereka kepada pembubar sementara syarikat itu, iaitu Encik Abdul Samad bin Haji Alias dari Tetuan Samad & Co. dengan secepat mungkin. Pejabat Ketua Pengarah Insurans (KPI) sentiasa bekerja rapat dengan pembubar sementara itu untuk memastikan bahawa pembubaran syarikat berkenaan berjalan dengan sempurna dan mengikut undang-undang.

RAMPASAN HARTABENDA PENGEDAR DADAH

25. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak undang-undang mengenai perampasan hartabenda dan keuntungan yang diperolehi akibat pengedar dikuatkuasakan jumlah nilai dan jenis hartabenda dan keuntungan yang dirampas dan nyatakan negara-negara yang telah membantu kita dalam perkara merampas hartabenda serta menamakan negara-negara yang telah bersetuju membantu kita dalam membenters ancaman dadah.

Dato Sri Dr Mahathir bin Mohamad:

Jumlah nilai dan hartabenda yang dirampas adalah seperti berikut:

| | |
|------------------------|-------------------------|
| Kenderaan - - | \$41,760 |
| Barang Kemas.. .. . | \$53,709 |
| Barang Kemas.. .. . | \$ 7,950 |
| Telefon Bergerak | \$28,000 |
| Duit dalam Akaun Bank | \$11,764.61 |
| Duit Tunai | \$515,308 Ringgit |
| | \$281,792 Bhat |
| | \$201.00 HK Dollars |
| | \$5,004.00 Spor Dollars |
| | \$20.00 Brunei Dollars |

Usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan kerjasama Britain membantu kita dalam hal ini.

TAKRIF GARIS KEMISKINAN

26. Tuan Ong Tee Keat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula takrif garis kemiskinan yang berteraskan pendapatan bulanan M\$350.00 sekarang, memandangkan kos penghidupan (cost of living) di antara bandar dan desa; dan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak adalah begitu besar jurang perbezaannya. Jika ya, apa cadangannya; jika tidak, mengapa.

Dato Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Memanglah menjadi hasrat Kerajaan ketika ini untuk mengkaji dan meneliti berbagai aspek DEB demi mengambil kira suasana baru dan keadaan semasa. Dalam konteks ini, soal kemiskinan, konsep dan takrif pengukurannya tentulah juga perlu dikaji semula supaya lebih selaras dengan taraf hidup rakyat dewasa ini. Begitu juga soal perbezaan hidup bandar dan luar bandar serta antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, semua ini akan dikaji. Dalam usaha ini, Kerajaan juga akan menimbangkan pandangan ahli-ahli MPEN terhadap aspek-aspek yang berkaitan.

NEP—GALAKAN KEPADA PELABUR

27. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebenarnya yang dimaksudkan bahawa NEP dan "socioreligious climate" merupakan "disincentive" kepada pelaburan dari Amerika ke Malaysia, sebagaimana yang dilaporkan di dalam lawatan Perdana Menteri ke US baru-baru ini. Dengan usaha-usaha liberalization ke atas NEP yang baru dilakukan, dan toleransi beragama di kalangan kaum yang sentiasa tinggi, adakah ciri-ciri ini masih lagi dimomok-momokkan, apakah usaha-usaha Kementerian untuk menyelesaikannya.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa banyak usaha Kerajaan yang telah bertolak ansur dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, dan oleh yang demikian aspek "socioreligious climate" tidak seharusnya menjadi "incentive" kepada pelabur-pelabur.

Pandangan yang sama mengenai DEB sebagai satu "disincentive" kepada pelabur telah juga dilaporkan di dalam satu bincangan yang dijalankan oleh Kedutaan Amerika Syarikat. Kementerian saya sedang mendapatkan maklumat terperinci dari mereka apakah yang dimaksudkan dengan DEB menjadi "penghalang".

Saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini, walaupun kritik-kritik seperti ini telah dilemparkan kepada Dasar ini akan tetapi mengikut perangkaan telah terdapat pertambahan di dalam pelaburan daripada Amerika Syarikat.

Perbandingan di antara cadangan modal pelaburan dari Amerika Syarikat bagi tahun 1987 dan 1988, menunjukkan bahawa dalam tahun

1987, hanya 26 projek telah diluluskan dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$157.8 juta. manakala bagi tahun 1988, sebanyak 63 projek telah diluluskan dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$1,404 juta, iaitu peningkatan sebanyak 789% dalam jumlah pelaburan.

Perangkaan bagi tempoh 4 bulan pertama tahun ini (1989) berbanding dengan 4 bulan pertama tahun 1988 juga menunjukkan trend positif dalam pengaliran pelaburan dari Amerika Syarikat ke Malaysia. Bagi tempoh Januari-April 1989, sebanyak 17 projek telah diluluskan dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$152.7 juta berbanding dengan 11 projek dengan pelaburan sebanyak \$42.1 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa *pelabur-pelabur yang tulin* yang faham keadaan sebenar di Malaysia telah tidak langsung terpengaruh dengan anggapan-anggapan negatif tentang dasar-dasar negara. Bahkan mereka telah memilih untuk melabur di negara ini kerana penuh yakin akan kewibawaan Kerajaan dan kebaikan Malaysia sebagai pusat pelaburan.

BERAS YANG DIIMPORT

28. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa tan beras yang diimport tiap-tiap tahun dari Thailand dan lain-lain negara sejak tahun 1980-1989;
- (b) bandingan harga beras pada satu tan beras dari Thailand, Burma dan Indonesia dengan harga beras tempatan dalam pasaran; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk membuka lebih banyak

sawah padi di negara bagi ————Negara lain-lain Jumlah
mencukupi keperluan beras ———— Thailand Negara
negara. 1980 146,580 53,034 199,634

Tuan Mohamad Kassim bin Ahmed: 1981 239,087 18,811 257,898
1982 287,035 1008 388,003
1983 298,202 79,540 377,742
1984 351,298 72,637 423,935
(a) Jumlah beras yang diimport 1985 1,986 325,688 92,089 417,777
tiap-tiap tahun dari Thailand 1987 174,081 19,707,344 193,788 215,030
dan lain-lain negara sejak tahun 1988, .. 275,624 12,291 288,915
1980-1989 adalah seperti 1989 23,126 699 122,825
berikut:

(b) Perbandingan harga beras bagi setan metrik dah Thailand, Burma dan Indonesia dengan beras tempatan yang bersamaan grednya adalah seperti berikut:

(a) *Harga Beras Peringkat Borong*
(M\$ Per Tan Metrik)

| <i>Gred Beras</i> | <i>Malaysia</i> (Zon C) | <i>Thailand</i> | <i>Burma</i> | <i>Indonesia</i> |
|--------------------------------------|----------------------------|-----------------|--------------|------------------|
| Malaysia Paling Panjang (A1) | 1,002.20 | 898.66 | 896.00 | 1,350 |
| Malaysia Panjang 10% (A2) | 920.10 | 860.65 | 868.80 | — |
| Malaysia Panjang 25% (A3) | 837.90 | — | — | — |
| Malaysia Panjang 45% (A4) | 696.90 | — | — | — |
| Malaysia Sederhana Pre- mium (B1) | 931.20 | — | — | — |
| Malaysia Sederhana 10% (B2) | 860.20 | — | — | — |
| Malaysia Sederhana 25% (B3) | 789.20 | — | — | — |
| Malaysia Sederhana 45% (B4) | 662.40 | — | — | — |
| Pulut Malaysia Panjang (E) | 1,117.40 | 695.04 | — | — |
| Beras Wangi (Istimewa) .. | 1,500.00 | 1,080.57 | — | 1,290 |

(b) *Gred Beras*

| | <i>Malaysia</i> (Zon C) | <i>Thailand</i> |
|---|----------------------------|-----------------|
| Malaysia Paling Panjang (A1) | 1,070.00 | 1,053.42 |
| Malaysia Panjang 10% (A2) | 990.00 | 844.36 |
| Malaysia Panjang 25% (A3) | 910.00 | — |
| Malaysia Panjang 45% (A4) | 780.00 | — |
| Malaysia Sederhana Premium (B1) | 1,010.00 | — |
| Malaysia Sederhana 10% (B2) | 940.00 | — |
| Malaysia Sederhana 25% (B3) | 860.00 | — |
| Malaysia Sederhana 45% (B4) | 740.00 | — |
| Pulut Malaysia Panjang (E) | 1,200.00 | 844.36 |
| Beras Wangi (Istimewa) | 1,500.00 | 1,159.30 |

* Diimport dari Thailand.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan bahawa kadar kecukupan beras negara adalah tertakluk kepada pengeluaran padi daripada 8 kawasan jelapang padi. Tahap ini pada masa ini ialah 55%-60%, manakala bakinya akan diperolehi melalui import. Namun demikian tahap sara diri yang ditentukan itu bukanlah sesuatu yang tetap dan tahap sebenarnya akan ditentukan oleh Kemajuan produktiviti dan keupayaan pengeluaran daripada lapan kawasan jelapang padi. Kawasan-kawasan itu ialah MADA, KADA, Krian Sg. Manik, Barat Laut Selangor, Seberang Prai, Kemasin Semerak, Besut dan Seberang Perak yang melibatkan kawasan seluas 212,000 hektar,

- (c) Soalan ini liada berkaitan dengan LPN.

FERI MALAYSIA

29. Tuan Jawan Anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah feri Malaysia berjaya meningkatkan integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia setakat sekarang;
- (b) sama ada benar bahawa sambutan Feri Malaysia daripada penduduk-penduduk di Sarawak dan Sabah masih belum lagi memuaskan dan jika benar apakah sebab-sebabnya;
- (c) rancangan Kerajaan supaya menggalakkan penggunaan Feri Malaysia oleh penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak; dan
- (d) jumlah keuntungan/kerugian yang dialami oleh Feri Malaysia setakat hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Kejayaan pencapaian matlamat integrasi nasional tidak mudah diukur kerana proses ini memakan masa yang lama dan ianya juga dipengaruhi oleh beberapa faktor. Feri Malaysia cuma merupakan satu daripada berbagai strategi Kerajaan untuk mempercepatkan proses integrasi nasional. Oleh itu, sungguhpun pengurusan Feri Malaysia sentiasa berusaha mengadakan berbagai cara promosi untuk meningkatkan integrasi nasional, namun kejayaannya memerlukan dorongan, sambutan, kebijaksanaan pelaksanaan dan penyertaan semua rakyat negara ini. Sebagai sumbangan terhadap kejayaan projek ini, Feri Malaysia sentiasa bersedia memberikan potongan tambang kepada kumpulan penumpang yang mengadakan rancangan-rancangan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Selain daripada itu pihak Feri Malaysia sendiri sentiasa berusaha mewujudkan suasana yang mendorong ke arah integrasi nasional di atas kapal melalui cara-cara berikut:
- (i) mengalakkan penumpang-penumpang bergaul di antara satu sama lain melalui penyertaan dalam permainan dan pertandingan di atas dek;
- (ii) mengadakan persembahan kebudayaan;
- (iii) mempamerkan karya-karya yang bercorak kebudayaan dan perpaduan.
- (b) Berdasarkan rekod-rekod penumpang yang menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia sehingga hari ini, adalah benar

bahawa peratus bilangan penumpang dari Sabah dan Sarawak adalah kecil berbanding dengan penumpang dari Semenanjung. Misalnya dalam tahun 1983, hanya 17.89% penumpang dari keseluruhan jumlah penumpang, terdiri daripada orang-orang Sabah dan Sarawak. Namun begitu, angka-angka ini tidak menggambarkan bahawa sambutan dari penduduk Sabah dan Sarawak terhadap perkhidmatan Feri Malaysia kurang memuaskan, kerana berdasarkan perangkaan tahun 1985, jumlah penduduknya hanyalah merupakan 17.9% sahaja daripada jumlah keseturuhan penduduk Malaysia. Dengan demikian, bilangan mereka yang menggunakan perkhidmatan ini adalah munasabah jika dibandingkan dengan jumlah penduduk dari kedua-dua wilayah tersebut. Jumlah ini dijangka dapat dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

- (c) Langkah-langkah lain bagi menggalakkan orang ramai termasuk penduduk Sabah dan Sarawak menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia ialah:
- (i) memperhebatkan pengiklanan dan promosi melalui radio, televisyen dan akhbar-akhbar;
 - (ii) menjalankan pemasaran dan penjualan yang agresif;
 - (iii) menjalankan kempen yang ditujukan kepada "commuters" dengan menawarkan tambang yang lebih murah iaitu potongan sebanyak 10% daripada kadar tambang biasa;

- (iv) memberi potongan tambang kepada kumpulan-kumpulan kanak-kanak, pesara-pesara dan orang-orang cacat;
- (v) mengadakan pelayaran khas untuk badan-badan dan kumpulan-kumpulan yang besar melalui memajak sewa (charter hire);
- (vi) menawarkan "package holidays".

(d) Sehingga 31 Januari 1989, kerugian terkumpul yang dialami oleh Feri Malaysia adalah sebanyak \$7.8 juta.

PROTON SAGA—PENGELUARAN

30. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kadar pengeluaran kereta nasional Proton Saga pada masa sekarang;
- (b) berapa banyak unit yang dijual di pasaran tempatan dan berapa banyak unit untuk negara-negara asing sehingga akhir Mei 1989, nama negara-negara yang membeli kereta nasional;
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangi kos pengeluaran bagi Proton Saga, memandangkan kenaikan nilai Yen, seperti menerusi memasang enjin-enjin Proton Saga dalam negeri.

Dato* Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Kadar pengeluaran kereta nasional sekarang ialah 25.0 unit sejam.
- (b) Sehingga 31 Mei 1989, sebanyak 115,489 unit Proton Saga telah dijual di pasaran dalam negeri dan sebanyak 5,280 unit Proton Saga telah dieksport. Negara-negara yang mengimport Proton

Saga sehingga 31 Mei 1989 adalah seperti berikut:

| <i>Negara</i> | <i>Jumlah (unit)</i> |
|---------------------------|--------------------------|
| 1. Bangladesh .. | 154 |
| 2. Brunei Darus- salam | 120 |
| 3. New Zealand | 288 |
| 4. Malta | 110 |
| 5. Sri Lanka .. | 90 |
| 6. Eire | 800 |
| 7. Jamaica .. | 73 |
| 8. HongKong | 30 |
| 9. United Kingdom | 3,615 |
| | <hr/> |
| JUMLAH .. | 5,280 |
| | <hr/> |

Bagi mengurangkan kos pengeluaran Proton Saga, pihak PROTON telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pembelian komponen dari dalam negeri dan juga daripada negara-negara yang menawarkan harga yang lebih rendah dari yang ditawarkan oleh Jepun.
- (ii) "Extensive hadging" dibuat ke atas pembelian komponen "completely knock-down" (CKD) dan pembayaran balik faedah pinjaman yen.
- (iii) Membuat pinjaman semula bagi pinjaman yang berasaskan Yen melalui pinjaman Kerajaan dengan kadar faedah rendah (softloan).
- (iv) Meningkatkan jumlah pengeluaran dan produktiviti supaya kos tetap seunit pengeluaran kereta nasional dapat dikurangkan.

PEKEDAI BARU—PEMERIKSAAN

31. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada arahan baru-baru ini hanya bertujuan untuk memeriksa ke atas kedai-kedai perdagangan runcit dan borong dan supermarket-supermarket berikutan dengan komplain orang ramai terhadap pedagang-pedagang yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasikan para pengguna. Jika benar mengapakah empat orang penjaja ikan masin telah didakwa di mahkamah majistret Tawau dalam bulan April, 1989.

Dato' Kok Wee Kiat: Adalah benar bahawa arahan mempertingkatkan pemeriksaan ke atas pekedai-pekedai baru-baru ini bertujuan untuk membanteras aktiviti-aktiviti yang mengeksploit pengguna seperti menaikkan harga barangan tanpa sebab-sebab yang munasabah dan tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Tindakan mempertingkatkan pemeriksaan ini diambil berikutan daripada aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai bahawa adanya pedagang-pedagang yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasikan pada pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan dijalankan disetiap peringkat perniagaan termasuk pasar-pasar dan pasar-pasar malam. Dari tempoh 2-1-1989 hingga 9-6-1989, sebanyak 57,684 premis perniagaan telah diperiksa di seluruh negara. Sebanyak 2,666 kes telah berbangkit daripada pemeriksaan ini iaitu termasuk 4 kes di Tawau yang dibangkitkan oleh Y.B. Ahli Yang Berhormat daripada Tawau ini.

Tindakan mahkamah ke atas 4 peniaga di Tawau ini diambil kerana mereka masing-masingnya didapati gagal mematuhi Perintah Kawal Harga (Penandaan Harga Oleh Penjualruncit) 1977 iaitu tidak meletakkan tanda harga kepada berbagai jenis

ikan kering yang dipamerkan untuk jualan di premis perniagaan masing-masing pada 16-1-1989. Keempat-empat peniaga ini bukanlah penjaja tetapi peruncit ikan kering di Sabindo, Tawau.

NILAI RINGGIT—KEJATUHAN

32. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menghuraikan kesan kejatuhan nilai ringgit ke atas taraf hidup dan kos bahan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kesan kejatuhan nilai ringgit atas taraf hidup dan kos bahan boleh dilihat dari beberapa sudut. Kejatuhan nilai ringgit memang memberi kesan keatas harga import barang-barang penggunaan serta kos bahan-bahan perkilangan.

Angkatunjuk Harga Pengguna bagi Malaysia telah meningkat sebanyak 2.5 peratus pada tahun 1988 berbanding dengan sebanyak 0.8 peratus pada tahun 1987. Angkatunjuk Harga Pengguna untuk kumpulan kecil telah juga meningkat sebanyak 3.8 peratus dalam tahun 1988 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 0.5 peratus pada tahun 1987.

Kenaikan harga-harga import akibat kemerosotan nilai ringgit adalah di antara sebab-sebab yang membawa kepada kenaikan dalam Angkatunjuk Harga Pengguna.

Walau bagaimanapun, kejatuhan nilai ringgit telah juga meningkatkan daya saingan eksport barangan Malaysia yang kebanyakannya disebut-harga dalam dolar Amerika Syarikat. Dengan itu eksport barangan Malaysia telah meningkat dengan pesat dalam tahun 1987 dan 1988. Ini menambahkan pengeluaran, gunatenaga dan pendapatan negara dan dari itu meningkatkan lagi taraf hidup rakyat pada keseluruhannya. Tambahan pula kejatuhan nilai ringgit telah menjadikan import lebih mahal

dan menjadi pendorong kepada usaha menggantikan import yang lebih mahal dari Jepun dan negara-negara Eropah dengan keluaran dalam negeri.

Walau bagaimanapun, peningkatan harga-harga tidaklah begitu pesat jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita dan Kerajaan sentiasa mengawal kedudukan harga. Langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak Kerajaan untuk menentukan bahawa bekalan barang-barang keperluan adalah mencukupi dan memastikan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga-harga dengan sewenang-wenangnya. Kerajaan juga sedang menggalakkan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana meningkatkan aktiviti ekonomi mereka agar dapat menambah bekalan barang-barang keperluan dalam negeri. Dengan itu tekanan atas harga-harga dapat dikurangkan dan ini boleh memberi kesan yang positif kepada taraf hidup dan kos bahan dalam negeri. Kerajaan berharap pengusaha-pengusaha industri kecil akan mengambil kesempatan daripada situasi masa kini dan menyahut seruan Kerajaan supaya mengeluarkan lebih banyak barang-barang tempatan supaya import dapat dikurangkan. Melalui cara ini lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diadakan dan rakyat biasa akan menerima faedah daripada peluang-peluang yang diwujudkan oleh syarikat-syarikat ini.

PERSATUAN KEBANGSAAN LUMBA BASIKAL MALAYSIA

33. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar meminta Menteri Belia dan Sukan supaya menjelaskan tentang:

- (c) terdapatnya pelbagai pertelingkahan dalam Institusi sukan e.g. Persatuan Kebangsaan Lumba Basikal Malaysia (PKLBM) yang terjadi baru-baru ini. Apakah langkah wajar yang telah diberi bagi mengatasi perkara seperti ini.

- (b) apakah Kerajaan akan mewujudkan tabung khusus bagi membantu para atlit negara kita bila mereka menghadapi kesusahan/kesulitan, contohnya Mokhtar Dahari; dan
- (c) apakah persiapan untuk Sukan SEA khususnya. Apakah tumpuan kita (jenis-jenis sukan utama) dan acara pedang. Berapakah peruntukan untuk latihan dan sukan ini keseluruhannya.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan
(Cik Teng Gaik Kwan):**

- (a) Peranan Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia ialah untuk menyokong dan membantu Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan menjalankan fungsi masing-masing. Majlis Sukan Negara tidak ada mempunyai kuasa yang tertentu untuk mencampuri hal ehwal persatuan sekiranya berlaku pertelingkahan. Tambahan pula, persatuan-persatuan sukan kebangsaan mempunyai kuasa otonomi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti sukan masing-masing. Walau bagaimanapun, sekiranya pertelingkahan dalam sesebuah persatuan sukan kebangsaan itu berlanjutan, pihak Majlis Sukan Negara boleh mengambil beberapa langkah yang wajar bagi mengatasi masalah tersebut seperti:
 - (i) Menahan atau menarik balik peruntukan kewangan kepada persatuan sukan Kebangsaan.
 - (ii) Mengambil tindakan bagi memastikan latihan atlit tidak terjejas atau menghantar atlit-atlit ke luar negeri untuk latihan bagi mengelakkan mereka dipengaruhi dengan

masalah dalaman persatuan sukan Kebangsaan. Contohnya ialah pihak Majlis Sukan Negara telah menghantar perlumba basikal M. Kumarasan ke Jerman Barat untuk berlatih bagi persiapan menghadapi Sukan SEA.

- (iii) Menjadi "orang tengah" dalam usaha memulihkan suasana jika masalah tersebut dirujuk ke Majlis Sukan Negara.

- (6) Buat masa ini, pihak Kementerian belum mewujudkan tabung khusus bagi membantu para atlit negara kita bila menghadapi kesusahan ataupun kesulitan. Walau bagaimanapun, atlit-atlit negara di bawah Skim Perangsang Ahli Sukan (SPAS) dilindungi dengan Insuran Kemalangan Diri sebanyak \$50,000.00 semasa mengikuti latihan. Di samping itu, atlit-atlit yang lain (termasuk Program Bakat Sekolah) yang mengikuti latihan di bawah pengawasan dan program Majlis Sukan Negara akan dilindungi dengan Insuran Am sebanyak \$10,000.00.
- (c) Sempena Sukan SEA tumpuan jenis sukan utama adalah berdasarkan kepada dua aspek iaitu:
 - (i) sukan-sukan yang telah dikenalpasti oleh Majlis Olimpik Malaysia melalui Persekutuan Sukan SEA (SGF); dan
 - (ii) sukan-sukan yang telah memperolehi pingat emas di Sukan SEA Ke 14 di Jakarta dan berkemampuan untuk mengekalkan prestasi ataupun tahap yang lebih tinggi seperti acara

Renang, Olahraga, Badminton, Hoki Lelaki dan Wanita, Taekwondo, Lumba Basikal, Menembak, Ping Pong, Bola Keranjang, Boling, Silat Olahraga, Karate-Do dan Sepaktakraw Untuk makluman, peruntukan Latihan Perseediaan Sukan SEA dilancarkan pada tahun 1987 dan peruntukan diberi bagi tempoh dua tahun. Secara menyeluruh Peruntukan Latihan Persediaan untuk Sukan SEA adalah sebanyak \$3.7 juta.

Dari jumlah ini Peruntukan Latihan Perseediaan bagi sukan Lawan Pedang, dalam tempoh dua tahun ialah \$81,709.40 yang meliputi perbelanjaan bagi latihan pusat, latihan luar negeri, pertandingan pertandingan yang sesuai, menyediakan jurulatihan tempatan dan sebagainya.

DESTINASI MAS

34. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan syarat-syarat di bawah mana destinasi penerbangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) boleh diubah dengan notis yang singkat. Apabila keadaan ini berlalu, apakah prosedur yang diambil bagi memberitahu serta mengurus penerbangan yang lain bagi penumpang, khasnya mereka yang telah membuat tempahan terlebih dahulu?

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Penerbangan Malaysia (MAS) boleh mengubah sesuatu penerbangan dengan notis yang singkat di atas

sebab-sebab seperti berlakunya kerosakan kepada pesawat, keadaan cuaca buruk, sebab-sebab keselamatan atau lapangan terbang yang ditujuinya tidak dapat menampung penerbangan tersebut oleh sebab-sebab tertentu.

Apabila pembatalan penerbangan diketahui lebih awal iaitu sebelum penumpang-penumpang sampai di lapangan terbang, tindakan akan diambil untuk menghubungi penumpang-penumpang melalui telefon tentang apa-apa perubahan jadual penerbangan. Walau bagaimanapun jika sekiranya pembatalan berlaku pada saat-saat akhir iaitu selepas penumpang-penumpang melapor diri di lapangan terbang, penumpang-penumpang tersebut akan diperuntukan tempat dalam penerbangan yang berikutnya ke destinasi yang mereka tuju.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA

35. Dr Abdul Hadi Derani minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah perjalanan Majlis Perundangan Ekonomi Negara (MPEN) dalam usaha untuk mengesyorkan Dasar Ekonomi Negara bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Majlis tersebut.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jawapan kepada soalan Yang Berhormat telah pun dijawab pada 20 Jun 1989 di Dewan yang mulia ini, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

PERMIT PENERBITAN

36. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya telah mengeluarkan satu permit KDN bagi cetakan sebuah Minggu atau Harian berbahasa Inggeris baru-baru ini. Jika ia, siapakah penerbit-penerbit akhbar ini dan apakah nama akhbar ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 1989, Kementerian ini tidak mengeluarkan sebarang permit penerbitan bagi mana-mana akhbar mingguan atau harian yang menggunakan bahasa Inggeris.

DIPLOMA KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

37. Tuan Chian Cheng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sebab musabab Kerajaan masih enggan mengiktirafkan Diploma dan Sijil dari Kolej Tunku Abdul Rahman.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman); Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun mengiktiraf empat kelayakan daripada Kolej Tunku Abdul Rahman iaitu dua di peringkat Diploma dan dua lagi di peringkat Sijil. Diploma yang telah diiktiraf ialah Diploma Perdagangan (Perakaunan Kewangan) dan Diploma Perdagangan (Pengurusan Perniagaan) manakala Sijil yang telah diiktiraf ialah "Certificate in Computer Studies" dan "Certificate in Computing with Accounting". Oleh itu adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan enggan mengiktiraf Diploma dan Sijil dari Kolej Tunku Abdul Rahman itu.

KEJADIAN JENAYAH

38. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah kejadian jenayah berlaku dalam tempoh 5 bulan ini iaitu dari 1 Januari 1989 hingga 31 Mei 1989:

- (a) rompakan;
- (b) pembunuhan;
- (c) rogol; dan
- (d) kecurian.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 5 bulan tahun ini iaitu mulai bulan Januari hingga Mei 1989, terdapat sebanyak 2,363 kes rompakan, 141 kes pembunuhan, 224 kes rogol dan 17,149 kes kecurian telah dilaporkan.

PENYAKIT AIDS

39. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan berdasarkan ceramah dalam "WHO", jumlah bilangan pengidap penyakit AIDS akan meningkat 10 juta menjelang tahun 2000, sama ada Kementerian beliau telah mengadakan sebarang kajian ke atas bilangan mangsa-mangsa penyakit AIDS di Malaysia. Jika tidak, mengapa. Berapakah ramai pembawa penyakit AIDS dilaporkan di seluruh negara ini sehingga masa kini. Apakah langkah-langkah baru yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengurangkan penyebaran mangsa-mangsa AIDS.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memang menjalankan kajian yang berterusan untuk mengesan mereka yang mungkin dijangkiti dengan penyakit AIDS melalui beberapa cara, termasuk menguji darah penderma-penderma darah dan juga mereka yang dari golongan berisiko tinggi, seperti homoseks, penagih dadah yang mengguna jarum suntikan dan pelacur.

Dalam usaha ini, sehingga akhir bulan April, 1989 sebanyak 493,915 contoh darah dari penderma darah dan mereka yang berisiko tinggi telah pun diuji untuk antibodi kepada virus AIDS dari 46 buah pusat saringan di seluruh negara.

Hasil kajian ini dan juga dari aktiviti pengawasan yang sentiasa dijalankan, Kementerian telah dapat mengesan 25 pembawa penyakit AIDS (atau

carriers) 13 daripadanya ialah pesakit haemophilia. 8 kes AIDS telah pun dikesan di mana 6 daripada mereka telah meninggal, terdapat juga seorang yang menghidapi AIDS Related Complex.

Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan pada masa ini adalah cukup untuk mencegah penyebaran AIDS. Bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini akan diperhebatkan lagi melalui pendidikan kesihatan kepada orang ramai sebagai strategi utama. Tidak ada aktiviti-aktiviti baru yang perlu diadakan pada masa ini.

KAWALAN PERTUKARAN WANG

40. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab penyaluran keluar wang Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan ekonomi kita dengan pelaburan dari dalam negeri dan bukannya bergantung semata-mata kepada pelabur-pelabur asing.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita adalah mengamalkan sistem kawalan pertukaran wang yang liberal selaras dengan struktur ekonomi terbuka. Ini membolehkan pergerakan keluar masuk modal di negara ini untuk pelbagai tujuan termasuk pelaburan. Aliran keluar bersih modal jangka panjang pada tahun 1988 dianggarkan sebanyak 3.2 ribu juta. Pengaliran keluar modal ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh pembayaran balik serta bayaran awal atau dengan izin "repayments and prepayment" yang dibuat ke atas hutang luar negeri oleh sektor awam dan swasta. Bagi modal jangka pendek, pengaliran keluarnya telah dapat diimbangi oleh

aliran masuk modal jangka pendek dan lebih telah dicatatkan pada tahun 1988.

Walau bagaimanapun mengikut rekod kawalan pertukaran wang, negara kita tidak menghadapi masalah pengaliran wang keluar negara yang luar biasa. Pengaliran keluar modal ini telah dapat diimbangi oleh aliran masuk modal melalui pelaburan asing yang semakin meningkat hasil dari pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan pada tahun 1988 dan dijangka berterusan dalam tahun 1989.

Kerajaan sentiasa menggalakan pelaburan swasta tidak kira dari dalam ataupun luar negeri. Ini adalah penting untuk meningkatkan kemajuan ekonomi negara serta merupakan salah satu cara untuk mencapai tahap teknologi yang lebih maju. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk terus menggalakkan pelaburan dari dalam negeri mahupun dari pelabur asing ialah:

- (1) Penubuhan Pusat Penyelarasan Pelaburan (Centre on Investment—COI) di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) pada 1hb Oktober, 1988 untuk memperkemas dan mempermudahkan segala urusan kelulusan yang perlu untuk pelaburan.
- (2) Memperbaiki lagi struktur insentif yang terdapat dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (Promotion of Investment Act 1986).
- (3) Menubuhkan Tabung Pelaburan Baru untuk membantu pelabur-pelabur tempatan mendapatkan sumber pembiayaan pada kadar faedah yang rendah.
- (4) Mengawal kadar pinjaman purata pada tahap yang rendah serta memastikan mudah tunai yang mencukupi di dalam ekonomi.

- (5) Mengurangkan cukai korporat dari 40 peratus kepada 35 peratus serta memansuhkan cukai pembangunan secara berperingkat mulai tahun 1990.
- (6) Meningkatkan tahap keperluan mendapatkan lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian dari syarikat yang mempunyai nilai saham \$1 juta atau 50 orang pekerja tetap kepada nilai saham \$2.5 juta atau 75 orang pekerja tetap. Dengan itu, industri kecil dan sederhana adalah dikecualikan dari keperluan ini.
- (7) Kerajaan juga telah memperkenalkan berbagai galakan untuk industri kecil dan sederhana seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 1989 yang lalu, dan faedahnya akan dapat dinikmati oleh pelabur tempatan.
- (8) Kemudahan pinjaman Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun kepada industri kecil dan sederhana dalam sektor perkilangan, pertanian dan pelancongan,
- (9) Memperbaiki lagi Skim Pembiayaan Semula Eksport supaya lebih ramai pengeksport mendapat kemudahan kredit pada kadar yang rendah.
- (10) Skim diskaun elektrik, iaitu diskaun sehingga 20 peratus kepada industri yang memenuhi syarat yang ditetapkan.
- (11) Membenarkan perbelanjaan modal bagi projek pertanian yang diluluskan dipotong dari lain-lain punca pendapatan, untuk menggalakkan pelaburan di sektor pertanian.
- (12) Kerajaan juga telah, sedang dan akan terus memperbaiki lagi kemudahan infrastruktur yang diperlukan oleh para pelabur.

- (13) Akhir sekali, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kos buruh di negara ini. Ini adalah juga perlu supaya daya persaingan kita di pasaran antarabangsa terus bertambah baik.

RAKYAT MALAYSIA BERHURAH KE LUAR NEGERI

41. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan menubuhkan sebuah pasukan petugas yang berkuasa tinggi untuk memujuk rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negeri supaya balik ke Malaysia untuk menyumbang kemahiran keintelektualan dan entrepreneursial serta modal mereka bagi pembangunan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman); Soalan yang serupa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah pun dijawab pada 26 Jun 1989 di Dewan ini. Sepertimana yang kita sedia maklum Kerajaan tidak pernah menyekat mana-mana rakyat untuk pulang memberi khidmat dan jasa mereka dalam apa bentuk pun. Bahkan Kerajaan mengalu-alukan kepulangan mereka. Walau bagaimanapun kerajaan tidak bercadang mengambil langkah-langkah khas untuk memujuk atau menggalakkan rakyat Malaysia yang bermastautin di negara-negara lain untuk kembali ke tanahair. Rakyat Malaysia adalah bebas untuk berhijrah ke negara asing atau kembali ke negara ini.

PEGAWAI TADBIR AM (PTA)—PENYERAPAN

42. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan pertikaian mengenai rancangan penyerapan Pegawai-pegawai Tadbir Am (PTA) ke jawatan Pegawai Tadbir

Dan Diplomatik (PTD) yang berlarutan hingga kini belum selesai, bentangkan:

- (a) ramai bilangan PTA yang terlibat;
- (b) cara-cara dan syarat-syarat perpindahan ke jawatan PTD;
- (c) kebaikan/keburukan dari segi individu dan negara;
- (d) masalah-masalah yang dihadapi;
- (e) implikasi kewangan yang terlibat.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Bilangan PTA yang terlibat dalam urusan ini ialah seramai 1,256 orang mengikut pecahan seperti berikut:

PTA Tingkatan Tertinggi G—7 orang

PTA Tingkatan Kanan—263 orang

PTA Tingkatan Biasa—986 orang

- (b) Kemasukan PTA Tingkatan Tertinggi G dan Tingkatan Kanan ke dalam perkhidmatan PTD adalah melalui urusan pertukaran perkhidmatan PTD melalui urusan kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL). PTA Tingkatan Tertinggi G dan Tingkatan Kanan diberi tawaran opsyen sama ada memilih untuk memasuki perkhidmatan PTD atau kekal dalam perkhidmatan PTA. PTA Tingkatan Tertinggi G ditawarkan bertukar perkhidmatan ke PTD Tingkatan Tertinggi G, manakala PTA Tingkatan Kanan (A12) ditawarkan bertukar perkhidmatan ke PTD Tingkatan Biasa (A19/A11) atas tanggagaji All. Bagi PTA Tingkatan Birsapula, mereka dikehendaki menghadiri temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam dan jika sekiranya tidak berjaya pada temuduga pertama mereka diberi peluang sebanyak dua kali lagi untuk ditemuduga di bawah urusan KPSL istimewa ini. Syarat-syarat pertukaran perkhidmatan bagi PTA Tingkatan Tertinggi G dan Tingkatan Kanan ke perkhidmatan PTD adalah berasaskan kepada syarat-syarat pertukaran perkhidmatan yang pernah dipakai sebelum ini.

- (c) Kemasukan PTA ke dalam perkhidmatan PTD adalah hasil daripada penyusunan semula struktur perkhidmatan pentadbiran yang matlamatnya ialah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pentadbiran di sektor awam. Melalui penyusunan semula ini, bilangan perkhidmatan di bawah struktur perkhidmatan pentadbiran telah dikurangkan dari lima perkhidmatan iaitu PTD, PTA, Pegawai Kerja, Pegawai Kerani Rendah menjadi tiga perkhidmatan sahaja iaitu PTD, Pegawai Eksekutif dan Pegawai Kerani. Perkhidmatan PTA, Pegawai Kerja dan Pegawai Kerani Rendah tidak diperlukan lagi dalam struktur perkhidmatan pentadbiran yang baru tetapi kakitangan yang ingin kekal dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut atau yang belum layak atau gagal dalam urusan KPSL akan kekal dalam perkhidmatan lama mereka. Kerajaan akan mendapat faedah daripada penyusunan semula struktur perkhidmatan pentadbiran ini dari segi peningkatan mutu perkhidmatan pentadbiran secara jangka panjang. Manakala PTA yang memasuki perkhidmatan PTD akan mendapat faedah peluang kenaikan pangkat dan kemajuan kerjaya yang lebih baik.

- (d) Masalah telah timbul apabila Persatuan Pegawai Tadbir Am Malaysia (PERTAM) memper-tikaikan kaedah dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan dan KPSL bagi PTA memasuki perkhidmatan PTD. Sebagai reaksi kepada permintaan PERTAM itu, Kerajaan telah beberapa kali melonggarkan syarat-syarat kemasukan PTA ke dalam perkhidmatan PTD. Bagaimanapun PERTAM masih tidak berpuas hati dengan perlonggaran syarat-syarat tersebut dan sebaliknya telah membangkitkan semula isu-isu yang pernah dikaji dan diputuskan oleh Kerajaan.
- (e) Implikasi kewangan melaksanakan kemasukan PTA ke dalam perkhidmatan PTD dengan berasaskan kepada andaian semua PTA bersetuju atau berjaya memasuki perkhidmatan PTD pada tahun pertama perlaksanaannya (1989) adalah sebanyak \$285,000.

SYARIKAT PERWAJA

43. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Perdana Menteri:

- (a) menyatakan sama ada kemajuan yang telah dicapai oleh Syarikat Perwaja sejak perubahan kepada pentadbirannya baru-baru ini;
- (b) apakah perubahan-perubahan yang telah dilakukan; dan
- (c) mengapa rancangan seperti ini tidak dijalankan oleh pentadbiran yang lama sehingga Perwaja terjerumus kepada kerugian yang besar.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mobamed: Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab juga soalan-soalan daripada Yang Berhormat daripada kawasan Pasir Mas bertarikh pada hari ini, Yang

Berhormat daripada kawasan Kampar bertarikh 29 Jun 1989 dan Yang Berhormat daripada kawasan Pagoh bertarikh 30 Jun 1989, yang bertanyakan soalan-soalan berkaitan dengan soalan ini.

Semenjak pengurusan baru mengambil alih Perwaja, pengeluaran billet telah meningkat daripada 17,000 M.T. sebulan kepada 40,000 M.T. sebulan dan pengurusan Perwaja menjangkakan pengeluaran akan meningkat seterusnya sehingga 60,000 M.T. sebulan. Peningkatan pengeluaran ini antara lain adalah disebabkan prestasi pekerja-pekerja tempatan yang telah meningkat. Di samping itu, kos pengeluaran seunit juga telah menurun kerana kecekapan operasi telah meningkat.

Kegagalan syarikat Perwaja di masa yang lalu, adalah berpunca antara lain oleh kerana masalah teknologi yang berkaitan dengan logi DRI. Di samping itu, semasa syarikat ditubuhkan dahulu, keadaan pasaran adalah tidak begitu cerah, pihak pengurusan juga tidak berkebolehan mengatasi masalah-masalah yang timbul dengan serta-merta, tidak mempunyai kecekapan teknologi dan mengurus syarikat secara, dengan izin "rernote control". Akibat semua ini, syarikat telah mengalami kerugian. Setakat 31 Mac 1988, syarikat Perwaja telah mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$557 juta.

Dari segi jumlah pekerja-pekerja bumiputera pula, di peringkat eksekutif terdapat seramai 60 orang (6.9%), sementara di peningkat bukan eksekutif terdapat seramai 758 orang (86.5%). Mengenai elaun yang dibayar kepada pengarah urusan syarikat ini, untuk makluman YB, beliau tidak menerima sebarang elaun. Beliau hanya menerima perbelanjaan dengan izin "out of pocket".

Setakat yang diketahui pihak pelabur Jepun telah membuat keputusan untuk tidak terus melabur

dan menjual kepentingan mereka dalam syarikat ini. Sebagai pemegang saham, mereka adalah berhak untuk memilih sama ada untuk terus melabur ataupun tidak. Kerajaan tidak mengalami apa-apa kerugian dalam membeli balik saham-saham pelabur Jepun ini kerana saham-saham tersebut dibeli dengan harga \$1.00. Dari segi pemindahan teknologi pula, adalah didapati teknologi Jepun yang digunakan untuk memulakan projek ini telah tidak berjaya. Oleh itu, soal pemindahan teknologi tidak lagi berbangkit.

Prospek masa depan industri keluli di peringkat tempatan dan di peringkat antarabangsa adalah cerah. Berdasarkan hal ini, penyusunan semula syarikat akan membolehkan ianya diletakkan di tahap yang berdayamaju dan ini akan memberikan keuntungan dari segi jangkamasa panjang. Kerajaan juga bercadang untuk mengurangkan penglibatannya ke tahap yang minimum dan penglibatan sektor swasta akan ditingkatkan dari segi kewangan dan kepakaran. Kerajaan berharap ekoran langkah-langkah yang diambil dan dengan pengurusan syarikat yang lebih baik, Perwaja akan dapat dipulihkan seterusnya.

PROTON SAGA—PEMBELIAN KERETA

44. Tuan Chin Man Min minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembeli-pembeli kereta Proton Saga yang memilih untuk membelinya tanpa barang kemewahan tambahan seperti radio, hawa dingin telah didiskriminasikan dalam mana mereka diletakkan dalam senarai menunggu untuk tempoh yang tidak ditentukan.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Urusan penjualan kereta Proton Saga adalah dibuat berdasarkan "first come first serve". Walau bagaimanapun Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd

(EON) tidak menjual kereta Proton Saga tanpa alat hawa dingin dan radio kaset kerana alat-alat tersebut adalah dipasang di kilang (factory fitted). Oleh itu soal mendiskriminasi dan meletakkan dalam senarai menunggu untuk tempoh yang tidak tentu bagi pembeli yang memilih kereta Proton Saga tanpa alat hawa dingin dan radio kaset adalah tidak timbul.

KOPERASI-KOPERASI— JUMLAH TIDAK BERFUNGSI

45. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan;

- (a) kedudukan koperasi-koperasi dalam negara, iaitu jumlah yang tidak lagi berfungsi.
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan masalah koperasi yang tenat tidak berlaku lagi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah koperasi yang tidak berfungsi pada masa ini ialah sebanyak 18 bulan kesemuanya. Jumlah ini kurang daripada 1% daripada bilangan koperasi yang ada di negara ini.
- (b) Untuk memastikan masalah koperasi yang tenat tidak lagi berlaku, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:
 - (i) Menentukan koperasi-koperasi tidak lagi menerima deposit melainkan deposit tertentu daripada ahli-ahli.
 - (ii) Menentukan koperasi-koperasi mendapat kuasa meminjam daripada Ketua Pendaftar sebelum menerima deposit.
 - (iii) Menentukan pelaburan dibuat oleh Koperasi-koperasi hanya bagi

- maksud-maksud yang diluluskan.
- (iv) Membataskan urusan koperasi dengan orang-orang bukan ahli.
 - (v) Tidak membenarkan koperasi-koperasi mempelbagaikan aktiviti melainkan aktiviti utama benar berhasii memenuhi tujuan ditetapkan dan aktiviti kedua dan seterusnya berupa lanjutan kepada aktiviti utama yang boleh mempercepat pencapaian matlamat penubuhan koperasi.
 - (vi) Tidak membenarkan penubuhan atau pengambitananaksyarikat.
 - (vii) Tidak membenarkan perluasan kawasan perjalan koperasi.
 - (viii) Mengambil tindakan lebih tegas terhadap penyelewangan.
 - (ix) Membatalkan segera pendaftaran koperasi-koperasi yang didapati tiada kemungkinan untuk dipulihkan.

KILANG KECIL HARAM

46. Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan kilang-kilang kecil haram di Wilayah Persekutuan. Berapa taksiran kehilangan pendapatan Kerajaan melalui bayaran lesen dan juga cukai pendapatan daripada kilang-kilang haram. Dan apakah langkah yang diambil oleh Bandaraya bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Jumlah kilang-kilang kecil haram yang terdapat di Wilayah

Persekutuan ialah lebih kurang 4,447 buah. Manakala kehilangan pendapatan Kerajaan melalui bayaran lesen dari kilang-kilang haram tersebut ditaksirkan dalam lingkungan \$2 juta setahun.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sedar dan akui tentang masalah kewujudan kilang-kilang haram di sekitar Wilayah Persekutuan, Oleh sebab itu, labgkah-langkah telah dan sedang disusun bagi memastikan kilang-kilang tersebut dapat dikawal serta diatasi. Antaranya:

- (i) Menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang berterusan. Ini termasuklah merobohkan binaan-binaan kilang haram yang baru, mengeluarkan kompaun serta mengenakan tindakan-tindakan Mahkamah. Bayaran kompaun yang dikutip dalam tahun 1988 ialah \$188,920.00.
- (ii) Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga mempunyai rancangan untuk menempatkan kilang-kilang haram tersebut ke kawasan-kawasan yang membenarkan operasi kegiatan-kegiatan perkilangan, seperti di kawasan yang dizonkan sebagai kawasan industri.
- (iii) Kerajaan telah menggalakkan pembinaan bangunan industri bertingkat (flatted factories) oleh pihak swasta yang boleh menampung kilang-kilang haram yang terpaksa berpindah.
- (iv) Selain daripada itu, Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan lesen-lesen sementara yang perlu diperbaharui setiap tahun. Langkah ini adalah rancangan jangka pendek untuk menambahkan hasil di

samping menguatkuasakan kawalan terhadap kilang-kilang tersebut. Pengeluaran lesen sementara ini hanya akan dipertimbangkan bagi kilang-kilang yang bersesuaian sahaja dan di kawasan-kawasan yang boleh dibenarkan.

PROJEK PEMBANGUNAN SEMASA PILIHANRAYA KECJL

47. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan serta memberi butir-butir projek-projek pembangunan yang dijanjikan oleh Kerajaan semasa Pilihanraya Kecil Bentong baru ini.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tidak ada sebarang projek yang dijanjikan oleh Kerajaan semasa mengadakan Pilihanraya Kecil Bentong baru-baru ini.

BUKU "HUJAN DI DAERAH SEETA"—PENGHARAMAN

48. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa Kementerianannya masih belum mengharamkan sebuah buku bertajuk "HUJAN DI DAERAH SEETA" oleh Abdullah Tahir kerana ia mengandungi kata-kata kesat dan menghina terhadap rakyat Malaysia beragama Hindu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed: Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji buku "Hujan Di Daerah Seeta" karya Abdullah Tahir itu dan mendapati ianya merupakan sebuah karya fiksiyen dan tidak bertujuan menghina mana-mana agama atau keturunan. Perlukisan-perlukisan kata di dalam buku tersebut seharusnya dilihat secara menyeluruh serta dinilai di dalam konteks masyarakat pancarannya. Oleh itu Kementerian berpendapat tiada alasan yang kukuh untuk mengharamkannya.

HASIL CUKAI PERJUDIAN

49. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa jenis dan bilangan lesen perjudian di keluarkan oleh Menteri sendiri dan bukan Menteri sendiri;
- (b) berapakah hasil cukai yang di pungut daripada Perjudian sejak tahun 1982 hingga Jun, 1989;
- (c) apakah tindakan telah, sedang dan akan diambil terhadap lesen perjudian bukan di keluarkan oleh mereka sendiri.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi soalan (a) dan (c), soalan-soalan ini telah pun di jawab di Dewan yang mulia ini pada 26 Jun 1989.

2. Mengenai hasil cukai yang di pungut daripada aktiviti perjudian mengikut tahun iaitu dari tahun 1982 hingga 1989 adalah seperti berikut:

| | | \$ |
|------------|----|------------|
| Tahun 1982 | .. | 313.5 juta |
| Tahun 1983 | .. | 337.7 juta |
| Tahun 1984 | .. | 338.1 juta |
| Tahun 1985 | .. | 352.2 juta |
| Tahun 1986 | .. | 370.4 juta |
| Tahun 1987 | .. | 349.7 juta |
| Tahun 1988 | .. | 336.4 juta |
| Tahun 1989 | .. | 130.7 juta |

(Sehingga April)

RANCANGAN FELDA-JUMLAH PENYINGKIRAN PESERTA

50. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa pesertakah yang dibuang dari Rancangan FELDA sejak 1980. Beri sebab pembuangan dan senaraikan menurut rancangan.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jumlah peneroka yang telah disingkir dari rancangan FELDA dari tahun 1980 hingga sekarang adalah berjumlah 3,995 orang dari 276 buah rancangan. Antara sebab-sebab penyingkiran tersebut ialah kerana kesalahan jenayah, syariah, meninggalkan rancangan dan melanggar disiplin pentadbiran.

Bilangan penyingkiran mengikut negeri dan rancangan adalah seperti berikut:

| <i>Negeri</i> | <i>Bil. Ran- cangan</i> | <i>Jumlah Dismgkir</i> |
|----------------------|-----------------------------|----------------------------|
| Perlis | 2 | 23 |
| Kedah | 7 | 48 |
| Perak | 16 | 167 |
| Selangor | 4 | 23 |
| Negeri Sembilan | 48 | 842 |
| Melaka. | 1 | 6 |
| Johor | 60 | 354 |
| Pahang | 109 | 2,313 |
| Terengganu | 20 | 128 |
| Kelantan .. | 0 | 91 |
| | 276 | 3,995 |

MAHKAMAH RAYUAN PERINGKAT KETIGA

51. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah mahkamah rayuan peringkat ketiga sebagai memperuntukkan gantian tempatan bagi Majlis Privy serta menimbang melantik Tun Salleh Abas, Tan Sri Wan Suleiman Pawan Teh dan Datuk George Seah untuk menganggotai mahkamah rayuan ketiga dan tertinggi di negara ini.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kerajaan tidak akan menubuhkan sebuah mahkamah rayuan peringkat ketiga kerana ianya tidak difikirkan perlu. Adalah memadai mengadakan prosidur rayuan ke peringkat Mahkamah Agung sahaja. Oleh itu, perkara perlantikan ketiga-tiga bekas

hakim yang disebutkan itu ke mahkamah rayuan ketiga tidak timbul.

PROSIDING MENGHINA MAHKAMAH

52. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jemaah Menteri telah membenarkan prosiding menghina mahkamah yang diambil oleh Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman terhadap Setiausaha Majlis Peguam, Manjeet Singh dan jika ya, mengapa; sama ada ini merupakan satu perisytiharan perang terbuka oleh Kerajaan terhadap peguam-peguam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Ting Chew Peh): Prosiding menghina mahkamah terhadap Encik Manjeet Singh telah diambil oleh Yang Bhg. Peguam Negara sendiri dan Jemaah Menteri tidak terlibat dalam perkara ini. Peguam Negara terpaksa mengambil tindakan itu demi bagi menjaga kehormatan dan kemegahan kehakiman di samping menyakinkan kepercayaan orang ramai terhadap hakim-hakim dan sistem kehakiman di negara ini.

PINJAMAN DALAM MATA- WANG YEN

53. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman-pinjaman dalam matawang Yen;
- (b) jumlah pinjaman dalam matawang Yen;
- (c) mengapakah Kerajaan Jepun enggan membantu Malaysia dalam perkara ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar faedah sesuatu pinjaman termasuk juga pinjaman-pinjaman dalam matawang Yen adalah ditetapkan oleh pihak pemberipinjam. Sebagai pihak yang mengambil pinjaman, kita selalu memastikan bahawa pinjaman yang diambil adalah atas kadar faedah yang rendah. Ada kalanya kadar faedah tidak dapat diturunkan kerana ianya telah ditetapkan oleh pihak pemberi pinjam. Misalnya, pinjaman Yen Kredit yang didapati dari Kerajaan Jepun di bawah sekim bantuan luar negara tersebut, adalah tertakluk kepada kadar faedah yang telah ditetapkan dan tidak boleh dikurangkan. (Kadar pinjaman Yen Kredit bagi Malaysia ialah 2.9%). Walau bagaimanapun Kerajaan adalah senantiasa berusaha untuk mengurangkan kesan kenaikan nilai matawang Yen. Tindakan yang telah diambil termasuklah membuat pra-bayaran (prepayment) dan pembiayaan semula (refinance) beberapa pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang tinggi.
- (b) Jumlah hutang negara pada 31 Disember 1988 dalam matawang Yen adalah ¥767.6 billion bersamaan dengan M\$16.6 billion.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah senantiasa berbincang dengan pihak Jepun untuk mencari jalan bagi mengurangkan kadar faedah pinjaman-pinjaman dalam matawang Yen. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar faedah bagi

pinjaman yang diperolehi dari institusi kewangan swasta telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pihak peminjam dan pemberi pinjam,

Oleh yang demikian pinjaman dari pasaran kewangan tidaklah melibatkan Kerajaan Jepun. Bagi pinjaman yang didapati dari pihak OECF dan Eximbank, Kerajaan Jepun telah didesak supaya kadar faedahnya diturunkan. Permohonan ini tidak diberi pertimbangan oleh pihak Jepun antara lain kerana pihak Jepun sendiri berpendapat bahawa kadar tersebut sudahpun rendah.

AKTA SYARIKAT—MEMINDA

54. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Akta Syarikat supaya segala pampasan untuk pekerja yang diberhentikan kerja akibat "receivership", syarikatnya dapat diberi lebih keutamaan berbanding dengan apa yang wujud sekarang.

Dato' Kok Wee Kiat: Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini dan baru-baru ini pada 19hb Jun 1989 dibangkitkan oleh Y.B. Tuan Lee Lam Thye dalam ucapan tangguhan beliau. Jawapan telah pun diberi bahawa pada masa ini, suatu mekanisma yang seimbang sudah pun wujud bagi mengendalikan pembayaran hutang-hutang sesebuah syarikat yang digulungkan atau diletak di bawah penerimaan (receivership) untuk kepentingan pekerja-pekerja syarikat dan juga para pemiutang syarikat. Mekanisma seimbang ini

telah menjamin aliran modal kerja daripada institusi-institusi kewangan kepada sektor korporat selama ini.

Sebarang percubaan untuk mengubah keutamaan pembayaran hutang termasuk pampasan pekerja seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat perlu dikaji dengan mendalam supaya mekanisma yang seimbang ini tidak akan dijejaskan dan secara langsung mempunyai implikasi ke atas urusan kewangan sektor korporat.

SKYHAWK—PESAWAT PEJUANG

55. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bilangan jet pejuang Skyhawk Tentera Udara DiRaja Malaysia di negara ini, bilangan yang masih terdapat di Amerika Syarikat dan apakah Kerajaan bercadang untuk berbuat dengan jet-jet pejuang Badan Penyiasatan Bebas untuk menjalankan siasatan tentang kemalangan-kemalangan ke atas Skyhawk.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Bilangan pesawat pejuang Skyhawk yang sedang berkhidmat dengan TUDM ialah sebanyak 35 buah. Sementara bilangan yang masih terdapat di Amerika Syarikat ialah sebanyak 34 buah. Jawatankuasa Penyiasatan Kemalangan Pesawat-Pesawat Skyhawk telah juga membuat beberapa perakuan mengenai kedudukan baki pesawat-pesawat yang berada di USA dan pihak Kerajaan sedang mengkaji perakuan-perakuan tersebut.

PENYAKIT MALARIA

56. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) mengapakah kes-kes Malaria masih terus meningkat di Sabah;

(b) berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan untuk menampung dari merebaknya penyakit Malaria di Sabah sahaja dalam tempoh lima tahun lalu; dan

(c) apakah langkah-langkah pencegahan yang sedang dijalankan untuk menahan penyakit ini daripada terus merebak di Sabah.

Tuan Ng Cheng Kiat: Soalan yang sama telah pun ditanya oleh Ahli Yang Berhormat pada Sidang Dewan Rakyat bulan Mac 1989 dan telah pun dijawab pada 23-3-1989. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat merujuk jawapan yang telah diberikan itu.

Bagaimanapun, saya suka mengulangi jawapan yang telah diberikan itu:

(a) Sungguhpun pada keseluruhannya penyakit Malaria dapat dikawal di Negeri Sabah, tetapi penyakit ini masih berlaku lagi di kawasan-kawasan pendalaman dan di banjaran bukit di mana penduduknya sentiasa bergerak (mobile population). Penyakit Malaria ini juga masih berlaku oleh kerana tabiat nyamuk malaria itu sendiri. Di Sabah juga didapati ada kawasan pendalaman yang tertentu di mana kuman malaria telah menjadi kebal terhadap ubat anti malaria yang biasa digunakan.

(b) Peruntukan yang diberi kepada Sabah untuk mencegah Malaria adalah paling tinggi sekali jika dibandingkan dengan peruntukan untuk negeri-negeri lain. Pembahagian peruntukan adalah mencukupi tiap-tiap tahun.

Pembahagian Peruntukan dan Perbelanjaan RKPBV Negeri Sabah untuk 5 Tahun

| | <i>Tahun</i> | <i>Peruntukan</i> |
|------|--------------|-------------------|
| | | \$ |
| 1984 | | 5,884,050 |
| 1985 | | 6,205,800 |
| 1986 | | 6,062,184 |
| 1987 | | 5,330,500 |
| 1988 | | 5,374,050 |

(* Peruntukan bagi 1984 dan 1985 telah diberi terus oleh Kementerian Kesihatan ke Sabah)

(c) Di antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawal penyakit Malaria di Sabah ialah:

- (i) membasmikan tempat-tempat membanyaknya nyamuk pembawa penyakit malaria.
- (ii) membunuh nyamuk dewasa (adult mosquito) pembawa penyakit malaria dengan ubat semboran.
- (iii) merawat pesakit malaria dengan ubat anti-malaria yang mujarab.
- (iv) mengadakan aktiviti "Active Case Detection" untuk mencari kes malaria oleh kakitangan Kementerian Kesihatan dan sukarelawan penjagaan kesihatan primer (Primary Health Care Workers) dan pemberian ubat secara keseluruhan, serta rawatan yang lengkap.
- (v) meneruskan aktiviti "Passive Case Detection", iaitu di semua hospital-hospital, dispensari-dispensari dan klinik-klinik desa. Aktiviti

ini melibatkan pengambilan contoh darah pesakit bagi kes-kes demam dan kes-kes yang disyaki mengidap malaria serta memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang berkenaan.

- (vi) memberi pelajaran kesihatan kepada orang ramai terhadap cara-cara mengawal penyakit malaria.
- (vii) menjalankan kajian untuk mengetahui dengan mendalamnya tabiat nyamuk pembawa malaria di Sabah. Kajian juga sedang dijalankan untuk mencari ubat yang lebih efektif bagi merawat pesakit malaria.

FELDA — PENGAMBILAN PESERTA

57. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan terdapat rancangan tanah FELDA di Negeri Kelantan masih banyak kekosongan dan temuduga juga telah pun dibuat dalam bulan Oktober/November tahun 1988, tetapi sehingga hari ini, peserta yang berjaya belum lagi dipanggil untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA di Kelantan.

- (a) bilakah pengambilan peserta tanah FELDA ini akan dibuat;
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuka lebih luas PELDA di Kelantan; dan
- (c) mengapakah peruntukan KESEDAR telah dipotong. Minta ditambah peruntukan bagi kejayaan infrastruktur KESEDAR.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:

- (a) Pengambilan peserta rancangan FELDA dibuat berdasarkan kemajuan pembangunan pertanian dan juga pembangunan kawasan kampung. Pada masa ini, terdapat beberapa projek pertanian serta kawasan kampung sedang dalam pembangunan di Kelantan. Calon-calon yang telah berjaya dalam temuduga pada bulan Oktober/November 1988 dijadualkan diambil masuk ke rancangan mulai dari bulan Jun 1989 ini.
- (b) Pihak Kementerian memang bercadang untuk membuka lebih luas projek FELDA di Kelantan. Bagaimanapun, ini adalah bergantung kepada kawasan yang sesuai serta diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada FELDA. Setakat ini, seluas 26,100 hektar kawasan telah pun dipohon dan menunggu kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri Kelantan.
- (c) Untuk makluman Y.B., bagi tahun 1988 dan 1989, tiada peruntukan KESEDAR yang dipotong. Malah, dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, KESEDAR telah diberikan peruntukan tambahan bagi projek-projek infrastruktur seperti berikut:
- (i) Jalan-jalan sebanyak \$7 juta dari peruntukan asal 1989 sebanyak \$4,474,500
 - (ii) Kemudahan asas Rancangan — Kampung Tersusun sebanyak \$850,000
 - (iii) Kemudahan asas Rancangan — Pembangunan Tanah sebanyak \$200,000.

RISDA DAN FELDA DI SARAWAK — KAWASAN DIMAJUKAN

58. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) setakat ini, berapakah luas kawasan yang sudah pun dibangun oleh Kementerian beliau setakat ini di Sarawak di bawah RISDA, FELDA dan lain-lain;
- (b) dimanakah projek-projek ini dibangunkan dan mengapa tempat-tempat ini dipilih;
- (c) bagaimanakah kemajuan rancangan-rancangan ini di Sarawak setakat ini dan adakah Kerajaan yakin bahawa rancangan-rancangan tanah seumpama ini akan berjaya seperti di Semenanjung Malaysia; dan
- (d) bagaimanakah bentuk Pelan Induk Rancangan Tanah di Sarawak dalam masa 10 tahun yang akan datang.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:

- (a) Setakat ini kawasan yang telah dan sedang terus dimajukan oleh FELDA di Sarawak adalah seluas 3,020 hektar. RISDA tidak terlibat dalam program pembangunan tanah di Sarawak.
- (b) Kawasan yang dimajukan oleh FELDA ini terletak di Sempadi dalam Bahagian Pertama Sarawak. Kawasan ini dipilih adalah kerana kesesuaian jenis tanah, cuaca dan juga keluasan.
- (c) Dari seluas 3,020 hektar yang sedang dimajukan, seluas 645 hektar telah siap ditanam dengan tanaman sawit, seluas 770 hektar telah siap ditebas-tebang sementara 1,605 hektar

lagi sedang ditebas-tebang. Segala usaha sedang dilaksanakan untuk memastikan projek ini berjaya seperti di Semenanjung Malaysia.

- (d) Pelan Induk Rancangan Tanah di Sarawak pada keseluruhannya adalah bergantung kepada beberapa dasar yang ditentukan sendiri oleh Kerajaan Negeri dan juga merangkumi dasar-dasar yang dikenalpasti oleh Kerajaan Pusat. Rancangan pembangunan tanah di Sarawak adalah dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan melalui FELDA. Bentuk Pelan Induk Rancangan Tanah di Sarawak pada masa akan datang hanya akan dapat ditentukan setelah perancangan semula program pembangunan rancangan tanah disiapkan.

PERUSAHAAN KECIL- INSENTIF/BANTUAN

59. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jenis dan bentuk insentif dan bantuan kewangan yang disalurkan kepada sektor perusahaan kecil dan pertengahan; dan
- (b) sejauh manakah penerapan teknologi serta penyelidikan R & D dalam perusahaan kecil dan pertengahan dalam sektor industri dan pertanian itu berjaya.

Dato' Kok Wee Kiat: Jenis-jenis dan bentuk insentif yang disalurkan kepada sektor perusahaan kecil adalah seperti berikut:

- (i) Taraf perintis yang mana industri kecil diberi pengecualian penuh cukai pendapatan

untuk tempoh 5 tahun bagi keluaran/aktiviti yang digalakkan.

- (ii) Elaun pelaburan semula sebanyak 50% diberi kepada syarikat-syarikat kecil yang membuat pelaburan tambahan untuk membesarkan perusahaan mereka.
- (iii) Pengecualian sepenuh daripada duti/cukai ke atas mesin/bahan mentah/komponen/kelengkapan dengan syarat bahan-bahan yang diimport tidak terdapat di dalam negeri.
- (iv) Galakan cukai untuk latihan berbentuk potongan cukai sebanyak dua kali ke atas kos latihan di pusat-pusat latihan yang diiktirafkan oleh Kerajaan.
- (v) Pengurangan Pendapatan Larasan sebanyak 5% bagi syarikat-syarikat kecil selama lima tahun.
- (vi) Keutamaan pembelian Kerajaan ke atas barang-barang keluaran industri kecil.

Jenis dan bentuk bantuan kewangan yang disalurkan kepada sektor perusahaan kecil dan pertengahan adalah sama dan ianya terdiri dari berikut:

- (i) Program Khas Pembangunan Perusahaan Kecil Pembiayaan Bersama Kerajaan Malaysia dan Bank Dunia.
- (ii) Tabung Pembangunan Asean Jepun.
- (iii) Skim Jaminan Kredit di bawah Syarikat Jaminan Kredit (CGC) yang memberi jaminan ke atas pinjaman dari bank-bank perdagangan.

Kebanyakan pinjaman-pinjaman adalah diberi untuk membeli harta tetap dan modal pusingan dengan kadar faedah di antara 6.5% hingga 7.85%.

Sebagai jawapan kepada soalan (b) sukacita saya menyatakan bahawa penerapan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam perusahaan kecil dan pertengahan dalam sektor industri adalah amat menggalakkan. Sebagai contoh Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Instiut Penyelidikan Pembangunan Pertanian (MARDI) telah banyak menyebarkan teknologi-teknologi dan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R & D) kepada industri-industri kecil. Pihak MARDI banyak menyebarkan teknologi dan hasil-hasil R & Dnya dalam industri-industri makanan berasaskan pertanian manakala pihak SIRIM dalam industri-industri yang lain.

Di antara teknologi dan hasil R & D yang disebarkan oleh SIRIM untuk diserap oleh industri kecil ialah teknologi-teknologi membuat seramik, batu bata, arang, natrium silika dari abu sekam padi dan rekabentuk pembungkusan am dan untuk sabun. Manakala di antara teknologi dan R & D yang disebarkan oleh MARDI ialah makanan segera dan tradisional seperti nasi lemak, tapai dan emping, sistem pembungkusan "retortable pouches", dan kordial, "cocktail", halwa, kerepek dan tepung dari beberapa jenis buah-buahan seperti mempelam, nenas, betik, nangka dan lain-lain lagi; teknologi pememrosesan ikan laut dan ikan air tawar untuk dijadikan jejari ikan, bebola ikan dan sosej dan pembaharuan dalam sistem membuat keropok.

Untuk menjayakan penerapan teknologi dan R & D tersebut pihak SIRIM mengadakan program inkubator, pengembangan dan penggunaan kemudahan-kemudahan di SIRIM oleh usahawan-usahawan kecil. Manakala MARDI pula menjayakan penerapan teknologi dan R & Dnya melalui bimbingan dan

tunjukajar menerusi Skim Anak Angkat, Skim Pengembangan Intensif, Projek Khas dan Kursus.

**PENASIHAT KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN—
JAWATAN**

60. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan perbezaan antara Jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dengan penasihat kepada Menteri Pendidikan. Apakah perlunya Jawatan Penasihat kepada Menteri Pendidikan diwujudkan dan apakah Penasihat Menteri Pendidikan Dr Awang Had Salleh boleh membuat kenyataan-kenyataan terbuka sebelum merujuk kepada Menteri seperti saranannya supaya ITM dinaikkan ke taraf Universiti dan ITM dibuka kepada bukan bumiputera yang menimbulkan kontroversi sehingga pelajar-pelajar ITM berdemonstrasi.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya jawatan Dr Awang Had Salleh ialah Penasihat Khas Kementerian Pendidikan dan bukannya Penasihat kepada Menteri Pendidikan. Terdapat perbezaan antara jawatan Ketua Pengarah Pendidikan dengan Penasihat Khas Kementerian Pendidikan.

Ketua Pengarah Pendidikan adalah penasihat utama kepada Kerajaan (Kementerian Pendidikan) mengenai hal ehwal pendidikan manakala tugas penasihat khas Kementerian Pendidikan ialah membuat penyelidikan tertentu mengenai bidang pendidikan yang telah dikenalpasti oleh Kementerian dan memastikan hasil-hasil penyelidikan serta penerbitannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan-kenyataan terbuka yang dibuat oleh beliau adalah pandangan peribadinya sendiri sebagai seorang pendidik dan tidak harus

dikaitkan dengan pendirian serta hasrat Kementerian Pendidikan.

PROJEK SABAH GAS

61. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana wang sejumlah \$1.02 ribu juta bagi kiraan akhir bulan Disember tahun lalu telah kerugian dalam projek Sabah Gas dan sama ada ianya berfaedah untuk meneruskan projek ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kerugian terkumpul Projek Sabah Gas sehingga 31-12-1988 ialah \$1,486 juta disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (a) Kerugian sejumlah \$936 juta akibat daripada pertukaran matawang asing, khususnya kenaikan kadar pertukaran matawang Yen Jepun;
- (b) Kejatuhan harga-harga Methanol dan HBI di pasaran dunia kepada paras yang terlalu rendah; dan
- (c) masalah teknikal pada permulaan tahun logi-logi beroperasi.

Bagaimanapun setelah beberapa langkah dilaksanakan prestasi projek ini telah dapat ditingkatkan, dan bagi tempoh lima bulan awal tahun 1989 projek ini dapat memperolehi keuntungan sebanyak \$253 juta. Projek ini telah, antara lain, memberi sumbangan kepada pembangunan teknologi perindustrian negara kita dan penggunaan terhadap "associated gas" yang dahulunya terbuang atau dengan izin "flared" semasa pengeluaran minyak dijalankan.

BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH CONFUSIOUS

62. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk memberi sebidang tanah

bagi Sekolah Menengah Confucious untuk mendidihkan bangunan sendiri. Jika ya, nyatakan di manakah tapak itu;

- (b) adakah Menteri Pendidikan mengadakan perbincangan dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung dengan permohonan perpindahan Sekolah Menengah Jit Sin (Suwa) Bukit Mertajam. Jika ya, nyatakan tarikh-tarikh perbincangan diadakan dan keputusannya.

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mendirikan bangunan Sekolah Menengah Confucious oleh kerana sekolah tersebut adalah sebuah sekolah bantuan modal. Segala urusan yang berkaitan dengan bangunan tersebut adalah terpulang kepada pihak Lembaga Pengurus sekolah berkenaan.
- (b) Urusan pembinaan dan pengurusan sekolah-sekolah persendirian (SUWA) adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

NAJIS DADAH— PENGLIBATAN PELAJAR- PELAJAR

63. Tuan Haji Nik Abdullah Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh mana najis dadah telah melibatkan murid-murid sekolah dan institusi pengajian tinggi di seluruh negara;
- (b) sekolah bentuk mana dan murid dari latar belakang yang bagaimana yang mudah terbabat dengan dadah;

- (c) apakah langkah-langkah yang dirancang bagi mengelakkan lebih ramai murid dan sekolah yang terlibat;
- (d) beberapa pelatih di Maktab Perguruan Sungai Petani kini menghadapi tuduhan mengedar dadah. Sejauh mana hal ini tidak tepat; dan
- (e) beberapa pelatih di Maktab Perguruan di Sungai Petani kini sedang menghadapi tuduhan mengedar dadah. Sejauh mana hal ini tidak dapat dikesan terlebih awal oleh pihak Maktab dan tidak menghubungi ibu bapa pelatih berkenaan bagi memerhati dan mengelakkan dari mereka terjerumus dalam angkara ini.
- (iv) pelajar-pelajar yang gemar bercampur-gaul dengan rakan-rakan sebaya yang kurang berdisiplin;
- (v) pelajar-pelajar yang tidak kuat daya ketahanan diri;
- (vi) pelajar-pelajar yang kuat daya ingin tahu dan mencuba.
- (c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengelakkan lebih ramai murid dan sekolah yang terlibat dengan penggunaan najis dadah adalah seperti berikut:

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan murid-murid sekolah dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dalam penggunaan najis dadah di seluruh negara adalah terkawal. Sebahagian besar daripada mereka yang terlibat, adalah dalam peringkat mencuba-cuba.
- (i) mengadakan aktiviti kurikulum seperti Skim Lencana Anti Dadah;
- (ii) memasukkan Pendidikan Pencegahan Najis Dadah ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah melalui semua mata pelajaran;
- (iii) mengadakan Kem Jaya Diri dan Kem Kaunseling.
- (b) Penglibatan murid-murid dalam penggunaan najis dadah tidaklah tertumpu kepada sesuatu bentuk sekolah sahaja. Mengikut rekod Kementerian Pendidikan, semua sekolah, sama ada di bandar atau di luar bandar adalah terlibat dan murid-murid yang terbabit adalah dari golongan berikut:
- (d) Mengikut rekod Kementerian Pendidikan, tidak ada guru pelatih dari Maktab Perguruan Sungai Petani yang telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan mengedar najis dadah.
- (i) pelajar-pelajar yang terdedah kepada aktiviti-aktiviti yang tidak sihat;
- (ii) pelajar-pelajar yang datang dari keluarga yang tidak tenteram;
- (iii) pelajar-pelajar yang mempunyai masalah

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini—

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah BU. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (28hb Jun, 1989).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Siapa yang berucap?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Oh, Yang Berhormat dari Kepong masih ada? (*Ketawa*). Maafkan saya, saya ingat Yang Berhormat telah keluar.

3.36 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, kerana Kajian

Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima dan juga Dasar Ekonomi Baru adalah terpenting daripada arahan Tuan Yang di-Pertua, lebih penting sekali. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Teruskan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kami menganggap sebagai salah satu fungsinya di sini adalah untuk sentiasa menyedar serta memberitahu orang ramai mengenai pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima dan Dasar Ekonomi Baru. Hanya parti Pembangkang seperti DAP dapat memburu Kerajaan selama ini dengan kritikan-kritikan yang tidak terputus-putus, sementara mengesyorkan rakyat sedar dan opsyen-opsyen yang mungkin dihadapi oleh mereka pada kelak hari. Oleh itu, konflik di antara Kerajaan dengan DAP sebagai Pembangkang melindungi kepentingan awam adalah fungsi paling penting dalam Dewan yang mulia ini. DAP akan melaksanakan kewajibannya mengambil segala kesempatan untuk menawar pandangan alternatif yang munasabah dan yang bertanggungjawab terhadap dasar ekonomi negara dan dasar-dasar yang lain.

Yang Berhormat dari Tanjong, Tuan Yang di-Pertua, telah menunjukkan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah sebab utama yang tidak dapat meninggikan taraf hidup rakyat dengan banyak dan menjejaskan perpaduan negara dan yang melemahkan bakat. Beliau juga menyentuh konsep dominasi kaum yang tidak secukup dengan perpaduan negara. Keperluan untuk membasmi istilah bumiputera dan bukan bumiputera serta politik perniagaan seperti Lebuhraya Utara-Selatan, beliau menyeru supaya dasar kuota peratusan kaum dihapuskan dan diganti dengan prinsip keadilan sosial dan merit atau kebaktian.

Hujah saya akan memperkukuhkan lagi dakwaan beliau, akan tetapi dipandang dari sudut yang berlainan. Maka perbincangan saya akan berkisar sekeliling keperluan mendasak negara untuk mengadakan satu dasar, dengan izin, accessibility of data. Tabiat Kerajaan atau Unit Perancangan Ekonomi enggan membekalkan maklumat yang tepat dan selaras dengan sumber-sumber yang lain wujud dalam segala apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan, malahan di Dewan ini juga. Ini bukan kesalahan EPU kerana arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Misalannya, pertanyaan-pertanyaan kami mengenai pencapaian usaha-usaha penyusunan semula masyarakat dalam sektor-sektor tertentu, khususnya dalam perkhidmatan serta agensi-agensi perbadanan awam enggan dibekalkan oleh Kerajaan. Begitu juga dengan statistik yang lebih terperinci bagi pemberian biasiswa Kerajaan kepada pelajar di institusi pendidikan dalam dan di luar negeri.

Biasanya hanya maklumat yang menyokong pandangan-pandangan Kerajaan sahaja diberi. Maka di bawah keadaan sedemikian ketepatan data yang diberi dalam Laporan Kajian Separuh Penggal juga dipersoalkan, setakat manakah maklumat-maklumat tersebut benar-benar memberi gambaran yang tepat terhadap keadaan sebenarnya di dalam ekonomi dan masyarakat negara. Kita kurang pasti, namun begitu kita terpaksa mengasaskan penelitian terhadap pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima berdasarkan maklumat yang diberi kerana kurang malahan bolehlah dikatakan tidak wujud langsung sumber maklumat alternatif yang tepat bagi tujuan penganalisaan pelaksanaan serta pencapaian dasar-dasar Kerajaan.

Kerajaan yang memungut pelbagai cukai daripada rakyat mempunyai

kemampuan, tenaga manusia dan jentera untuk menganalisa, menganalisis dan membekalkan maklumat-maklumat konsisten dan tepat pelaksanaan DEB kepada rakyat. Di sini saya tidak bermaksud Kerajaan membongkarkan rahsia negara yang boleh memudaratkan keselamatan negara. Saya hendak tunjuk satu contoh misalnya kerana Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada di sini, pada 27hb bulan ini beliau ada menjawab misalnya satu soalan saya mengenai buku teks ke sekolah-sekolah rendah dan menengah tetapi jawapan itu dia kata tidak adalah, sebenarnya tidak ada kekurangan langsung sekolah-sekolah ini walhal saya berharap beliau dapat meninjau keadaan di Wilayah Persekutuan dan juga di banyak lagi kawasan untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya kerana beliau hanya bergantung kepada laporan daripada pegawai-pegawai di dalam Jabatan Pendidikan sahaja, dengan itu memang ada kalanya tidak dapat mengetahui keadaan yang sebenar dan pada masa sekarang di kebanyakan sekolah ada 1/4 sampai 1/3 pelajar yang berkelayakan untuk mendapat buku-buku pinjaman, buku-buku loan schemes, jadi ada 1/4 ataupun 1/3 tidak dapat buku itu. Dan buku yang tidak cukup ialah Matematik—KBSM, Sains Paduan—KBSM, Sejarah—KBSM, Geografi—KBSM dan tidak ada buku teks langsung untuk kemahiran hidup KBSM. Inilah maklumat yang diberi oleh pihak Kerajaan tidak tepat, dia kata tidak ada langsung tetapi ini bukan satu hakikat, biarlah tabiat Kerajaan itu yang hendak mempertahankan diri sendiri.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah bangkitkan dalam jawapan tempoh hari ialah bahawa tidak benar kalau dikatakan bekalan tidak sampai atau tidak cukup. Buku-buku ini diberikan percuma kepada

pelajar-pelajar yang layak menerima, jadi berdasarkan jawapan Ahli Yang Berhormat nyatalah bahawa pelajar-pelajar yang layak menerima diberikan, namun ada beberapa rayuan lain dari kalangan pelajar-pelajar yang menganggap diri mereka layak tetapi tidak disahkan oleh Pengetua atau guru berkenaan dan oleh yang demikian perkara ini boleh kita pertimbangkan dan kalau menerima rayuan oleh pelajar-pelajar tersebut, yang benar dari kenyataan Yang Berhormat dari Kepong itu ialah bahawa buku teks kemahiran hidup itu belum disediakan pada Penggal Pertama kerana matapelajaran kemahiran hidup secara rasminya diperkenalkan hanya pada penggal kedua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang ada sesuatu fakta yang diberi itu boleh diterima tetapi ada sebahagian itu tidak boleh diterima. Begitu juga dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia kata tidak ada keseksaan atau apa sahaja dilakukan ke atas bekas tahanan ISA seperti Yusof Kamaruddin dan Chau Chee Keong dan sebagainya. Ini tidak benar, menunjukkan sikap yang tidak mahu membongkarkan apa yang benar, sebusuk-busuk daging dikincih dimakan juga, seharum-harum tulang dibuang. Itulah sikapnya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan strategi bagi mempertahankan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat sebenarnya ingin bercakap

dan meneruskan ucapan, yang saya takut ramai semua yang telah keluar ini, takut nanti DAP ambil tindakan kepada Yang Berhormat macam mana? Tidak ambil tindakan sebab tidak ikut yang ramai ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat itu tidak bersangkutan. Yang Berhormat dari Kepong, tidak perlu jawab Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, oh! saya tidak mahu jawab, dia mengatakan dia tidak ada parti sekarang, apa sahaja cakap, satu orang di situ, susahlah lain kali. Dasar dan strategi bagi mempertahankan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di akhir Bab I buku kajian semula ini, membincangkan dasar dan strategi mempertahankan pertumbuhan ekonomi Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima (MTR) berkesimpulan bahawa pengurusan fizikal yang stabil dan bijaksana adalah amat perlu bagi pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Dengan adanya pertumbuhan ekonomi yang stabil matlamat-matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan lebih mudah dicapai akibat peluang-peluang pengagihan yang berterusan serta faedah ekonomi daripada pengurusan sumber-sumber terhad yang cekap. Sememangnya faktor-faktor tersebut berupa faktor ekonomi dan pengurusan yang amat penting bagi semua bentuk struktur ekonomi yang sihat akan tetapi keadaan sebenarnya bukanlah semata-mata faktor ekonomi tulen sahaja malah melibatkan faktor-faktor politik yang menentukan sesiapa mendapat apa, bila dan banyaknya penehnaan itu. Oleh itu sesungguhnya RML pada asalnya berupa alat ekonomi dari pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan termasuk peruntukan

keuangan dan dasar pembangunan dikawal oleh kepentingan politik parti memerintah.

Dalam semua perkara yang berhubungan dengan politik maka sudah tentu diiringi bersama pancaroba-pancarobanya yang tersendiri terutama sekali penyelewengan yang membawa faedah lebih kepada mereka yang berkuasa daripada kumpulan sasaran rasmi dalam rancangan ekonomi. Semasa membincangkan mengenai penyelewengan dalam pelaksanaan dan penilaian DEB kita harus mengait sama kesukaran mendapat maklumat yang tepat mengenai keadaan ekonomi sebenar. Semua ahli ekonomi sudah tentunya bersetuju bahawa maklumat sempurna mengenai sesuatu pasaran adalah salah satu andaian ceritis peribus yang umum tetapi mustahak di dalam perangkaan teori ekonomi.

Kawalan maklumat sempurna itulah yang memberi kekuasaan kepada pihak parti memerintah untuk memutar belit atau merahsiakan kenyataan bagi mempertahankan dasar-dasar Kerajaan sambil menyembunyi sebarang penyelewengan dalam pengagihan kekayaan negara di belakang tirai besi berbagai bentuk undang-undang termasuk Akta Rahsia Rasmi dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kepentingan politik yang menentukan arah haluan dasar ekonomi dan kawalan maklumat keadaan ekonomi sebenarnya yang mempertahankan serta mengesahkan keputusan politik itu.

Tuan Yang di-Pertua, contoh terbaik ialah dakwaan Kerajaan mengenai kelemahan kaum bumiputera diberbagai-bagai sektor khususnya sektor ekonomi dan pendidikan. Kepentingan politik yang terlibat dalam mempertahankan dakwaan ini ialah political survival atau untuk terus berkuasa manakala

penyelewengan berlaku di segi mewujudkan struktur monopoli yang membawa faedah kewangan kepada kuncu-kuncu parti politik yang memerintah melalui tawaran kontrak kepada syarikat-syarikat hakmilik parti politik atau tokoh-tokohnya membuat perbelanjaan pelaburan berjuta-juta ringgit sesungguhnya keperluan bukanlah mendesak, mensia-siakan sahaja sumber-sumber terhad negara kita.

Di segi pemilikan harta saham dalam sektor korporat kenyataan rasmi ialah milikan bumiputera telah meningkat daripada 2% dalam tahun 1970 kepada kira-kira 19% dalam tahun 1988. Saya tidak tahulah sama ada angka ini tepat atau tidak. Kawalan maklumat yang berlaku di sini ialah keengganan Kerajaan mengemukakan statistik yang membayangkan pencapaian yang sebenarnya kaum bumiputera berbanding dengan bukan bumiputera dalam sektor-sektor tersebut. Kejadian sebenarnya ialah saham ekuiti bumiputera dari satu punca telah mencapai tahap 30% yang disasarkan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Malahan di sektor kewangan—ini pun satu punca maklumat bukan daripada Kerajaan—segelintir kecil kaum bumiputera menguasai lebih 80% daripada milikan ekonomi dan bukan kira-kira 50% yang dilaporkan dalam MTR. Dan bagi sektor pertanian yang diperbadankan di antara 50% hingga 80%, sektor perlombongan 80% dan perkhidmatan lebih daripada 70%. Sesetengah orang mempunyai was-was terhadap ketepatan angka-angka ini. Maka di bawah dasar accessibility of data, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ianya tanggungjawab Kerajaan untuk memberitahu kita kesemua butir mengenai pencapaian usaha penyusunan semula di sektor-sektor ini.

Begitu juga dalam pendidikan, Pemberian biasiswa adalah cenderung

diberi kepada satu pihak di mana 4 daripada 5 biasiswa didakwa telah diberi kepada mahasiswa kaum tersebut dan tidak kurang daripada 90% daripada pelajar institusi tinggi yang ditaja oleh Kerajaan adalah kaum bumiputera. Begitu juga dengan bilangan biasiswa tajaan Kerajaan ke institusi-institusi luar negeri adalah terdiri dari kaum bumiputera. Tetapi maklumat yang tepat saya tidak dapat, cuma daripada punca-punca yang tertentu termasuk MTR. Akan tetapi kawatan maklumat telah menyembunyi kenyataan bahawa mereka yang beroleh kekayaan daripada milikan ekuiti sebenar daripada golongan yang berada dan pemberian biasiswa banyak diberi kepada kumpulan yang berpendapatan tinggi. Suatu kajian swasta yang dijalankan bagi tempoh masa 1980 hingga 1981 mendapati bahawa 20% daripada rumahtangga terkaya menerima bantuan pendidikan dua dan setengah kali ganda daripada yang diterima oleh 20% rumahtangga termiskin. Hanya 15% daripada biasiswa dipegang oleh golongan yang miskin, manakala yang kaya menerima bantuan lebih daripada 50%.

Maklumat-maklumat seperti ini langsung tidak boleh diperolehi daripada Kerajaan kerana parti memenntah hanya berminat menonjol perbezaan di antara kaum dan bukan di antara kelas demi kepentingan serta cita-cita politik mereka. Di samping itu dengan berbuat demikian, pihak yang memerintah boleh terus mempertahankan dasar-dasarnya yang mendakwa membasmi kemiskinan. Tetapi sebenarnya membolehkan yang kaya bertambah-tambah kaya dan yang papa terus merana. Keadilan ekonomi menuntut dasar-dasar dirangka mengikut garis-garis mendatar kelas dan bukan garis mencagak kaum yang membuka berbilang-banyak peluang kepada penyelewengan di pihak parti yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, setelah membincang berpanjang lebar mengenai kelemahan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita harusnya berperasan yang data Kerajaan dan ekoran itu bertanggungjawab prestasi serta kewangan pentadbiran tersebut kurang menyakinkan rakyat terutama sekali golongan intelektual. Oleh itu lebih baik daripada mengharap-harapkan kucing bertanduk Kerajaan harus membuktikan sekali gus keikhlasan-keikhlasan serta kesungguhannya mentadbir negara berdasarkan ciri-ciri bersih, cekap dan amanah dengan mengadakan suatu sistem Suruhanjaya Parlimen atau Ombudsman sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan—semalam sahaja sebut Ombudsman pula. Saya pun seronok juga. Ombudsman ekonomi ini memang memainkan peranan sebagai *tribune of the people*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang membuat pengawasan berterusan ke atas penyalahgunaan serta kelemahan-kelemahan pelaksanaan dasar ekonomi. Sistem ini hendaklah diadakan sebagai percubaan untuk 18 bulan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jentera aduan ini boleh menguruskan segala aduan, sungutan, rungutan serta ketidakpuasan terhadap pelaksanaan ekonomi atau pelaksanaan RML di dalam semua sektor termasuk mempertimbangkan:

- (a) kualiti proses membuat keputusan tertentu dan mutu keputusan individu;
- (b) sama ada pelaksanaan telah menghasilkan perbezaan-perbezaan yang besar yang terlalu nyata;
- (c) penyelewengan dalam jentera pentadbiran melibatkan bias serta penyalahgunaan kekuasaan oleh setengah-setengah

pegawai Kerajaan yang keterlaluan;

- (d) untuk melindungi rakyat biasa daripada pelaksana dasar ekonomi; dan
- (e) untuk bertindak di atas inisiatif sendiri dengan disokong oleh kekuasaan yang diamanahkan oleh Parlimen membolehkan badan perundangan ini mengawal dengan berkesannya seluruh bidang pelaksanaan dasar ekonomi oleh pihak eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, Pesuruhjaya Parlimen ini harus mengemukakan serta mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen. Ia juga harus memaparkan ciri-ciri yang mudah menyesuaikan diri mengikut keadaan dan bekerja dengan cekap dan pantas. Ahli-ahli Pesuruhjaya sebaik-baiknya mesti dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada pelaksanaan dasar yang sebenarnya memihak golongan yang kaya tidak menghairankan sekali bahawa jurang perbezaan pendapatan di antara golongan yang kaya dengan yang miskin kurang berubah terutama sekali di kalangan kaum bumiputera sesungguhpun Dasar Ekonomi Baru sudah terlaksana lebih 18½ tahun. Dengan menggunakan nisbah di antara purata pendapatan dengan median di mana nisbah yang tinggi menunjukkan tumpuan kekayaan kepada mereka yang berpendapatan tinggi, kami dapati bahawa nisbah tersebut bagi kaum bumiputera pada tahun 1987 ialah 1:4.1 berbanding dengan 1:4.6 dalam tahun 1984.

Dalam tahun 1970 nisbah ini ialah 1:4.3. Bagi kaum Cina pula nisbah ini tidak berubah di antara tahun 1970 dengan 1984 iaitu tetap 1:4.7. Dalam tahun 1987 nisbah ini didakwa berkurangan menjadi 1:3.9. Bagi kaum India pula nisbah mereka

berubah daripada 1:5.6 dalam tahun 1970 ke 1:4.2 dalam tahun 1984 dan seterusnya bagi tahun 1987 1:3.6. Pengurangan dalam nisbah menunjukkan jurang perbezaan pendapatan telah menjadi lebih kecil lagi dan ini lebih ditemui di kalangan India berbanding dengan kaum Cina dan paling kurang sekali di kalangan kaum Melayu. Kenyataan ini juga dapat dipertahankan jika kita meninjau nisbah perbezaan pendapatan purata di antara rumah-tangga di peringkat pendapatan 20% tertinggi dengan rumahtangga di peringkat 40% terendah. Perbezaan di antara tingkat pendapatan di antara dua kelas ini di kalangan bumiputera berkurangan pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kaum-kaum India dan Cina di Malaysia, kecuali di Semenanjung Malaysia di mana kadar pengurangan perbezaan pendapatan hanya sedikit lebih tinggi daripada kaum India.

Maklumat ini membuktikan pendakwaan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kurang membawa perubahan di antara golongan yang kaya dengan yang miskin. Sesungguhnya perbezaan pendapatan di antara kaum mungkin dapat diperbaiki tetapi pencapaian ini hanya menyelesaikan 10% daripada masalah ketidakseimbangan sosio-ekonomi manakala baki 90% yang wujud akibat ketidakseimbangan dalam kelas nampaknya Kerajaan langsung tidak menghirau mahupun ingin memberi perhatian sebenar-benarnya. Maka wujudnya keperluan yang mendesak bagi melaksanakan dasar berasaskan kepada keperluan dan meht, jasa atau kebaktian dengan diihngi usaha-usaha yang ikhlas terhadap pembetulan secara perlahan-perlahan ketidakseimbangan sosio-ekonomi tanpa menghasilkan perbezaan serta ketidaksamaan yang terlalu nyata.

Pada masa yang sama kami merasa mencurigai sama ada pencapaian

pembasmian kemiskinan seperti yang dicatatkan di dalam MTR dan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam. Sama ada angka ini benar atau semata-mata perpindahan kemiskinan dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar itu belum jelas, tetapi ada data-data yang dibekalkan oleh Kerajaan sendiri jelas menunjukkan fenomena itu perpindahan kemiskinan dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ahli Yang Berhormat tadi telah menyentuh mengenai ketidakseimbangan dari segi strata, bukan berasaskan kepada etnik tetapi berasaskan kepada sosial strata. Jadi Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa yang miskin menjadi miskin, yang kaya menjadi bertambah kaya. Jadi, dapatkah atau tidak Yang Berhormat memberikan contoh dari mungkin golongan orang Melayu ataupun kumpulan Melayu agaknya samar-samar sahaja siapa yang dapat, siapa yang tidak dapat dan begitu juga dalam golongan bangsa Tionghua dan juga India?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana dia tidak memihak Kerajaan dan tidak memihak kepada sesiapa pun, jadi susahlah saya hendak jawab kerana dia tak dengar. Cubalah dengar, dan kalau dia hendak saya boleh bagi satu naskah pula pada lain kali. Tadi dia tak dengar langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya berminat sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dapat beliau dengar dan mengambil perhatian terhadap ucapan saya sekarang berkenaan dengan Jadual 3.1 MTR ini. Jadual 3.1, Kumpulan rumahtangga di tingkat pendapatan 40% terendah, menunjuk per-tambahan dalam bilangan mereka di kawasan bandar di antara tahun

1984-1987 bagi keseluruhan Malaysia. Bagi Semenanjung Malaysia peratusan mereka ini di kawasan bandar bertambah daripada 13.4% ke 14.2% manakala di Sabah 13.3% ke 14.6% dan di Sarawak pula 12.8% ke 14.9% dan—dia nampaknya daripada Sarawak juga—ini meningkat iaitu kadar kemiskinan di dalam bandar di Sarawak meningkat daripada 12.8% ke 14.9%. Ini mengikut kajian yang dibentangkan semalam.

Di samping ini, bahagian rumahtangga dalam tingkat pendapatan ini juga bertambah pada umumnya iaitu di Semenanjung Malaysia daripada jumlah 12.8% dalam tahun 1984 ke 13.8%, di Sabah 12.8% ke 13.3% dan di Sarawak 12% ke 13.5%. Sementara itu bahagian rumahtangga dalam tingkat pendapatan 40% terendah di kawasan luar bandar juga telah bertambah bagi keseluruhan Malaysia. Di Semenanjung Malaysia peratusan ini bertambah daripada 14.1% ke 15%, di Sabah tidak berubah dan di Sarawak daripada 13.2% ke 14.3%.

Selanjutnya, Jadual 3.4 juga menunjukkan bahawa sungguhpun kadar kemiskinan purata sudah menurun fce 17.3% dalam tahun 1987 bila dibanding dengan 18.4% dalam tahun 1984 di Semenanjung Malaysia, bilangan rumahtangga yang miskin sebenarnya telah meningkat dan di samping itu purata pendapatan mengalami pengurangan.

Begitu juga dengan negeri Sabah di mana bilangan rumahtangga miskin meningkat bersama-sama kadar kemiskinan dan tingkat purata pendapatan menurun. Hanya negeri Sarawak sahaja yang mencatatkan penurunan dalam kedua-dua kadar kemiskinan dan bilangan rumahtangga yang miskin dengan kenaikan dalam purata pendapatan.

Dasar memindahkan kemiskinan ke bandar hendaklah diberhentikan

dengan serta-merta. Prestasi pembangunan luar bandar dikaji dengan teliti supaya langkah-langkah yang berkesan dapat diambil untuk membawa pembangunan kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah.

Perkara lain ialah faktor umum yang menerangkan pencapaian usaha-usaha mengurangkan kadar kemiskinan ialah kenaikan harga dan produktiviti barangan komoditi. Sebagaimana yang diketahui oleh kita semua, harga barangan komoditi dipengaruhi oleh permintaan pasaran dunia dan menurun-menaik dengan cepat sekali. Ini bennakna sekiranya ekonomi dunia mengalami kemelesetan sepertimana yang diramalkan oleh pakar-pakar ekonomi dalam tahun 1990 maka besar kemungkinan barangan komoditi utama juga akan turut terpengaruh dan seterusnya pendapatan rumahtangga yang terlibat dalam sektor ini terjejas. Pendek kata, sekiranya pencapaian pengurangan kadar kemiskinan semata-mata disebabkan oleh harga komoditi utama yang baik peningkatan dalam tingkat pendapatan purata khususnya bagi negeri Sarawak, adalah sementara sahaja yakni selagi harga tersebut tidak turun. Keadaan sedemikian tidaklah boleh ditanggalkan sebagai satu pencapaian yang munasabah, lebih-lebih lagi bila tinjauan seterusnya menunjukkan bahawa tingkat purata pendapatan hanya bertambah sebanyak \$108.00 sahaja di Sarawak, walaupun dengan peningkatan harga dan daya produktiviti komoditi utama.

Persoalan genting di sini ialah sama ada peningkatan dalam pendapatan ini boleh dipertahankan dan sebaik-baiknya diperbaiki tanpa terlalu bergantung kepada alunan naik-turun pasaran komoditi utama. Kita juga perlu diberitahu secara terperinci cara pengiraan, dengan izin, Poverty Line Income (PLI) atau garis pendapatan

kemiskinan. Sekadar mengetahui garis kemiskinan bagi tahun 1987 sahaja tidak mencukupi, bagaimana pula dengan tingkat pendapatan kemiskinan yang diguna bagi tahun 1984? Apakah wajaran yang diberi kepada komponen-komponen berbeza dalam bakul barang-barangan dan perkhidmatan yang diambil kira? Bagaimana pula dengan perbezaan dalam taraf hidup di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar dan daripada negeri ke negeri. Walaupun peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Pusat bagi kemudahan infrastruktur dan sosial bertambah daripada \$5,551.27 juta atau 35.1% daripada peruntukan asal kepada \$5,979.21 juta atau 43.8% daripada peruntukan yang dipinda, ini tidak menjamin mutu perkhidmatan mahupun kemudahan yang disediakan adalah setanding dengan kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mungkin telah membina banyak klinik dan rumah sakit, tetapi kebanyakan daripada klinik-klinik ini terutama sekali yang dibina di kawasan luar bandar selalunya serba-serbi kekurangan, apatah lagi rawatan khusus oleh pakar-pakar perubatan. Hospital-hospital besar di kebanyakan negeri juga menghadapi masalah kekurangan doktor pakar, malahan Hospital Universiti di antara lain menghadapi masalah kekurangan doktor pakar dalam bidang-bidang perubatan, pembedahan, anaesthetics dan orthopaedics. Negeri-negeri seperti Kedah, Sabah dan Sarawak tidak mempunyai kemudahan rawatan pergigian yang baik. Kira-kira 90% daripada penduduk Sabah dilaporkan mempunyai masalah pergigian disebabkan oleh kekurangan kemudahan perkhidmatan penjagaan pergigian di negeri tersebut,

Selain daripada ini pembekalan air bersih juga kurang memuaskan. Misalannya adalah dilaporkan bahawa lebih 80% daripada bekalan air di

estet-estet iaitu salah satu kumpulan sasaran dalam usaha membasmi kemiskinan adalah tidak, dengan izin, treated dengan klorin. Pembuangan najis pula tidak dibuat dengan sempurna.

Jalanraya-jalanraya di kawasan luar bandar putu bertahun-tahun lamanya tidak diturap, sungguhpun menerima jaminan Kerajaan akan berbuat demikian. Contohnya jaminan yang diberikan oleh bekas Menteri Kerjaraya akan meningkatkan taraf jalan di kawasan luar bandar telah disambut sambil lewa oleh penduduk negeri Sarawak. Jaminan kerap kalinya diberi tetapi taraf jalan masih menyedihkan terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman, Malahan jalan tulang belakang Sarawak yang pertama menghubungkan Semantan dengan Miri hanya diturap separuh sahaja. Alasan yang diberi ialah kerana kelembapan kontraktor melaksanakan projek mengikut jadual. Perkara ini tidak asing lagi bagi penduduk Malaysia. Kontraktor mungkin tidak menyiapkan kerja mengikut jadual, akan tetapi Kerajaan juga patut disalahkan kerana gagal bertindak dengan tegas terhadap kontraktor.

Pada asasnya, Tuan Yang di-Pertua, kemudahan infrastruktur memang telah dibekalkan oleh Kerajaan. Maklumat yang tidak dikemukakan ialah sama ada perkhidmatan yang ada disediakan bermutu atau mudah diperolehi oleh mereka yang miskin. Maka taburan kemudahan infrastruktur hendaklah diselaraskan dengan teratur. Sistem tender untuk tujuan ini haruslah memenuhi cita-cita bersih, cekap dan amanah. Pencapaiannya mestilah sejajar dengan amaun perbelanjaan yang diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli
yang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada banyak lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Semalam sudah berucap 10 minit.

Dr Tan Seng Giaw: 10 minit, ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini hari 35 minit, sudah lebih 45 minit.

Dr Tan Seng Giaw: Sudah lebih—saya akan berikhtiarlah untuk meringkaskan. Ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cuba Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Saya cuba meringkaskannya, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli yang maha-Bumiputera ialah satu-satunya kumpulan sasaran yang termiskin di negara ini. Pada bulan Mac lalu Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyeru pihak majikan supaya memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada Orang Asli yang berkeelayakan. Kenyataan ini seperti "bapa ketam mengajar anaknya berjalan betul". Kerajaan sendiri kurang menyediakan peluang pekerjaan kepada Orang Asli yang berkeelayakan, apa tah lagi sektor swasta.

Di perkhidmatan awam daripada 819,500 orang kakitangan Kerajaan hanya 2,242 sahaja adalah Orang Asli, 97% daripada 2,000 lebih yang bekerja di sektor awam adalah di bawah Kategori D. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sendiri hanya mempunyai 23.23% kakitangan Orang Asli di mana tidak seorang pun di bawah Kategori A. Akan tetapi, 90.6% adalah di Kategori D. Jika Kerajaan benar-benar ikhlas dalam usaha memperbaiki taraf hidup Orang-orang Asli kenapa pula jawatan

tersebut tidak diketuai dan di mana boleh diuruskan oleh Orang-orang Asli sendiri. Kenyataan Kerajaan ini satu tamparan yang kuat bagi Orang Asli Malaysia.

Di Sarawak didakwa bahawa kaum Dayak terpaksa bertanding dengan kaum Cina untuk mendapat 3 daripada 10 biasiswa yang disediakan bagi bukan bumiputera. Tetapi bumiputera bukan Dayak menerima 70% daripada biasiswa yang disediakan sungguhpun mereka membentuk hanya 25% daripada penduduk negeri tersebut. Misalan lain Orang Asli seperti hak milik tanah juga tidak dapat diselesaikan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, sebaliknya tanah hutan di mana nenek moyang mereka telah menetap berkurun-kurun lamanya dirampas bagi diusahakan sebagai kawasan pembalakan. Di Kelantan, mereka dianggap sebagai penghuni tanah haram. Di samping itu, sistem Jabatan didakwa oleh seseorang candakiawan sebagai bukan sahaja meneruskan pergantungan Orang Asli terhadap Jabatan itu tetapi juga memisahkan mereka daripada warganegara lain. Kesemua aspek pembangunan Orang Asli diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang pula terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri. Jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Pertanian, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan langsung tidak menghiraukan perkembangan Orang Asli di dalam bidang-bidang berkenaan.

Seorang ahli antropologi sendiri pernah menyaksikan sebuah kumpulan perubatan Kementerian Kesihatan meninggalkan kawasan penempatan Orang Asli semasa melawat perkampungan Melayu yang berhampiran. Kakitangan luar Jabatan Pertanian adalah pihak paling baik menasihatkan para petani Orang Asli tidak menghulurkan bantuan tersebut kerana ianya tugas menolong pegawai

luar Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sudah tentu Kerajaan mempunyai banyak alasan bagi menjelaskan cara pengendalian perkembangan Orang Asli di Malaysia. Namun begitu, penjelasan yang diberi tidak boleh berganjak daripada kenyataan bahawa Kerajaan tidak mempunyai apa-apa dasar atau rancangan pembangunan jangka panjang yang tetap bagi Orang Asli. Oleh itu, negara kita memerlukan rancangan pembangunan yang lebih jelas dan memperlihatkan ciri-ciri mewujudkan masyarakat Orang Asli yang berdikari dan penglibatan pelbagai jabatan Kerajaan dalam bidang-bidang berkenaan sama seperti golongan-golongan miskin yang lain.

Satu perkara yang jarang sekali dikemukakan bersama-sama dengan usaha pembasmian kemiskinan ialah dasar kependudukan negara. Tuan Yang di-Pertua, menurut penjelasan terkemudian mengenai dasar penduduk 70% Kerajaan menggalakkan rakyat supaya setiap keluarga mempunyai 5 orang anak. Pelepasan cukai pendapatan sekarang membayangkan dasar Kerajaan ini di mana elaun bagi anak adalah pada kasar menaik iaitu \$650 bagi anak pertama, \$750 bagi anak kedua; dan bagi anak ketiga dan keempat dan kelima \$800 setiap satu. Kadar ini adalah bertentangan dengan sistem percukaian pendapatan Singapura yang mengamalkan kadar menurun dalam pelepasan elaun anak. Maka tidak menghairankan bahawa paras kesuburan adalah paling tinggi di kalangan Melayu iaitu 4.6 % pada tahun 1987 berbanding dengan menghampiri 2.1% bagi kaum Cina dan 2.9% bagi kaum India. Di negara-negara perindustrian baru seperti Singapura, Taiwan dan Jepun paras masing-masing ialah 1.7%, 2.1% dan 1.8%. Teori kependudukan ialah pembangunan ekonomi seharusnya membawa kepada penurunan dalam kadar kelahiran, kemiskinan dan pertumbuhan penduduk adalah satu

lingkaran yang ganas merangkap mereka yang miskin melibatkan faktor-faktor pendidikan, kaum wanita terhadap perancang keluarga, kemajuan dalam kebudayaan lama yang menggalakkan keluarga yang besar serta peningkatan dalam taraf hidup.

Dasar kependudukan amat penting sekali dalam menyelesaikan kemiskinan di kawasan luar bandar. Sekurang-kurangnya dengan penguangan bilangan anak, kebudayaan memecah belah tanah di antara anak-anak semua boleh dihapuskan sama sekali kerana bilangan anak yang kecil. Anak-anak tersebut juga berpeluang menerima bahan makanan dan pendidikan yang lebih baik daripada anak-anak dalam keluarga yang besar.

Maka kami berharap Kerajaan menimbang semula dasar kependudukannya yang menggalakkan keluarga yang besar. Faktor ini mungkin salah satu faktor semula jadi yang menyumbang kepada perbezaan dalam taraf hidup di antara kaum. Ianya berkemungkinan besar tujuan di sebalik dasar kependudukan Kerajaan ialah untuk mengekalkan pergantungan kaum Melayu kepada Kerajaan bagi keperluan ekonomi dan seterusnya mengekalkan kekuasaan politik parti memerintah di pilihanraya-pilihanraya. Dasar kependudukan sedemikian bukan sahaja menjejaskan kemajuan kaum Melayu tetapi juga satu pencacian kepada kaum wanita Malaysia.

Perihal usaha menyusun semula masyarakat pula, penyelewengan juga berlaku di antaranya menerusi penswastaan projek Kerajaan, penyusunan semula guna tenaga yang memberat sebelah dalam sektor-sektor perkhidmatan awam dan pendidikan dan dalam milikan ekuiti termasuk kepentingan dalam projek perindustrian yang besar diambilalih oleh syarikat bumiputera dan syarikat asing atas dasar milik bersama.

Sejak tahun 1980, sektor-sektor masyarakat yang tertentu mempunyai jangkauan yang bertambah-tambah mengenai kelebihan-kelebihan yang harus diterima oleh mereka. Keadaan yang sedemikian adalah akibat propaganda Kerajaan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, misalannya dalam bidang pendidikan, quota kemasukan mahasiswa di universiti-universiti tempatan bagi kaum bumiputera melebihi peratusan asal 50% iaitu 81.8% daiam tahun 1988 di peringkat ijazah, hampir 93% di peringkat Diploma, dan kira-kira 70.2% di peringkat sijil dan institusi-institusi pendidikan tinggi negara.

Pada masa yang sama di peringkat pendidikan selepas penyekolahan menengah, kaum bumiputera membentuk 54.3% daripada penuntut di bawah kategori ini berbanding dengan 39.5% bagi kaum Cina dan 5.4% bagi kaum India. Bagi kaum Indianya sangat rendah.

Jurusan pendidikan teknik dan vokasional di peringkat sekolah menengah juga masing-masing mencatatkan penglibatan bumiputera setinggi 93.4% dan 90% pada tahun 1988. Sesungguhnya kaum bumiputera patut diberi bantuan peluang pendidikan akan tetapi ini tidak semestinya sehingga mewujudkan ketidakseimbangan yang ketara termasuk menghasilkan siswazah-siswazah yang tidak seajar dengan keperluan pasaran buruh. Maka memanglah tepat kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini yang mengatakan bahawa sesuatu sudah pastinya tidak kena dengan Sistem Pendidikan Negara kerana keadaan pengangguran yang tenat di kalangan siswazah-siswazah membuktikan latihan yang diterima daripada institusi-institusi tinggi tidak dapat memenuhi keperluan pasaran buruh tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi usaha menyusun semula masyarakat dari

segi gunatenaga, maklumat yang disediakan oleh Kerajaan adalah kurang tepat dan semata-mata menyokong dakwaan rasmi bahawa golongan bumiputera masih jauh ketinggalan dalam bidang iktisas seperti doktor, peguam, arkitek, akauntan, jurutera dan doktor gigi mengikut Jadual 3.211 keahlian bumiputera profesional yang berdaftar masih tidak dapat menandingi bilangan penglibatan kaum Cina. Pada tahun 1988 kaum bumiputera membentuk hanya 25.1% daripada sejumlah 30,196 profesional yang berdaftar berbanding dengan peratusan penglibatan kaum Cina iaitu 58.4% yang tidak disebutkan oleh Kerajaan ialah maklumat-maklumat tersebut tidak membayangkan angka-angka keseturuhan mereka yang terlibat dalam profesion-profesion berkenaan. Mereka yang bekerja di perkhidmatan awam tetapi tidak mendaftarkan diri dengan badan-badan profesional masing-masing. Mereka ini merupakan statistik tersembunyi yang tidak dikemukakan bagi pengetahuan rakyat.

Penyusunan semula masyarakat melalui milikan ekuiti mahupun kepentingan dalam projek-projek perindustrian boleh menghasilkan fenomena-fenomena political economy seperti kesan, dengan izin, crowding out keusahawan sektor swasta oleh Kerajaan menerusi badan-badan awam, penswastan dan cartelisation, dengan izin, yang wujud bagi melindungi industri-industri di mana Kerajaan mempunyai kepentingan khususnya di sektor industri berat.

Tuan Yang di-Pertua, ketika membincangkan persoalan ini, kita tidak boleh lari daripada pertikaian angka peratusan milik ekuiti yang berjaya dicapai oleh kaum bumiputera di bawah DEB. Saya sebutkan tadi saya pun tidak tahu sama ada angka ini benar ataupun tidak. Kerajaan boleh terus mendakwa yang dimiliki ekuiti kaum bumiputera sekadar 20% sahaja, sebab utama pertikaian wujud

mengenai perkara ini ialah golongan syarikat-syarikat nomini di bawah kategori bukan bumiputera. Menurut angka yang diperolehi daripada satu kajian swasta peratusan syarikat nomini yang dimiliki oleh kaum bumiputera telah meningkat daripada 11.5% dalam tahun 1974/1975 ke 24% dalam tahun 1984. Mengikut Jadual 3.12 Laporan MTR, milikan ekuiti syarikat nomini bertambah daripada 7.2% pada tahun 1985 kepada 80.1% dalam tahun 1988 dan dijangka mencapai 58.5% dalam tahun 1990. Tinjauan laporan-laporan tahunan MIDA, sejak tahun 1975 hingga 1987 akan menunjukkan bahawa penglibatan kaum bumiputera dalam sektor perindustrian selalunya melebihi penglibatan bukan bumiputera iaitu 44.5% daripada ekuiti modal sektor perindustrian dalam tempoh masa 1980-1987 berbanding dengan bukan bumiputera 26.5%. Maklumat-maklumat di mana berlakunya milikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berapa minit lagi Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Sungguh lama, tetapi saya akan pendekkan maklumat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Agak-agak berapa minit?

Dr Tan Seng Giaw: Kalau hendak ikut lama, mungkin setengah jam, tetapi saya akan pendekkan.

Maklumat-maklumat di mana berlakunya milikan ekuiti bersama di antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera atau di antara kaum bumiputera dengan pelabur asing tidak disediakan oleh Kerajaan. Milikan ekuiti kaum bumiputera di bawah kategori syarikat-syarikat tempatan juga tidak diketahui, tetapi terlonggok di bawah kategori milikan ekuiti bukan bumiputera. Maka maklumat-maklumat mengenai keadaan sebenar

milikan ekuiti bumiputera berselerak di bawah kategori-kategori berlainan. Daftar sedemikian amat sukar sekali dicongkil keluar kerana ianya memerlukan butir-butir terperinci yang Kerajaan enggan mengemukakan. Selagi Kerajaan tidak sanggup memberi maklumat yang tepat dan lengkap mengenai strategi penyusunan semula, kita tidak dapat mentafsirkan keadaan yang sebenar. Saranan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa matlamat-matlamat akan tercapai adalah tidak bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan Kerajaan sendiri mempunyai kepentingan ekuiti sama ada yang tergolong di bawah milikan ekuiti individu atau perbadanan-perbadanan awam, maka ia juga terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti sektor-sektor ekonomi berkenaan. Akibatnya kesan crowding out wujud di mana keusahawanan sektor swasta terpaksa bertanding dengan perbadanan awam untuk memperolehi kontrak-kontrak kerja serta perniagaan dan sumber-sumber kewangan. Di segi memperolehi kontrak kerja termasuk projek-projek yang diswastakan, pihak swasta bukan bumiputera bukan sahaja terpaksa bertanding dengan perbadanan awam malahan juga dengan pengusaha-pengusaha individu kaum bumiputera. Ini terutamanya berlaku dalam tawaran kontrak Kerajaan di sektor pembinaan. Kira-kira 95% daripada syarikat pembinaan bumiputera di Malaysia bergantung semata-mata kepada 40% kontrak Kerajaan.

Bagi projek-projek yang diswastakan pula, mengikut laporan MTR 8 daripada 14 buah projek yang telah diswastakan diberi kepada syarikat bumiputera. Dasar Penswastaan Kerajaan menyarankan kesemua projek yang diswastakan mesti diberi kepada kaum bumiputera dan bila berlakunya keadaan di mana

kaum bumiputera atau syarikat bumiputera tidak berdaya mengambil alih projek tersebut, maka usahawan bukan bumiputera mahupun pelabur asing dibenarkan memegang bahagian ekuiti bumiputera tetapi atas syarat ekuiti dijual semula kepada kaum tersebut apabila mereka mampu membelinya.

Mengikut dua penyelidik ISIS Dasar Penswastaan Kerajaan sebegini di mana saham-saham dijual di bawah tingkat harga pasaran dan setelah disenaraikan dalam Bursa Saham, naik dengan cepat sekali dan menggalakkan spekulasi yang hanya memanfaatkan golongan yang kaya lebih-lebih lagi apabila kaum bumiputera sering menjual saham-saham mereka di pasaran sebaik sahaja tingkat harga pasaran meningkat. Faktor lain mengenai penswastaan ialah penyelewengan di segi pemberian projek kepada syarikat-syarikat bumiputera. Hakmilik parti politik yang memerintah dan kes-kes yang melibatkan pengeluaran sub-kontrak kepada pengusahawan asing ke atas kerugian sektor swasta tempatan bukan bumiputera dan bumiputera juga.

Kontrak-kontrak besar seperti projek Lebuhraya Utara/Selatan, projek pembekalan air di kawasan luar bandar Antah Biwater dan projek PGU 2, (Petroleum Gas Utilisation Project 2), dengan izin, kesemuanya melibatkan usahasama dengan pelabur asing.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sungguhpun setengah-setengah projek tersebut memerlukan kepakaran asing khasnya projek berasaskan petroleum dan gas kebanyakannya boleh dilaksanakan oleh usahawan tempatan. Selain daripada mengubah struktur kerjasama Ali-Baba tradisional dengan Ali-Pelabur Asing.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Puchong bangun, fasal apa?

Dr V. David: Tiada apa-apa.

Dr Tan Seng Giaw: . . . penglibatan Kerajaan dalam kegiatan ekonomi juga menghasilkan perlindungan berlebihan ke atas industri-industri yang terlibat khasnya di sektor industri berat.

Tuan Yang di-Pertua, industri berat seperti Perwaja Terengganu, Proton dan Kedah Simen adalah misal-misalan cartelisation serta struktur ekonomi monopoli dan monoxoni yang menonjol sekah. Pada pertengahan bulan Mei, Perwaja melaporkan bahawa ia menjangka memperoleh keuntungan pada akhir tahun ini. Di antara faktor-faktor yang akan menyumbang kepada pemilihan kedudukan kewangannya ianya ialah pertambahan dalam produktiviti. Pada pertengahan bulan Jun Perwaja tidak akan lagi mengeksport keluar kelulinya keluar negeri memandangkan perbezaan dalam harga di dalam dan di luar negeri tidak banyak.

Kami percaya faktor lain yang mendorong Perwaja berbuat demikian adalah juga akibat jaminan Kerajaan mengarahkan kesemua Jabatan Kerjaraya menggunakan lebih banyak keluli dalam kegiatan pembinaan. Jabatan tersebut diarah menyesuaikan rekaan jambatan-jambatan supaya menggunakan lebih banyak keluli. Hanya keluli sahaja akan digunakan untuk mengganti lebih kurang 100 buah jambatan di seluruh negara. Alasan Kerajaan ialah jambatan keluli boleh disiapkan dengan lebih cepat daripada jambatan concrete sungguhpun jambatan concrete lebih tahan daripada jambatan keluli. Pada masa yang sama beberapa kilang keluli pelabur asing dijangka mendirikan kilang-kilang mereka di Malaysia. Antaranya syarikat pengeluar keluli terbesar di China, Italian Meekers Hydraulic System Limited yang bercadang melabur \$135 juta di sini.

Nampaknya kegiatan industri kecil tiba-tiba meningkat sebegitu cepat sekali dan tepat pada waktu PERWAJA meramalkan keuntungan bagi tahun 1989, malahan saham Malayawata Steel juga meningkat berikutan tambahan dalam aktiviti pembinaan.

Bagi pemaju-pemaju perumahan pula, kegiatan bertambah di sektor industri pengeluaran keluli membawa berita buruk iaitu peningkatan dalam harga barangan tersebut. Pemaju-pemaju mendakwa bahawa satu kartel keluli yang wujud di negara ini mengakibatkan peningkatan harga sebanyak 21% bagi barangan keluli. Pemaju mendakwa bahawa peningkatan harga keluli tidak diiringi peningkatan dalam harga rumah akan menyebabkan pemberhentian lebih kurang 200,000 orang pekerja kerana projek-projek tersebut tidak menguntungkan lagi dan terpaksa diberhentikan. Jika kita masih ragu-ragu mengenai pihak manakah yang benar, kita harus meninjau pula ke penjualan kereta Proton Saga menerusi EON. Menurut maklumat pasaran, sesiapa yang pembeli Kereta Proton Saga mesti membeli isuran kereta daripada EON dan jika pembeli mengambil pinjaman daripada EON maka dia akan menerima rebate dalam harga "power windows", dengan izin, sebanyak \$400. Kadar bunga pinjaman kereta ialah 7.9% berbanding dengan adar pinjaman 6.5% daripada Public Bank dan sebagainya. Akibatnya teladan memaksa pembeli-pembeli membeli kereta lengkap dengan assessor-assessorinya daripada EON juga diikuti oleh lain-lain pembekal kereta.

Begitu juga dengan Kedah Cement, satu lagi anak syarikat HICOM yang menerima perlindungan Kerajaan. Sungguhpun ini dinafikan oleh Kerajaan dan sebaliknya alasan melindungi negara daripada dilambak dengan simen dari luar negeri.

Dasar membina lebuh raya mengguna simen kini menjadi salah satu syarat projek Lebuh raya Utara-Selatan. 30% daripada lebuh raya tersebut mesti dibina menggunakan simen supaya merangsangkan pertumbuhan industri simen tempatan. Sama ada ini berupa satu cubaan untuk menghembus nafas baru ke dalam projek HICOM dan Kedah Cement atau tidak hanya boleh diperlihatkan dengan perjalanan masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong akan memakan masa berapa lama lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Ya, saya akan pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana Yang Berhormat telah berucap lebih dari sejam.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cartelisation adalah bersangkut paut dengan politik perniagaan yang semakin hari semakin menjadi serius. Adakah perlu bagi negara ini untuk mengadakan satu dasar yang concrete untuk menghapuskan politik perniagaan serta membendung cartelisation yang akan merugikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memesongkan perbincangan kepada bentuk pelaburan yang dilakukan di dalam negara. Mengikut jawapan kepada pertanyaan saya pada persidangan Dewan dalam bulan Mac lalu dan juga sesi ini, saya diberitahu bahawa Kerajaan tidak membezakan sama ada sesuatu pelaburan asing itu akan lebih cenderung menggunakan modal atau buruh, sikap ini selaras dengan matlamat perindustrian negara di bawah Pelan Induk Perindustrian. Matlamat lain juga meurujuk kepada penyediaan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian mengenai keperluan untuk

menyelaraskan dan lebih baik untuk mengadakan pelbagai jenis perindustrian di negara ini termasuk menjamin pemindahan teknologi yang diperlukan yang mana setakat ini Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga sedar bahawa pelabur-pelabur asing terutamanya dari Jepun kurang bersedia memindahkan teknologi mereka kepada negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, pada 17hb Jun 1989, Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri mengumumkan bahawa Dasar Wanita Negara akan dipaparkan dalam Rancangan Malaysia Keenam, Dasar ini akan mempunyai 6 strategi untuk membasmikan kemiskinan di kalangan kaum wanita dan melibatkan Kementerian Pertanian, Kesihatan, Buruh, Perdagangan dan Perindustrian, Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Bagi melengkapkan dasar ini, ia sepatutnya melibatkan juga Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan pendidikan kaum wanita khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Setakat ini hal ehwal wanita di bawah Jabatan Perdana Menteri tidak dapat memainkan peranan yang berkesan. Sebaliknya kaum wanita harus mempunyai Kementeriannya yang tersendiri yang meliputi segala aspek perkembangan sosio-ekonomi mereka termasuk juga usaha-usaha menuntut hak-hak wanita yang setaraf dengan kaum lelaki di segi perundangan negara. Sungguhpun Dasar Wanita Negara tersedia ada juga membuat rujukan mengenai penyamaan taraf wanita di segi undang-undang Malaysia, namun aspek ini tidak diliputi oleh mana-mana Kementerian seperti yang dilakukan bagi perkembangan status ekonomi wanita di bawah Rancangan Malaysia

Keenam. Sebaliknya sebuah Kementerian khas bagi hal-hal kaum wanita melengkapi segala aspek perjuangan mereka supaya setaraf dengan kaum lelaki. Kesemua aspek sosio-ekonomi, perundangan dan kajian boleh ditumpukan kepada perkembangan peranan wanita dalam kemajuan negara. Dengan adanya Kementerian begini maka diharapkan masyarakat Malaysia dapat mengikis berlakunya keengganan kaum wanita yang masih belum kahwin untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi kerana takut mengemukakan umur mereka.

Matlamat kita ialah ke arah membentuk sebuah masyarakat di mana kaum wanita dan lelaki adalah sama taraf dengan kedudukan mereka dan bertanggungjawab bersama memikul beban pembangunan negara. Ini akan melibatkan pengorbanan kekuasaan politik dan ekonomi di pihak lelaki apatah lagi perubahan dalam sikap masyarakat umum terhadap hak-hak wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Kajian Separuh Penggal ini merupakan laporan terakhir bagi Dasar Ekonomi Baru. Yang amat mengecewakan kita ialah matlamat-matlamat DEB iaitu perpaduan negara tidak tercapai oleh alat-alat ekonomi dalam tempoh masa hampir 20 tahun ini, malah bertambah buruk keadaan polarisasi kaum di kalangan masyarakat majmuk Malaysia. Sesungguhnya ketidakseimbangan sosio-ekonomi perlu diselesaikan, akan tetapi jangan sekali-kali sehingga mewujudkan perbezaan-perbezaan yang terlalu nyata yang menggugat perpaduan kaum dan menghancurkan keharmonian rakyat.

Di dalam Dewan Rakyat ini, saya telah berikhtiar untuk menggunakan bahasa baku sejak tahun 1982. Semalam saya mendengar Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri menggunakan sebutan baku untuk perka-taan-perkataan "agenda" dan "teknologi" bagi kali pertama dan trend ini adalah sangat menggalakkan. Saya berharap trend seperti ini boleh dilihat dalam usaha untuk membasmi dasar yang berteraskan kepada kaum dan diganti dengan dasar yang berasaskan kepada keperluan dan merit. Mungkin di dalam 10 tahun atau 20 akan datang, dasar-dasar yang berunsur kaum dapat dihapuskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kok Lanas.

4.39 *ptg.*

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas); Tuan Speaker, terima kasih. Ekonomi Negara telah kembali meningkat dan ini sangat membanggakan dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas pengurusan yang baik dan keberanian Kerajaan membuat penyesuaian-penyesuaian di sektor awam dan swasta yang diperlukan apabila keadaan memaksanya.

Saya harap dengan pertumbuhan ekonomi yang membanggakan ini masa depan Malaysia dan rakyatnya akan lebih terjamin dan cerah lagi dan mereka mampu menghadapi cabaran-cabaran masa kemuka dengan penuh harapan dan keyakinan.

Lapanbelas bulan lagi Dasar Ekonomi Baru atau DEB dan Rancangan Malaysia Yang Kelima atau RML (1986-1990) akan tamat, dan matlamat DEB jelas tidak tercapai seperti yang diharapkan sungguhpun terdapat beberapa kemajuan.

Pencapaian hakmilik syarikat bagi bumiputera hanya 19% sahaja: 11% kurang dari soalnya 30%. Kalau tolak ekuiti yang dipegang oleh agensi-agensi amanah dan Kerajaan yang tidak boleh dianggap sebagai kepunyaan bumiputera, pencapaian

individu bumiputera barangkali termasuk Ali-Ali Baba 7% atau 8% sahaja. Pencapaian bukan bumiputera pula melebihi dari targetnya 40% meningkat kepada 58%; pendapatan purata sebenar orang Cina adalah \$1,012 iaitu 65% lebih tinggi daripada bumiputera. Pencapaian bumiputera dalam perkilangan dan pembuatan dan pembinaan; profesion accountancy dan taxation di tahap yang paling rendah dan amat menyedihkan. Pengeluaran sektor pembuatan meningkat pada kadar 12.8% tahun 1987 dan 18% tahun lepas dan nilai eksport 75% lebih tinggi daripada nilai tahun sebelumnya dan pencapaian bumiputera di bidang-bidang yang penting ini hanya 15% sahaja.

Doktor-doktor pula hanya 23% bumiputera, doktor Cina seramai 2,219 orang, India 2,215 orang. Life expectancy, dengan izin, atau umur hidup—Cina lelaki 70 tahun, Melayu 68 tahun, India 64 tahun; perempuan Melayu 72 tahun, perempuan Cina 77 tahun, India 70 tahun. Saya berharap kemudahan-kemudahan medical dan perubatan dipertingkatkan dan diperluaskan lagi bagi semua rakyat di bandar dan di luar bandar agar semua rakyat yang miskin dan melarat mendapat perkhidmatan yang baik.

Saya mengucapkan tahniah kepada orang-orang Cina kerana kejayaan mereka yang cemerlang walaupun ada sekatan-sekatan yang tidak tersekat pada umumnya. Ini adalah kerana mereka cekap dan bijak menggunakan peluang-peluang dan jelas DEB membawa keuntungan kepada semua bangsa; DEB bukannya untuk bumiputera sahaja bahkan bukan bumiputera telah meraih lebih keuntungan.

Saya berpendapat pencapaian bumiputera dalam bidang ekonomi tidak akan tercapai bila-bila masa pun kalau "market economy" atau "laissez-faire policies", dengan izin, diteruskan secara tidak terhad. Peluang

bumiputera mencapai target mereka untuk mendapat "economic parity", dengan izin, atau hakmilik dalatn swasta yang sama dengan orang lain hanya akan menjadi impian buat selama-lamanya kecuali Kerajaan teruskan interventionnya, dengan izin, dalam private sector di bidang-bidang yang tertentu dan strategic sehinggalah hakmilik yang daif setaraf dengan status mereka yang berada.

Tuan Speaker, bukan bumiputera tegap, kukuh, menguasai bidang korporat, bandar-bandar dan pasaran-pasaran ekonomi dan saya jangka kedudukan bukan bumiputera di masa akan datang akan lebih kuat, kukuh dan tinggi lagi apabila privatisation, industrialization dan urbanization, dengan izin, dijalankan sepenuhnya kerana asas dan base bukan bumiputera untuk mengambil peluang-peluang dalam privatisation, industrialization dan urbanization telah wujud lama dan sangat kukuh dan amat berpotensi in every respect, dengan izin, modalnya, kewangannya, kemahirannya, tenaganya, fikirannya dan budaya lobi melobinya.

Tuan Speaker, pada jangka panjang—setelah bumiputera menguasai kebolehan, kemahiran dan kemampuan yang sejajar dengan bukan bumiputera—berkemungkinan dasar-dasar Kerajaan dititikberatkan kepada pertumbuhan dan persaingan semata-mata. Pendekatan race atau bangsa tidak ditegaskan sangat ideal dalam peluang-peluang dan pengagihan sumber dalam negara yang maju dan rakyatnya bersetaraf dan equal dalam segala bidang. Bumiputera, dengan ikhlas, tidak mampu ketika ini bersaing dengan bukan bumiputera on equal terms, dengan izin. Andainya ia dikenakan juga, ini seolah persaingan atau perlawanan bolasepak antara Liverpool dengan pasukan negeri Kelantan. Bumiputera perlukan handicap bukan buat selama-lamanya—sekarang dalam bahasa golf, bumiputera handicapnya dalam

ekonomi adalah 24 atau 23, mungkin 20, tetapi bukan bumiputera handicapnya antara 1 dan 3 atau 3 dan 1.

Sekarang pun setelah hampir 19 tahun Dasar Ekonomi Baru, bumiputera majoriti mereka masih daif dan ketinggalan dalam segala bidang hidup termasuk pelajaran. Umpamanya, sungguhpun bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia adalah bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan universiti-universiti dalam negeri, bumiputera telah, mengikut Professor Ungku Aziz, dalam bahasanya sendiri, dengan izin, "monopolize" 80% of the bottom 20%; dan di tingkat tertinggi pula pencapaian bumiputera hanya 3% sahaja. 75% daripada siswazah yang menganggur adalah bumiputera daripada jumlah lebih 35,000 orang. Muda-mudi Melayu yang paling ramai menjadi penagih-penagih dadah. Narcotics atau dadah sudah menjadi fenomena Melayu; bukan fenomena Malaysian. Fenomena ini telah di-compoundkan pula oleh pengangguran dan inflasi dan perbandaran orang-orang luar bandar. Komponen bumiputera di bandar menjelang tahun 1990 adalah dijangka 45%. Kerajaan harus mencari penyelesaian kepada masalah-masalah sosial dan ekonomi mereka kalau cabaran-cabaran yang mereka hadapi yang mereka tidak boleh selesai mungkin menjadi time-bomb, dengan izin, dalam kurun 21 nanti.

Tuan Speaker, kemajuan yang dicapai oleh orang Melayu bumiputera membanggakan. Tanpa DEB, mereka telah menjadi "Red Indians" di negara mereka sendiri. Dichotomy—perbezaan jurang yang begitu ketara, atau dictomia telah berlaku (itu bahasa saya "dictomia"), telah berlaku dan akan terus berlaku sama ada wujud Dasar Ekonomi Baru atau tidak dalam masyarakat bumiputera, sesama bumiputera, bumiputera dengan bukan bumiputera, luar bandar dengan

bandar, wilayah antara wilayah bahkan antara negeri sama negeri; kesemuanya boleh menjadi sumber pergeseran atau conflicts antara satu sama lain. Apa yang saya cuba kata ialah dictomia ini harus dikurangkan segera boleh antarabangsa dengan bangsa antara yang berada dari bangsa itu dengan yang tidak berada dari bangsa itu sendiri. Sekarang jelas, bumiputera sendiri terdiri dan tergolong dari beberapa darjat dan kelompok—Melayu berpendidikan Ingeri dan seberang laut, bumiputera berpendidikan Arab dan mereka yang hanya berorientasikan Bahasa Malaysia sahaja; dan usahawan dan professionals. Dunia Melayu sekarang terbahagi kepada tiga dan empat kelompok dan apabila fahaman politik diambil kira, kelompok dan darjat, bilangan tahap dan tempat dan locationnya berganda-ganda. Ini dipersulitkan pula dengan pola-pola dan sifat bangsa bukan bumiputera yang juga ada caste systemnya yang tersendiri baik yang berasaskan ekonomi, pelajaran dan keturunan.

Pencapaian individu bumiputera dalam corporate sector sangat lemah. Seperti saya kata tadi kalau ditolak "Ali Baba", hakmilik bumiputera barangkali tak sampai pun 5%!

DEB bukan menjadi sebab ekonomi negara lembab pada tahun-tahun 1981-1986 kerana negara-negara yang tiada DEB pun, seperti Singapura, Thailand, bahkan Amerika Syarikat juga ekonominya turut meleset. Sesungguhnya, kemelesetan ekonomi Singapura dan negara-negara jiran lain lebih teruk lagi. Bukti apa yang saya katakan ini ialah jumlah modal naik 131% tahun lepas berbanding dengan tahun sebelumnya, pelaburan swasta meningkat sebanyak 23.5% tahun 1988 berbanding dengan 6.5% dalam tahun 1987. Seperti kata Perdana Menteri dalam ucapannya kelmarin atau semalam, minat pelabur-pelabur asing dan tempatan terus meningkat

dan ini adalah petanda yang baik dan syabas saya ucapkan kepada Kerajaan kita.

Kata setengah-setengah orang, tanpa DEB pertumbuhan ekonomi kita mungkin lebih tinggi. Ini mungkin benar dan mungkin tidak benar. Apa pun jawapannya, tanpa DEB kalaulah kita mengikut selera dasar fiscal yang kolot sebelum DEB dahutu, pencapaian kita sudah tentu lebih rendah dan lebih penting lagi tanpa DEB peluang ekonomi pertumbuhan tiada langsung kerana negara sudah tentu tidak akan stabil dan teguh akibat kehampaan dan tidak kesenangan rakyat bumiputera kerana kedaifan dan kemunduran mereka. Kalau tiada Dasar Ekonomi Baru huru hara telah berlaku dan dalam keadaan begitu apa pun tidak akan berkembang.

Saya suka melihat Dasar Ekonomi Baru mengamal sikap yang lebih berani, lebih expansionist dan adventurous policies, dengan izin, kerana nothing venture, nothing gain atau have or win. Berbuatlah demikian dengan bijak dan di bidang-bidang yang strategik sahaja. Saya ingin melihat pengukuhan DEB dan consolidate apa yang telah ada dan tingkatkan lagi quality dan profitability atau keuntungan sektor-sektor di bawah pimpinan bumiputera. Professionalism di kalangan bumiputera professionals, dengan izin, hendaklah ditingkatkan lagi dan keamanan dan kecekapan hendaklah ditahap yang paling tinggi.

Tuan Speaker, tanpa DEB, bumiputera akan terus daif dan miskin, maka kerana itulah Kerajaan terpaksa menyambungkan DEB dalam apa bentuk sekalipun dan tanpa mengorbankan penyusunan semula masyarakat, pembasminan kemiskinan dan objektif asalnya yang lain. Barangkali cara pelaksanaan sahaja mungkin berubah tetapi emphasisnya tidak akan berubah kalaulah Kerajaan

terus mahu didukung oleh bumiputera. Keputusan pilihanraya kecil Teluk Pasu adalah isolated case, dengan izin, dan saya yakin itu isolated case, dengan izin, tetapi saya harap Kerajaan dan UMNO jangan pula complacent atau compliesi tentang kemenangan PAS—kumpulan serpihan itu.

Tuan Speaker, saya tidak bercadang membuat analisa dalam Dewan ini tetapi sekadar memperingati Kerajaan bahawa usaha-usaha yang tebih gigih tagi diperlukan segera bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah dan orang-orang luar bandar dan membandingkan perasaan kekecewaan bumiputera atau dengan izin, frustration mereka dalam pencapaian yang rendah di bidang sosio-ekonomi dan perasaan ketakutan mereka bahawa kuasa politik Melayu akan hilang lambat laun. Saya kira UMNO kalah antara sebabnya ialah kos politik yang mahal yang UMNO dan Kerajaan terpaksa berhadapannya sekarang.

Tuan Speaker, saya mengalukan, dengan izin, reiteration atau ikrar yang diulangi oleh Perdana Menteri kelmarin dalam Dewan ini bahawa DEB akan terus mendapat tempat utama di dalam sebarang agenda pembangunan negara dan pelaksanaannya dijalankan dengan sebaik mungkin yang boleh memberi faedah kepada negara dan mereka yang menerimanya dari segi jangka panjang. Perpaduan negara adalah objektif DEB dan national solidarity hanya akan wujud jika majority rakyatnya hidup sempurna. Maka rakyat bumiputera, Cina dan India hendaklah bekerjasama dan hidup dalam harmoni. Bumiputera mestilah diberi haknya sewajar boleh, raykat Cina pun haruslah mendapat pembelaan yang wajar; orang India yang nasibnya daif seperti orang Melayu juga harus dapat pembelaan sesuai dengan sumbangan dan keperluannya. Saya mahu Kerajaan

memberi perhatian yang berat atas masalah yang dihadapi oleh semua rakyat yang miskin dan melarat tanpa kira bangsa dan keturunan.

Tuan Speaker, Perdana Menteri dan Kerajaan berharap, seperti yang dibayangkan dalam Dewan ini kelmarin, ada consensus, ada sebulat suara dari Majlis Perundangan Ekonomi Negara (MPEN). Begitulah juga harapan saya dan mereka yang cintakan negara ini. Semua rakyat yang taat setia idka berbelah bahagi kepada negara ini menyokong Dasar Ekonomi Baru. Saya dapati dari pengalaman saya menjadi anggota MPEN (Majlis Perundangan Ekonomi Negara) semua ahli menyokong Dasar Ekonomi Baru. Apa yang menjadi perbincangan ialah pelaksanaannya. Bumiputera kata pelaksanaannya lambat, tidak cekap, takut, curang, maka itulah sebabnya Dasar Ekonomi tidak capai matlamatnya. Cina pula kata DEB telah dilaksanakan terlampau laju dan meluas dan mereka mahu DEB yang baru semata-mata berdasarkan kepada growth dan competition, dengan izin, pertumbuhan dan persaingan. Melayu pula mahu DEB dikekalkan seperti sediakala bahkan diperkukuhkan lagi sifat-sifat dan matlamat asalnya dan tanpa period atau tempoh dikenakan. Sebenarnya, kedua-dua persepsi ini tidak benar dan kedua-duanya pun tidak pula salah. Yang benar ialah antara kedua ini, maka saya berharap satu common ground, dengan izin, akan lahir.

Apa yang sudah berlalu sudah pun selesai dan 18 bulan lagi Dasar Ekonomi Baru yang lama akan tamat. Apakah masa depannya? Dasar Ekonomi Baru, seperti kata Perdana Menteri, akan disambung tetapi saya mahu Dasar Ekonomi Baru yang baru diperkukuhkan kerana apa yang dicapai oleh bumiputera sekarang ini adalah fragile, dengan izin, seperti kata majalah *Far Eastern Economic Review* minggu lepas. Mengikuti *Far Eastern Economic Review*, pencapaian Melayu

itu fragile, maknanya, senang pecah, senang rapuh, itulah mengikut kamus saya. Kali ini majalah ini membuat laporan yang tepat dan objektif. Kalau *Far Eastern Economic Review* kata begitu, kerana *Far Eastern Economic Review* ini adalah "Bible" kepada orang liberals, maka economic position Melayu benar-benar fragile, mesti benar kerana *Far Eastern Economic Review* ini jarang membuat perakuan kelemahan orang Melayu. Maka kerana kedudukan orang Melayu, bumiputera senang rapuh, maka inilah satu lagi sebabnya Kerajaan wajib perkukuhkan DEB yang baru ini dengan mengelakkan kesalahan-kesalahan dan kesilapan-kesilapan lampau dan persepsi-persepsi yang samar-samar.

Tuan Speaker, saya sedar orang Cina meminta beberapa aspect Dasar Ekonomi Baru yang wujud dan bakal wujud ditukar tetapi tuntutan mereka itu agak keterlaluan dan amat unrealistic. Juga ada permintaan-permintaan dari Melayu sendiri juga yang unachievable, dengan izin. Maka oleh kerana ada conflicting demands, dengan izin, antara meritocracy dan needs, dengan izin, saya kira Kerajaan, kalau MPEN tidak consensus—dan saya tidak sampai waktu ini consensus itu akan tercapai—mungkin kalau commonsense prevails, dengan izin, di saat-saat akhir consensus akan wujud—maka adalah lebih baik *status-quo ante*, dengan izin, dikekalkan untuk kebaikan semua pihak dan bagi kesinambungan keteguhan politik dan keamanan di negara itu. Ataupun kombinasi antara keperluan-keperluan growth dengan affirmative action dan Government intervention dan penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan yang menyeluruh dan berani bagi kewujudan perpaduan negara.

Tuntutan satu dasar yang mementingkan semata-mata "merit dan equality" yang disuarakan oleh sahabat-sahabat saya di sebelah sana

tadi tanpa mengira kedudukan dan hak-hak istimewa bumiputera Melayu dalam Perlembagaan dan kemampuan dan kebolehan bumiputera adalah sangat "unrealistic" selagi bumiputera belum mencapai kedudukan yang sama dengan bukan bumiputera dalam ekonomi dan profession. Sehingga itu tercapai, maka dasar "quid pro quo", dengan izin. atau dasar satu pertukaran atau exchange satu sama satu harus berjalan seperti Social Contract 1957 dan 1970.

Seperti kata Firdaus Abdullah, seorang cendekiawan/penyair Melayu kepada *Far Eastern Economic Review* minggu lepas bahawa: "Orang Melayu tak boleh bertanding dengan bukan Melayu kerana mereka belum lagi mencapai kebolehan yang seimbang dengan bukan Melayu. Selelah ada kebolehan dan sama-sama pandai, sesama bijak bistari barulah ada kemungkinan kita berebut peluang bersama. . . .". Saya suka tambah kepada Firdaus Abdullah, kalau tidak, ia akan menjadi persaingan ataupun pertandingan, dengan izin, of "unequal abilities"; of "unequal capital and wealth", dan of "unequal experience".

Tuan Speaker, saya yakin pentadbiran Dr Mahathir tidak akan menghancurkan harapan bumiputera yang mahu membina satu konsensus dan strategi-strategi bagi mereka untuk melangkah dengan yakin dan berani ke era Kurun 21. Bumiputera sekarang mempunyai peluang keemasan bagi melahirkan konsensus ini dan janganlah kita lepaskan peluang yang keemasan ini kerana ia tidak mungkin ada lagi pada masa akan datang. Dalam masa yang sama Kerajaan harus memelihara the "legitimate interests of the other races" dan Social Contract 1957 dan Social Contract 1970 haruslah dipelihara dan dilanjutkan sehingga "national objective" dan perpaduan negara tercapai. Kalau tidak, masa depan negara ini dan bumiputera dan juga bukan bumiputera tidak begitu

cerah. Kita tidak mahu bumiputera menjadi seperti rakyat Palestine atau Afghanistan; kita juga tidak mahu rakyat Malaysia yang lain hidup tidak selamat dan terancam. Kita mahu semua rakyat Malaysia hidup aman damai berasaskan kepada dasar-dasar yang wujud yang jelas telah dapat mengekalkan keteguhan politik dan harmoni antara bangsa di negara ini walaupun dasar-dasar itu dipertikaikan oleh Melayu dan non-Malays dari satu masa ke satu masa. Bumiputera dan bukan bumiputera dalam MPEN mempunyai satu peluang yang bersejarah dan berani bagi melahirkan satu kata sepakat, satu konsensus, biar kita sehati, biar kita seta melalui satu Dasar Ekonomi Baru yang baru selepas 1990 yang mengambil kira aspirasi dan keselamatan bumiputera dengan keperluan-keperluan "growth" dan perpaduan negara yang akan memberi semua peluang dalam konteks realpolitik di negara ini.

Saya yakin andainya bumiputera "shrewd", bijak, productive dan cemerlang dalam bidang ekonomi dan sosial mereka akan berjaya menebus kemiskinan mereka seperti mereka telah dapat menguasai politik; sekarang mereka belajar dan sekiranya mereka belajar kuat, gigih dan tekun mereka juga akan memerdekakan diri mereka sendiri dan bangsa mereka dah kejahilan, mereka akan menjadi satu bangsa yang berilmu, bertamaddun dan berbudaya tinggi dan berjaya. Andainya orang-orang Cina pula bijak dan sophisticated bermain politik seperti mereka bijak dan shrewd dalam perusahaan, pembinaan, pembuatan dan perkilangan dan perniagaan mereka juga akan lebih berjaya. Kedua bangsa ini perlu kerjasama, kedua perlu lebih ramai statesmen, wisemen dan bukan politicians.

Tuan Speaker, Dr Mahathir, Encik Ghafar Baba dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain bersifat moderate, maka orang lain haruslah menyokong

usaha Kerajaan untuk meletakkan status bumiputera di tempat yang sewajarnya dalam private sector dan menjamin keselamatan mereka dalam 'sektor awam. UMNO telah membunuh Malayan Union, mendirikan bersama British Persekutuan Tanah Melayu dan bersama-sama kawan-kawan kita mencapai kemerdekaan dan membesarkan Malaya menjadi Malaysia. Masakan mereka—'pengganti-pengganti Dato' Onn, Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman tidak mahu enhancekan dan safeguard bangsanya dalam masa itu juga safeguard hak-hak yang sah rakyat Malaya yang lain.

Tuan Speaker, Yong Shook Lin, Khoo Teik Ee, H. S. Lee, Tan Cheng Lock, Tan Siew Sin, Lim Chong Eu, Leong Yew Koh, Ong Yoke Lin dan Lee San Choon telah membuat jasa yang banyak kepada orang Cina dengan membawa mereka bekerjasama serapat boleh dengan orang-orang Melayu. Pemimpin-pemimpin MCA sekarang pun saya sedar sedang berusaha dan sebaik usaha mereka ialah ke arah "status-quo ante", sekiranya kita takut menuju ke hadapan yang lebih berani dan radical lagi. Kalau tidak, masa dan realpolitik akan menelan kita semua.

Tuan Speaker, ada orang berkata di dalam dan di luar Dewan ini kelmarin bahawa ramai rakyat Malaysia telah menetap atau mahu menetap di Australia, Canada, England, New Zealand, USA dan Eropah. Saya ingin beritahu "racism" atau kebencian kerana bangsa telah pun muncul di negara-negara yang saya sebutkan tadi akibat ramai pendatang-pendatang yang kulit berwarna tinggal atau mahu tinggal di negara-negara itu. Rakyat bumiputera atau rakyat kulit putih sudah membuat bantahan, bukan sekadar itu sahaja bahkan keganasan dan pembunuhan telah berlaku kerana kehadiran orang-orang Asia, Africa dan Middle East di negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Saya tidak suka rakyat Malaysia kita berhijrah atau emigrate, baik mereka itu Cina, India ataupun Melayu. Saya sedar sudah ada orang Melayu pun yang sudah berhijrah ke Australia, New Zealand, America, Germany dan England bahkan ke Canada pun. Bilangannya sedikit sepertilah juga kecilnya bilangan akauntan Melayu/Bumiputera atau jutawan Melayu/Bumiputera berbanding dengan emigration oleh orang-orang Cina, jutawan dan jurukira mereka.

Tuan Speaker, bukan semuanya yang berhijrah ini "brain drain" kerana banyak antara mereka ialah "fugitives", mereka yang lari dari bankruptcy, mereka yang lari daripada hutang, mereka yang lari dari Polis dan Income Tax Department dan berbagai sebab lagi. Kepada mereka ini, saya kata, dengan izin, "good luck and God help their host countries". Malaysia sebuah democracy, rakyatnya bebas keluar masuk; kita tidak akan menyekat siapa pun yang mahu emigrate, galak pun tidak, discourage pun tidak. Terpulang kepada kehendak hati masing-masing. Saya tahu banyak yang emigrate sudah menyesal, ada yang sudah pulang. Perkara emigration ini adalah lumrah dunia. Orang berhijrah kerana sebab-sebab peribadi, seperti orang Inggeris berhijrah ke United States, ke Australia dan New Zealand. Adakah mereka ini lari dari England kerana England repressive daripada Australia? Mereka emigrate kerana family, kerana climate (hawa) dan kerana "girl friends", kerana grass—kerana rumput lebih hijau di tempat orang lain dan tempat itu lebih menarik, sebab itu mereka berhijrah (emigrate) dan beribu-ribu sebab lain lagi.

Orang tidak berhijrah atau migrate kerana Kerajaan atau tekanan politik atau kerana diskriminasi. Kalau inilah sebabnya kenapa pula orang-orang Cina dari Singapura berhijrah beribu-ribu ramai ke Australia dan Canada

saban tahun pada hal Singapura diperintah oleh orang Cina? Singapura tidak ada Dasar Ekonomi Baru; Bahasa Mandarin/Bahasa Inggeris supreme, negerinya maju, bersih, Kerajaannya cekap dan Cina majoriti dan berbagai plus lagi. Fenomena yang sedang berlaku di Singapura ini telah merisaukan Kerajaannya sehingga seorang Menteri berkata dan dalam bahasanya sendiri, dengan izin, "a time bomb ticking in our midst". Saya diberitahu satu committee telah ditubuhkan bagi memikirkan kenapa.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu, bangun Yang Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya cuma hendak minta penjelasan sedikit dari Yang Berhormat dari Kok Lanas. Adakah beliau sedar bahawa fenomena yang disebutkan bukan sahaja di Singapura tetapi di Thailand pun sekarang telah menjadi satu masalah, emigration dari Thailand?

Dato' Abdullah Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu. Saya sedar. Dan saya diberitahu satu committee telah ditubuhkan bagi memikirkan kenapa rakyat Singapura yang professional mahu meninggalkan Singapura. Bagi sebuah pulau yang kecil bilangan penduduknya 2.6 million manusia yang mempunyai hanya 55,000 graduan, antara 4-5,000 berhijrah setiap tahun adalah satu kerugian dan kerumitan besar bagi Singapura. Kenapa Cina Singapura berhijrah? Katanya kerana, dengan izin, mengikut *Far Eastern Economic Review*, "Bible" setengah-setengah orang ini, bertarikh 25 Mei, 1989—ialah dengan izin, "uncertainty about the future of their children", lebih kurang dalam bahasa, masa

depan yang tidak pasti bagi anak-anak mereka. Mereka tidak yakin anak-anak mereka akan mempunyai masa depan yang cerah di Singapura dalam abad 21.

Kalau orang Cina Indonesia berperasaan begitu, saya faham, Andainya orang Cina Malaysia berperasaan begitu, saya pun faham. Tetapi Cina Singapura.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun pula.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta izin daripada Yang Berhormat. Semalam Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa salah satu sebab kenapa lebih kurang 50,000 rakyat Malaysia berhijrah ataupun berpindah ke Australia dan mungkin beratus ribu lagi berpindah ke negara-negara lain kerana kegagalan Dasar Ekonomi Baru dan juga ketidakpuas hati mereka yang berpindah itu tentang dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa sepertimana yang disebutkan tadi sama ada atau tidak negeri-negeri seperti Singapura, Hong Kong dan beberapa negara lain mempunyai Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar yang menyebabkan rakyat negara mereka itu berhijrah bukan berpuluh ribu malah berjuta yang telah berhijrah, berpindah ke Kanada, ke Amerika, ke London dan sebagainya. Jadi adakah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjong itu benar atau tidak oleh kerana kegagalan Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar yang ada hari ini ataupun memang itu menjadi lumrah, cara hidup mereka ini iaitu sebagai nomadic tribes, sepertimana yang dikatakan itu. Terima kasih.

Dato' Abdullah Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Berendam. Saya ingat Perdana Menteri kita pun telah sebut semalam bahawa itu adalah sebuah "political speech" daripada pihak Pembangkang.

Inilah bukti seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam tadi manusia tidak berhijrah kerana diskriminasi tetapi kerana masalah-masalah peribadi dan mencari tempat yang lebih menarik dari persepsi masing-masing.

Singapura tidak mahu rakyatnya berhijrah kerana ia mahu preserve atau retain, dengan izin, kata *Far Eastern Economic Review*—dalam bahasanya sendiri, "Singapore wishes to retain its predominantly Chinese character. . . ." kesifatan-kesifatan Cinanya kerana itu ia menggalakkan Hong Kong Chinese, dengan izin, Hong Kong Chinese, maknanya orang Cina Hong Kong, ke pulau itu. Dahulu ramai juga Cina Malaysia mahu tinggal di Singapura tetapi akhir-akhir ini Cina Malaysia pun tidak mahu ke Singapura kerana mereka lebih cenderung berhijrah ke Canada dan Australia.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Semalam juga ada satu cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong iaitu untuk mengelakkan kerugian kepada negara kita ini maka Kerajaan haruslah berusaha untuk memujuk balik mereka yang telah berpindah iaitu menanggalkan kerakyatan negara ini ke negara-negara lain untuk dipujuk balik ke negara kita ini, jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Kok Lanas sama ada bersetuju atau tidak dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu?

Dato' Abdullah Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat dari Batu

Berendam. Tidak payah kita bersetuju atau tidak bersetuju; setengah mereka telah pulang, maka tidak payah pujuk lagi.

Hong Kong Chinese berhijrah tahun lepas sahaja seramai 42,517 orang dari jumlah penduduk yang kurang sedikit 6 juta itu—semua professional. Ini adalah satu angka yang amat tinggi ke Canada, Australia, United States dan beratus ribu lagi menunggu untuk berhijrah ke England apabila atau sebelum Hong Kong diserahkan kepada China pada tahun 1997 nanti. Tahun hadapan dijangka oleh Kerajaan Hong Kong 60,000 Cina Hong Kong yang professional dan kaya raya akan berhijrah; kesimpulannya, tak usah risaulah kalau mereka yang mahu berhijrah biarlah mereka pergi; ramai lagi seperti kata Perdana Menteri orang yang mahu datang bekerja di negara kita ini.

Saya diberitahu jika kita buka pintu beratus ribu yang mahu datang dari seluruh dunia ke Malaysia termasuk daripada Hong Kong dan China sendiri—orang-orang professional semuanya. Rakyat China di benua China pun kalau boleh mahu emigrate, berhijrah, itu saya yakin sebelum atau apatah lagi selepas pergolakan di negara itu baru-baru ini.

Tuan Speaker, sekarang saya ingin bercakap sedikit berkenaan masalah dalam negeri, sedikit sahaja secara ringkas, menyentuh dalam konteks pembangunan ekonomi dan negara, persefahaman antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, antara institusi-institusi dan estet-estet Perlembagaan betapa amat pentingnya keharmonian dalam pentadbiran Kerajaan di semua peringkat wujud untuk mengisikan kekosongan; bagi membawa pembangunan kepada negara dan negeri, betapa amat perlunya setiap lapisan kita, setiap institusi dan estet, menggembeling tenaga dan fikiran dan memainkan peranan masing-masing untuk kelicinan pentadbiran yang

menjaminakan kemajuan dan pembangunan negara dan keselamatan bangsa dan agama. Menyedari ini saya menyambut baik dan memberi setinggi-tingginya tahniah kepada Perdana Menteri kerana telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan di Istana Mahkota di Kota Bharu pada 15hb Jun yang lepas—pengadapan yang pertama secara formal saya difahamkan dalam masa 8 tahun.

Audience Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir, dengan Al-Sultan Kelantan adalah satu perkara yang positif. Saya sangat gembira di atas perkembangan ini dan berdoa semoga perkembangan ini akan membawa hasil yang dikehendaki.

Saya ingin melihat Kelantan dan rakyatnya maju dan masuk ke era baru yang penuh muhibbah dan persefahaman secepat mungkin. Sementara kita menunggu munculnya era baru itu, kita politicians dan pegawai-pegawai Kerajaan cubalah memastikan tindakan, tuturkata, surat menyurat kita itu cermat, berhemat, jujur dan ikhlas dan berhati-hati agar tingkah laku dan tindakan itu tidak disalah erti apa lagi diperceivekan sebagai melanggar tradisi dan tata susila. Tuan Speaker, Raja memerintah, Menteri mentadbir, rakyat senang.

Tuan Speaker, waktunya sudah tiba, jangan kita terlewat bagi memandangkan ke muka dengan berani dengan melihat akan pergolakan-pergolakan antarabangsa dan trend-trend politik, orientasi dan direction atau arah tuju dan political realism dalam negeri dan setelah mengambil kira semua ini bermuafakat mencari satu arah baru, satu konsensus baru, satu social contract baru yang tiada siapa pun menang, yang tiada siapa pun kalah, yang menangnya hanya Malaysia.

Tuan Speaker, saya menyokong sepenuhnya usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar

Ekonomi Baru dan kesinambungannya melalui Dasar Ekonomi yang Baru (DEBB) selepas 1990 untuk mencapai perpaduan negara serta mengekalkan keamanan, harmoni antarabangsa dan keteguhan politik dalam konteks ekonomi yang berkembang dan stabil yang berterusan.

Tuan Speaker, saya dengan amat sukacitanya menyokong Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Dewan ini kelmarin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

5.23 *ptg.*

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas dan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 pada hari kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaannya saya suka memberi pandangan pada muka 46, Jadual 3-4 mengenai Kadar Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Negeri. Keadaan dalam tahun 1984 iaitu 31.9% telah menurun kepada 24.7% pada tahun 1987 di Sarawak. Ini ada nampak baik kerana di kira purata semua penduduk di bandar ataupun di luar bandar dalam bilangan isi rumah miskin. Kedudukan Sarawak adalah Nombor Enam mengikut Jadual itu di seluruh negara pada tahun 1987 dan Nombor Lima pada tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan memberi perhatian kepada muka 54, Jadual 3-6 iaitu Kadar Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Strata dan Kumpulan Sasaran, 1984 dan 1987.

Dalam tahun 1984 bilangan isi rumah miskin di luar bandar Sarawak adalah 85,900 ataupun 37.3% dan turun kepada 69,800 isi rumah ataupun 29% dalam tahun 1987. Ini dengan jelas menunjukkan isi rumah miskin mengikut peratusannya di luar bandar Sarawak dan Sabah yang habis tinggi sekali. Di dalam konteks ini nampak sekali kumpulan sasaran ialah pekebun kecil getah, penanam padi dan nelayan. Dan masih di atas iaitu di antara 58% dan 78% isi rumah miskin di Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi perhatian lagi kepada muka 57, Jadual 3-7 iaitu Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isi Rumah Miskin Mengikut Kumpulan Etnik dalam masa yang sama.

Di sini nampak sekali bumiputera di Sarawak dan Sabah masih berada di tempat yang tinggi iaitu 82,300 isi rumah atau 41.6% dalam tahun 1984 di Sarawak dan 73,100 isi rumah atau 39.2% dalam masa yang sama di Sabah. Perubahan ada baik sedikit di dalam tahun 1987 iaitu 68,000 isi rumah atau 33.2% di Sarawak dan sebaliknya 86,000 isi rumah ataupun 41.9% yang miskin di Sabah. Jadi, yang nampak sekali juga yang di Semenanjung Malaysia hanya 17.3%. Di sini jelas sekali kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan bumiputera di Semenanjung Malaysia masih jauh ketinggalan di semua bidang lebih-lebih lagi kaum etnik yang tinggal di pedalaman yang masih menoreh getah dan menanam padi bukit dan nelayan di tepi laut ataupun di tepi pantai negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perubahan yang ada baik sedikit di Sarawak mungkin disebabkan yang menoreh getah dan menanam padi bukit ataupun nelayan ada berkurangan sedikit, kerana mereka mencuba menanam lada hitam dan koko mengikut subsidi dari Kerajaan

Pusat dan Kerajaan Negeri. Subsidi lada hitam hanya 200 pokok sahaja dan subsidi koko ialah dua ekar kawasan. Tetapi bukan tiap-tiap isi rumah yang dapat subsidi ini dalam masa yang lepas, tetapi imtidak semestinya begitu kerana kaum bumiputera di Sarawak mengikut Jadual yang saya sebutkan tadi dikumpul semua sekali bagaimana kedudukan bumiputera yang berdekatan dengan bandar besar atau kecil. Adakah mereka berpeluang mencebur diri dalam segala rancangan, banyak atau sedikit dalam Dasar Ekonomi Baru semenjak 18 tahun yang lalu. Dan banyak lagi peluang bekerja di pejabat dibuat atau berbagai kegiatan yang ada kaitan dengan pembangunan bandar. Tentu sekali menambah pendapatan mereka dan mungkin ini boleh mengurangkan bilangan isi rumah yang miskin di Sarawak dari tahun 1984 sampai 1987.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang selalu diketengahkan oleh sesiapa yang merancang bagaimana hendak menolong orang-orang yang tinggal di pedalaman. Yang saya tahu di Sarawak pekerjaan mereka yang asal ialah menanam padi bukit dan semenjak tahun 1930an mulai menanam getah di Bahagian Kedua, sekarang di Bahagian Sri Aman dan akhirnya di merata-rata tempat di negeri Sarawak. Semenjak Sarawak mencapai kemerdekaan menyertai penubuhan negara Malaysia dalam tahun 1963 ataupun bermulanya Dasar Ekonomi Baru ada yang mengatakan orang-orang di pedalaman di negeri Sarawak patut dikumpul di kebanyakan tempat dan satu tempat boleh menempatkan tidak kurang dari 5,000 orang supaya tenaga elektrik, air, sekolah, klinik dan jalanraya dapat disediakan. Tujuan ini baik tetapi masalahnya ialah orang-orang ini tidak mahu meninggalkan tanah mereka yang mereka mewarisi dari nenek moyang mereka dahulu.

Tetapi akhirnya ini iaitu awal tahun 1980an dua projek bersepadu

pertanian telah diluluskan di negeri Sarawak. Projek ini sebanyak sedikit telah dapat membantu apabila hasil minyak sawit nanti dapat dirasai oleh tuanpunya tanah selain daripada memberikan pekerjaan mulai dari sekarang kepada penduduk setempat. Tetapi mengikut perjalanan agensi yang mengendalikan projek ini adalah lambat kerana pada mulanya orang punya tanah khuatir tanah mereka akan diambilalih oleh Kerajaan tetapi kedudukan sekarang telah berubah.

Dari segi tanah sudah jelas sebab tanah yang akan ditanam dan sudah ditanam kelapa sawit di projek tersebut telah disukat oleh Jabatan Tanah dan Juruukur Negeri dan geran tanah telah diberi kepada siapa yang berhak mempunyai tanah masing-masing mengikut adat asal mereka, iaitu customary rights, dengan izin.

Oleh kerana tindakan Kerajaan Negeri yang begitu adil dalam projek bersepadu pertanian ini, banyak lagi kawasan lain yang berdekatan memberitahu pihak agensi iaitu mereka sekarang dengan ikhlas hati minta tanah mereka disukat oleh agensi tersebut supaya dapat menyertai projek itu.

Sekiranya ada permintaan dari negeri Sarawak supaya agensi Persekutuan datang ke negeri Sarawak, ini patut dipertimbangkan lebih-lebih lagi pihak FELCRA dan RISDA yang dapat mengendalikan tanah customary rights.

Apa yang saya ketahui FELCRA dan RISDA tidak mengambilalih tanah mereka. Ini untuk menampung agensi Kerajaan Negeri yang khas untuk tanah customary rights iaitu Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak atau SELCRA.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini orang-orang pendalaman di negeri Sarawak tidak perlu dikumpul di banyak-banyak

tempat tetapi apa yang ada sekarang macam jalan-jalan Persekutuan patut diperbaiki dan diturap dengan sempurna dan tidak berlengah-lengah lagi kerana kadangkala dibuat package jalan utama Sarawak, tender di panggil tiga kali mulai dari 1987 sampai awal 1989 ini dan pekerjaan menurun belum mulai lagi sehingga minggu lepas. Ini perlu supaya setaraf dengan jalan di Semenanjung mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Rancangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima kelmarin. Begitu juga jalan-jalan Persekutuan yang lain patut diturap dan jalan-jalan kecil, dengan izin, the rural road atau development road patut dibina banyak lagi mengikut permintaan Kerajaan Negeri. Ini akan dapat memudahkan lagi penduduk-penduduk di pendalaman atau di tepi laut berusaha menanam dan membawa barang-barang jualan ke pekan yang berdekatan. Di samping itu banyak lagi peruntukan menerusi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menyambungkan bekalan api elektrik daripada pekan yang ada sekarang mengikut jalan-jalan yang sudah ada dan untuk membeli generator-generator supaya banyak lagi kampung-kampung dan rumah-rumah panjang yang terpencil dapat menikmati perasaan kemudahan api elektrik.

Begitu juga peruntukan untuk menyambung paip air dari loji penapis air yang sedia ada mengikut jalan-jalan supaya banyak lagi kampung-kampung dan rumah-rumah panjang mendapat kemudahan bekalan air yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, apabila jalan-jalan, bekalan air dan bekaJan api elektrik dapat dibekalkan kepada kawasan luar bandar di Sarawak, walaupun di daerah pendalaman ataupun di tepi laut, tentu sekali pekerjaan mereka seperti nelayan dan pekebun kecil dapat dipertingkatkan

lagi menerusi subsidi atau pelbagai bantuan dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Apabila peruntukan dapat dilipatgandakan dari setahun ke setahun tentu sekali cita-cita kita untuk mengurangkan isirumah kemiskinan dapat diturunkan lebih-lebih lagi daripada kedudukan sekarang ataupun dihapuskan sama sekali di masa akan datang.

Pencapaian ini bukan menguntungkan orang-orang di Sarawak ataupun di Sabah sahaja, bahkan memberi nama baik kepada Kerajaan kita, baik di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri, lebih-lebih lagi memberi nama negara Malaysia akan disanjung tinggi oleh dunia luar kerana dapat mengurang ataupun menghapuskan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bidang yang saya fikir sangat perlu di adakan dan ditambah lagi di Sarawak iaitu pendidikan pra-sekolah (Tadika) dibuat di luar bandar kepada murid-murid yang berumur di antara 4-5 tahun, di mana ada permintaan dari Jabatan KEMAS di peringkat Negeri supaya banyak lagi kelas-kelas diadakan patut diberikan peruntukan dengan sewajarnya, mengikut tempat yang berkehendakkan kelas-kelas itu patut dipilih dari orang tempatan sendiri, bakal-bakal guru supaya dilatih lebih awal lagi supaya mereka itu dapat menarik perhatian mereka yang tinggal di tempat yang jauh dari pekan atau jalan-jalan yang ada. Akhirnya, banyak lagi kelas-kelas seperti itu diadakan di Sarawak. Tindakan yang begini dapat menambah banyak lagi murid-murid menampung pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Peruntukan juga dapat ditambah lagi untuk memperbaiki bilik-bilik darjah dan rumah-rumah guru di sekolah-sekolah rendah di pedalaman di negeri Sarawak menerusi Kementerian

Pendidikan. Di samping itu murid-murid di sekolah rendah patut diberikan peluang belajar dan berada di kelas sebelah malam sekurang-kurangnya satu jam dan dijaga oleh guru-guru dengan bergilir-gilir. Peluang ini dapat mengelakkan mereka dari menonton TV di rumah orang lain ataupun di rumah guru-guru di sebelah malamnya dan mendapat pendidikan yang rapi dari ibubapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki ketidakseimbangan di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung, sepatutnya tempat-tempat di institusi pengajian tinggi diberi banyak lagi quota kepada dua wilayah itu. Begitu juga tempat berlatih menjadi guru dan pegawai-pegawai Kerajaan dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan menambah pendapatan dan kedudukan mereka sebagai anggota masyarakat yang dikatakan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan di negara kita, saya ketahui dan yang jelas ditunjukkan dalam Jadual 3-7, di muka 57 yang saya sebutan awal tadi dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima bagi tahun 1986-1990 iaitu bumiputera disatukan bersama, baik pun di Sarawak ataupun di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga dan megah apabila disatukan sebagai bumiputera bersama Melayu, Melanau, Bidayuh, orang Ulu, walaupun Penan dan yang lain-lain di Sarawak bersama-sama bumiputera di Semenanjung dan Sabah. Sebagai seorang dari kaum Iban, saya menghargai tindakan ini dengan sepenuh-penuhnya, lebih-lebih lagi kedudukan ini telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia.

Oleh kerana itu, saya menyeru dan mencadangkan kepada Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan supaya pengagihan kekayaan dan peluang-peluang yang ada di semua lapisan pembangunan di negara kita patut dibuat mengikut etnik dan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, apabila memikirkan agihan yang seimbang saya teringat apa yang telah terjadi dalam masa pembentukan Malaysia dalam tahun 1962 dan 1963. Masa itu saya seorang Pegawai Daerah di Kapit dan apabila mendiang Tun Datuk Patinggi Temenggung Jugah, pada masa itu beliau seorang Temenggung Iban yang terkenal di rantau ini memberitahu saya masa beliau balik dari satu mesyuarat khas dari Singapura ataupun Kuala Lumpur beliau berkata Sarawak dapat 24 kerusi di Parlimen dan Sabah 16 kerusi. Ini kata beliau, mengulas bukan mengikut banyaknya penduduk jika dibanding dengan Malaya pada masa itu tetapi mengikut besarnya kawasan di negeri Sarawak dan penduduknya lebih-lebih lagi kaum bumiputera telah jauh ketinggalan ke belakang di semua bidang jika dibanding dengan keadaan di Malaya ataupun Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bermula dengan kuota pengagihan seperti tempat di institusi pengajian tinggi dan biasiswa sekiranya ada anak-anak Sarawak yang layak mengikut banyaknya etnik yang ada sebagai Ahli Dewan Rakyat sekarang. Kalau tidak, ada seorang yang layak dari satu etnik misalnya kuota itu boleh diberi kepada etnik bumiputera yang lain dari Sarawak.

Begitu juga dengan pengagihan-pengagihan yang lain. Kalau ini dibuat demikian, tidak ada yang patut bersungut. Lebih-lebih lagi apabila sampai di peringkat negeri Kerajaan Negeri akan mengagihkannya mengikut banyaknya penduduk dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru

berpandukan banyaknya penduduk-penduduk satu-satu etnik yang ada di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh harapan, cadangan saya ini akan diambil serius oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan dan dengan harapan yang demikian saya menyokong Usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.44ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kerana walaupun menghadapi suasana dunia yang meleset telah dapat menunjukkan prestasi yang baik di dalam separuh masa pertama Rancangan Malaysia Kelima.

Kadar pertumbuhan KDNK negara yang dicapai pada tahap-tahap yang ditunjukkan adalah kadar-kadar yang respectable. Walaupun ada orang-orang yang mengatakan bahawa ini adalah disebabkan oleh sumbangan hasil mmyak atau hasil petroleum pada hakikatnya tanpa suatu sistem pengurusan negara yang teratur, tersusun rapi dan cekap, pengeluaran minyak berjuta-juta tong sehari pun tidak akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan KDNK yaag pesat yang telah kita capai itu.

Adalah senang untuk detractors dengan izin mencari sebab-sebab dan alasan-alasan untuk menonjolkan hujah-hujah mereka. Kalau dulu kita dengar lojik "menang dalam kalah" sekarang kita dengar pula lojik "hodoh dalam cantik". Lojik seperti ini selalu dibawa oleh orang-orang yang kecewa.

Mereka tidak suka melihat sesuatu yang mereka tentang itu berjaya. Mereka tidak mahu menerima hakikat keseluruhannya. Apa yang mereka lakukan ialah mencari alasan-alasan yang menjadi apa yang dipanggil rasionalisation ke atas kekecewaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa mereka tidak lihat kejayaan negara pada keseluruhannya, secara wholistic. Kalau pertumbuhan KDNK itu pada tahap 7% maka 7%lah kenyataannya. Mengapa pula cuba hendak dicabut faktor sumbangan petroleum untuk mengkritik Kerajaan. Atau faktor kenaikan harga getah ataupun faktor kenaikan harga kelapa sawit. Tidak puas dengan itu dibandingkan pula pencapaian-pencapaian KNK-KNK kita dengan tahap-tahap di negara seperti Taiwan, Korea, Singapura dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, disiplin ilmu mahukan kita melihat dan menyelaragamkan asas atau premis perbandingan yang hendak kita buat. Jikalau kita hendak membandingkan pertumbuhan KNK Malaysia dengan empat negara yang saya sebut tadi, periksalah dulu apa dia keutamaan di dalam dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan-pembangunan negara itu. Adakah ianya sama dengan dasar-dasar dan strategi-strategi kita.

Dasar dan strategi keempat-empat negara yang diagung-agungkan itu adalah berat kepada soal pertumbuhan ataupun for growth sake. Inilah yang diminta oleh golongan bukan bumiputera dalam MPEN.

Pengagihan kekayaan negara hasil dari pertumbuhan ini adalah dilakukan secara *laissez faire* yakni secara aliran mengikut takdir bukan takdir Tuhan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dari penentuan kuasa oleh golongan orang-orang yang sudah menguasai modal dan pasaran.

Dasar dan strategi pembangunan negara kita di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah berat di sebelah pengagihan di samping pertumbuhan. Hasil dari pertumbuhan secara deliberate yang dilakukan oleh Kerajaan dialirkan kepada golongan-golongan yang selama ini tertindas di dalam bidang ekonomi tanpa mengira kaum.

Semua penuntut ilmu ekonomi, Tuan Yang di-Pertua, tahu bahawa pertumbuhan dan pengagihan adalah dua faktor yang saling bertentangan seperti air dengan api. Kalau hendakkan pertumbuhan yang tinggi maka kita patut kurangkan pengagihan dan di sebaliknya kalau hendakkan pengagihan yang meluas maka terkorbanlah pertumbuhan.

Tetapi apakah kita mahu menunjukkan kepada dunia kadar pertumbuhan yang mencapai dua angka 10%, 11%, 12% pada hal 70% rakyat kita khususnya di luar bandar hidup dalam kemiskinan. Atau apakah kita hendak menunjuk kepada dunia kadar pertumbuhan yang tinggi dengan majoriti rakyat hanya bekerja di bidang industri di bandar pada hal kaum buruh industri ini tertindas oleh kapitalis-kapitalis besar yang memiliki industri itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat desa kita tidak pernah dan insya-Allah tidak akan terpaksa makan tikus seperti di satu negara yang diagungkan itu. Buruh-buruh di sektor industri kita tidak pernah dan insya-Allah tidak akan terpaksa mengambil jalan yang militan untuk menuntut hak-hak mereka.

Tahukah kita bahawa Taiwan dan Korea mencapai tahap pertumbuhan yang tinggi hasil dari bantuan luar yang banyak dari Amerika dan Jepun? Sehingga sekarang pun bantuan itu datang dari segi macatn-macam bentuk bantuan. Dan tahukah kita bahawa co-efficient ketidaksamarataan di

Thailand adalah cukup tinggi iaitu kebanyakan rakyat di sana adalah miskin dibandingkan dengan segelintir kecil rakyat yang menguasai harta dan kekayaan negara.

Oleh itu saya menyerulah kepada detractors ini dengan izin supaya janganlah diberi alasan faktor petroleum apabila negara kita menunjukkan prestasi baik. Petroleum adalah khazanah kita sendiri, bantuan ekonomi luar bukan khazanah kita hanya sedekah sahaja. Jadi, tidak ada premis yang baik untuk kita bandingkan dengan keempat-empat negara yang kita agung-agungkan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mampu menunjukkan kadar pertumbuhan dua angka. Andainya kita tidak memperdulikan soal pengagihan, soal pengagihan yang kita lakukan adalah pengagihan yang meluas yang mengorbankan pertumbuhan. Kerana kita ada sega-galanya seperti bahan mentah, infrastruktur ekonomi dan tenaga manusia yang terlatih. Tetapi apakah ini yang kita kehendaki hanya untuk mendapatkan pujian orang luar yang jahil dengan kehendak kita?

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita sedar bahawa walaupun kita menjalankan usaha pengagihan kekayaan secara meluas, kita masih mampu mencapai kadar 7% hingga 8% pertumbuhan KDNK setahun jikalau dibandingkan dengan kadar di negara-negara yang diagung-agungkan itu yang tidak menekankan strategi pengagihan, ianya adalah sama. Jadi di manakah salah atauagalnya Kerajaan di dalam mengimplimentasikan DEB seperti apa yang didakwa itu? Hanya yang gagal ialah pencapaian objektif pembahagian kekayaan korporat kepada kaum bumiputera. Objektif membasmi kemiskinan sedang dicapai, objektif menyusun semula masyarakat pun sedang dicapai. Tetapi malangnya ada orang yang irihati melihat objektif

ini dicapai. Mereka irihati melihat munculnya golongan elite kaum bumiputera hasil dari DEB. Melalui seorang Mahaguru Ekonomi Luar iaitu Ozir Mohamed seorang pelarian Turkey ke Kanada, mereka menghentam golongan ini sebagai, "pagar makan padi". Apa yang Ozir Mohamed tidak tulis di dalam bukunya, pagar makan padi, ialah bersama-sama dengan kemunculan 300 misalannya, orang kaya baru kaum bumiputera ialah kemunculan 3,000 orang kaya baru kaum bukan bumiputera.

Jikalau Ozir Mohamed boleh datang lagi ke Malaysia, kita akan suruh buat kajian khusus di bidang social accounting, khususnya ke atas semua projek-projek pembangunan Kerajaan, misalnya di semua projek-projek atau rancangan-rancangan FELDA, FELCRA, RISDA dan lain lagi seperti KEMUBU di Johor Tenggara, di Johor Barat dan kawasan-kawasan pembangunan yang lain yang seimbas pandang, kaum bumiputeralah sahaja yang mendapat manfaat. Tetapi tahukah, Tuan Yang di-Pertua, dan apakah kita tidak sedar apabila hutan mula sahaja ditebang, maka mulalah proses kemunculan golongan elite ekonomi kaum bukan bumiputera dengan merebaknya kesan-kesan ekonomi (economic generation) yang dilakukan melalui rancangan FELDA itu, jutawan-jutawan dari kaum Cina khususnya muncul hasil dari kontrak-kontrak cuci hutan, bina rumah pondok rancangan FELDA, jual input pertanian dan lain-lain lagi.

Kajian social accounting akan membuktikan ini seperti apa yang telah dibuktikan di satu rancangan rasaksa di utara iaitu MADA. Satu kajian social accounting yang dibuat oleh Bank Dunia telah menunjukkan bahawa daripada tiap-tiap \$1 yang dihasilkan dari projek MADA itu 70 sen mengalir ke bandar di mana kaum

bukan bumiputera tinggal dan hanya 30 sen sahaja didapati oleh kaum bumiputera di desa.

Tuan Yang di-Pertua, aspek ekonomi makro seperti inilah yang patut dilihat, bukan hanya dicabut bulu-bulu yang dipilih untuk tujuan politik yang sempit. Di dalam mana-mana model pembangunan ekonomi yang bercorak capitalistic seperti yang negara kita anuti sekarang ini kemunculan golongan elite ekonomi di dalam masyarakat yang sedang membangun itu adalah satu perkara yang lumrah. Golongan elite inilah yang akan menerajui pembangunan yang seterusnya dengan mengambil alih usaha-usaha Kerajaan sebelum itu. Usaha penswastaan Kerajaan pada masa ini ialah satu perkembangan yang logik di dalam proses pembangunan ekonomi mengikut modal ini. Adalah tidak adil sebagai seorang ilmuan, Ozir Mohamed menuduh golongan ini sebagai "pagar makan parti" jikalau ada segelintir kambing-kambing hitam di dalam golongan ini tidak semestinya semua terlibat.

Saya harap wakil dari Tanjong janganlah baca buku Ozir Mohamed sahaja yang dihasilkan daripada menjadi Pensyarah Pelawat di Universiti Malaya selama setahun. Banyak buku-buku dan kajian-kajian lain boleh dibaca untuk mendalami ilmu ekonomi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, saya dapati satu kekurangan dalam formatnya. Kita sedia maklum bahawa konsep Malaysia Incorporated telah dioperationalisekan, dengan izin, tidak berapa lama dahulu iaitu tidak berapa lama sebelum Rancangan Malaysia Kelima dilancarkan. Konsep yang meintegrasikan secara functional sektor awam dan sektor swasta ini diharapkan melipat gandakan pertumbuhan ekonomi negara

khususnya di bidang industri dan perdagangan. Tetapi malangnya laporan ini tidak sedikit pun menilai kekesan perjalanan konsep ini secara explicit, dengan izin. Kerajaan memperkenalkan konsep Malaysia Incorporated ini dengan tujuan mengimbangi export net growth dengan investment net growth. Laporan ini tidak pun memberitahu kita perbezaan-perbezaan ini. Ada disebut di muka surat 27 dan 28 bahawa sumbangan sektor swasta di dalam pertumbuhan KDNK akan menjadi semakin menggalakkan iaitu dijangka 25% adalah pelaburan swasta daripada 7% peningkatan KDNK yang dijangka akan berlaku dalam tahun 1989/1990. Investment Net Growth ini diharap akan didahului oleh sektor swasta. Berita baik yang kita diberitahu pada muka surat 28 ialah sektor swasta bukan minyak dijangka melabur kira-kira sebanyak \$21.4 juta pada harga tahun 1978 di dalam tahun 1989/1990. Bagaimana pula pertanyaan saya dengan sektor swasta bukan elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun minyak dan elektronik membawa laba yang banyak sekarang ini kepada negara kita, kita tidak boleh mengharapkan mereka terus menjadi tunjang ekonomi negara di dalam jangka masa yang panjang. Sumber minyak kita terhad kepada kurang daripada 20 tahun bekalan dan industri elektronik adalah di bawah kekuasaan Multi National yang tidak mengenal batasan dan kepentingan negara malah teknologi tinggi elektronik yang dibawanya tidak dapat diharapkan dipindah kepada kita dengan senangnya. Kalau ada perpindahannya semenjak Multi National memasuki sistem ekonomi kita semenjak tahun 60an, saya ingin tahu, satu bentuk perpindahan ini ialah berapakah bilangan kilang-kilang elektronik yang dipunyai oleh usahawan-usahawan tempatan. Kalau ada bentuk-bentuk lain saya ingin tahu di dalam penggulungan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan soalan-soalan ini kerana pada pendapat saya kita perlu memastikan bahawa trend pertumbuhan ekonomi kita dipertahankan pada tahap yang tinggi dan daripada tahap yang ada sekarang ini. Ini hanya boleh berlaku apabila fundamentalnya, dengan izin, kukuh, bukan hanya berharap kepada kejutan-kejutan kenaikan harga komoditi di pasaran dunia semata-mata. Kita mahu pelaburan dari dalam dan luar negeri lebih banyak ditumpukan kepada industri-industri yang mempunyai, dengan izin, forward and backward linkages yang banyak dan teguh. Industri-industri ini ialah industri-industri yang menggunakan sumber-sumber tempatan sebanyak-banyaknya dan juga industri-industri yang mempunyai nilai tambahan yang tinggi. Integrasi pertanian dan industri pembuatan perlulah diperluaskan lagi dan diperlebarkan dan industri yang berteknologi tinggi mestilah diperbanyakkan untuk memastikan pengeluaran capital goods yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, analisa-analisa seperti ini perlu dilaporkan di dalam kajian separuh pengai ini. Dengan itu barulah kita dapat mengetahui dengan lebih sistematik segala kaitan-kaitan faktor ekonomi dan sosial yang mencorakkan keadaan ekonomi negara kita. Setakat ini kita dihidangkan dengan longgokan data dan petunjuk-petunjuk yang dianalisis secara separuh rambang.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu diberitahu dengan terang apakah model pembangunan ekonomi negara supaya apa-apa kajian dan perbandingan yang dibuat boleh dilakukan dengan lebih berkesan dan pantas pembaikan-pembaikan yang bertepatan diadakan. Laporan ini juga menyebut bahawa Kerajaan akan mengelakkan daripada mengambil bahagian di dalam bidang yang mana

pihak swasta boleh melakukannya dengan lebih cekap. Saya mengemukakan langkah ini dengan menambah satu saranan supaya mana-mana agensi Kerajaan yang ada pada masa ini menjalankan kerja-kerja ini menswastakan cepat bidang-bidang ini kepada pihak swasta.

Dan juga mana-mana agensi Kerajaan yang annual performance budgetnya, dengan izin, adalah kecil daripada budget projek ataupun usaha-usaha pelaburannya perlulah ditutupkan. Pengalihan penumpuan pembangunan kepada sektor swasta khususnya di bidang pembuatan dan perdagangan perlulah diintegrasikan dengan pelan Induk Pembangunan Industri negara dan ini mesti dilakukan dengan usaha urbanisasi negara. Selain dari hakikat bahawa penswastakan akan berlaku di dalam sektor industri yang mana tertumpu di pusat-pusat bandar, sektor pertanian di dalam mana kemiskinan rakyat berlaku tidak dapat diharapkan memikul beban pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Laporan ini menunjukkan bahawa pertumbuhan sektor pertanian secara keseluruhan adalah pesat tetapi ianya hanya berlaku di dalam sektor kecil perladangan. Kalau kita lihat Jadual 6-1 pada muka surat 138 ternyata bahawa sektor kecil padi dan kelapa mengalami pertumbuhan yang negatif iaitu mengalami pertumbuhan pengeluaran yang negatif ataupun bukan sahaja tidak bertumbuh malah berkurangan pengeluarannya. Pertumbuhan pengeluaran yang tinggi berlaku hanya di sektor kecil getah, kelapa sawit dan koko yang mana kebanyakannya adalah di bawah bentuk perladangan. Di sektor kecil padi dan kelapa, inilah terletaknya rakyat yang termiskin di negara kita ini dan dalam pada itu, pertumbuhan pengeluaran ini mungkin mencapai platonya tidak berapa lama lagi apabila keadaan-keadaan memaksakan iaitu apabila keadaan

teknologi menjadi statik. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya integrasi penswastaaan urbanisasi dan Plan Induk Perindustrian dilakukan secara aktif baik pada peringkat perencanaan mahupun di peringkat perlaksanaannya. Setakat ini saya dapati ada tiap-tiap tiga aktiviti ini dirancang dan diimplimentasikan secara agak mutually exclusive atau berasingan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap mengenai modal pembangunan pada awal tadi, saya maksudkan satu rangkaian atau pertaian yang menunjuk arah aliran pembangunan iaitu hasil-hasil pertumbuhan dialirkan ke sektor-sektor terlentu secara deliberate, dengan izin. Pertumbuhan dan aliran hasilnya mesti dirancang supaya ianya mencetuskan pertumbuhan di satu-satu sektor mengikut objektif pembangunan negara keseluruhannya yang membawa kepada matlamat agung iaitu matlamat perpaduan negara. Perpaduan negara boleh dicapai apabila kekayaan negara dikongsi secara adil. Kita tahu bahawa di dalam zaman mudustn dan pertimbangan antarabangsa ini yang mana negara kita bergantung sangat kepada pasaran dunia, segala penumpuan kekayaan adalah di dalam sektor industri yang terletak kebanyakannya di pusat-pusat bandar. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, segala pengalihan sumber modal dan tenaga buruh mestilah ditujukan kepada pusat-pusat bandar ini,

Pergantungan yang lebih kepada pertanian mestilah dielakkan. Dengan pertumbuhan sektor pembuatan pada kadar 18% setahun pada tahun 1988 sahaja, tenaga buruh yang berlebihan di luar bandar mestilah dialirkan ke pusat industri di bandar-bandar. Inilah caranya pengalihan sumber yang logical iaitu dari kawasan yang rendah

berpotensi ekonominya kepada kawasan yang tinggi berpotensi ekonominya. Elakkan pengaliran yang membawa kepada dengan izin, syndrome transfer of poverty iaitu dari desa ke desa.

Yang Amat Berhormat menyebut perkara ini iaitu bahawa Bumiputera masih lagi tertumpu kepada bidang pertanian tradisional. Oleh itu adakah Kerajaan sedar sudah sampai masanya disemak semula program-program pengalihan sumber manusia seperti yang dilakukan oleh FELDA. Adakah kita akan terus dengan pengaliran ala FELDA ini? Di samping kekurangan tanah dan perlunya disimpan tanah untuk generasi akan datang, pengaliran secara ini akan mengekalkan nisbah kaum kepada pekerjaan dan kepada sektor ekonomi. Bumiputera akan terus berada di dalam sektor pertanian dan rakyat bukan Bumiputera akan terus menguasai sektor perindustrian dan perdagangan.

Saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya masalah kemiskinan Bumiputera dan bukan Bumiputera di luar bandar tidak lagi ditumpukan penyelesaiannya di luar bandar seperti yang dibuat di dalam program FELDA, FELCRA, RISDA. Di masa transtormasi ekonomi negara pada masa ini, tumpuan penyelesaian kemiskinan mestilah dialihkan kepada sektor yang sedang tumbuh dan yang sedang memberi laba yang lebih. Justeru itu, perlu diintegrasikan tiga perkara yang saya katakan tadi ialah penswastaaan, urbanisasi dan Plan Induk Perindustrian. Saya menyeru supaya Kerajaan membawa tenaga bumiputera yang berlebihan di desa ke bandar, janganlah menolak mereka ke bukit. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari kelmarin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

6.08 ptg.

Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya mengalu-alukan pembentangan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari.

Ini telah nyata mencerminkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional menghayati bahkan mengamalkan public accountability, dengan izin. tidak seperti parti DAP yang hanya melaung-laungkan public accountability di bibir mulut sahaja sedangkan berbagai skim tabung pungutan derma yang telah ditubuhkan oleh Parti DAP dalam beberapa tahun kebelakangan ini, umpamanya, apa yang digelar sebagai Tabung Menyelamatkan Bukit Cina yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan "Tabung Perundangan Untuk Menjaga Keutuhan Keluarga".

Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun. Boleh beri jalan?

Tuan Ong Tee Keat: Tidak bagi. Ini mukadimah sahaja. Belum sampai masanya. Saya akan beri kemudian. Saya teruskan.

Dan juga tabung apa yang digelar sebagai Tabung Perundangan Untuk Menjaga Keutuhan Keluarga ekoran kes Suzie Teoh memeluk agama Islam.

Setakat ini orang ramai termasuk mereka yang pernah menderma kepada tabung-tabung tersebut tidak tahu menahu langsung tentang berapa jumlah wang yang telah dikutip dan berapa pula yang telah dibiayai atas kegunaan apa. Akaun DAP yang ada pun bukan sesuatu yang telah diaudit dan disahkan oleh juruaudit luar. Seperti akaun yang baru-baru ini diumumkan oleh DAP tentang tabung

apa yang digelar sebagai Tabung Menyelamatkan Bukit Cina. Saya kurang pasti sama ada parti DAP berhasrat menyembunyikan segala-segala akaun ini kerana terdapat sebarang Akta PSA ataupun Party Secrets Act atau tidak. Saya kurang pasti, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti DAP dapat menjawabnya. Tuan Yang di-Pertua,. . . .

Tuan Lau Oak Kee: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Pinji bangun.

Tuan Ong Tee Keat: Belum lagi, ada lagi yang belum disambungkan. Kemudian saya akan beri jalan, jangan khuatir.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi Setiausaha Agung DAP sendiripun tiada sebarang "sense of public accountability", dengan izin. Kalau kita masih ingat pembabitan beliau dalam kes skandal Esso pada awal tahun 80an di mana pada peringkat awal beliau memang beria-ia benar untuk membongkarkan aktiviti-aktiviti Esso yang kononnya telah menjejaskan kepentingan ekonomi negara, tetapi akhirnya beliau tetap membisu, entah atas apa sebab. Seolah-olah beliau telah menghadapi syndrome bisu. Jadi manakah semangat public accountability DAP dan pemimpin-pemimpinnya, Tuan Yang di-Pertua?

Namun, amalan Barisan National yang sejajar dengan public accountability, dengan izin, patut disanjung tetapi Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Kelima ini bukan tiada kecacatan atau ketidaksempurnaannya, bak kata pepatah Melayu: "Bumi mana yang tidak ditimpa hujan".

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soal pembasmian kemiskinan, penentuan tahap kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan

Sarawak dengan mengambil kira jurang perbezaan dari segi kos penghidupan di tempat-tempat tersebut memang adalah wajar dan munasabah. Tahap kemiskinan itu berbeza-beza dari segi pendapatan isirumah bulanan purata ialah \$350 untuk isirumah purata yang terdiri daripada 5.41 orang di Semenanjung; rnanakala \$429 untuk isirumah purata yang terdiri daripada 5.24 orang di Sarawak; dan seterusnya \$533 untuk isirumah yang sebanyak 5.36 orang di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya konsep sedemikian tidak digunakan untuk membezakan tahap kemiskinan di antara bandar dengan desa. Dalam ertikata lain, jurang perbezaan yang agak besar dalam kos penghidupan di antara desa dengan bandar tidak diambil kira sama sekali, sedangkan kita sedia maklum bahawa orang-orang bandar, baik orang Melayu ataupun bukan Melayu, biasanya terpaksa menanggung perbelanjaan hidup yang berlipat-ganda tingginya dibandingkan dengan orang-orang kampung. Lebih-lebih lagi orang-orang bandar kebanyakannya tidak memiliki seinci tanah pun untuk bercucuk-tanam supaya dapat menambahkan pendapatan mereka. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, untuk sesebuah keluarga yang berpendapatan \$400 sebulan di kawasan bandar, misalnya di Ampang Jaya iaitu kawasan Parlimen saya yang bersebelahan dengan Kuala Lumpur, tanggungan seramai 5 orang anggota dalam keluarga itu memang adalah satu beban kewangan yang agak berat khususnya bagi mereka yang duduk di dalam rumah pangsa kos rendah. Kalau mengikut takrif kemiskinan yang terkandung dalam Laporan ini, maka keluarga tersebut tidaklah dirangkumi dalam kategori miskin, sedangkan pada hakikatnya keluarga itu miskin. Keadaan demikian tidak mencerminkan masalah dan kadar kemiskinan yang sebenar di bandar

yang selama ini bukan sahaja membabitkan penduduk-penduduk Cina, tetapi juga melibatkan ramai penduduk-penduduk Melayu khususnya mereka yang berhijrah dari kampung.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Tuan Ong Tee Keat: Saya beri.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mima penjelasan, Yang Berhormat dari Ampang Jaya berkata DAP tidak mempunyai accountability terhadap beberapa akaun daripada DAP. Ini satu isu yang lama dan telah pun dibangkitkan di suratkhbar dan DAP telah memberi jawapan beberapa kali dalam suratkhbar itu, nampaknya Yang Berhormat itu mungkin tidak baca suratkhbar, walaupun matanya terang tetapi tak nampak.

Berkenaan dengan tuduhan-tuduhan yang lain mengatakan DAP ada banyak akaun tidak dapat diterangkan atau menyembunyikan akaun itu. Saya berasa aneh, DAP adalah satu parti yang terbuka. Kalau Yang Berhormat itu apabila dia ada masa iapang, datanglah ke parti DAP, saya sendiri boleh tunjukkan akaun DAP kepadanya walaupun dia daripada MCA, tetapi tidak apa. Tetapi di sini saya hendak kata, accountability daripada MCA itu banyaklah yang disimpan di bawah carpet, disembunyikan, seperti konflik antarakan-rakannya daripada MCA itu mengenai menjualkan bangunan itu dan hutang banyak kepada bank-bank itu, sampai hari ini kita minta belum dapat penjelasan. Kalau tuduhan Yang Berhormat itu benar. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri ucapan itu.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak, hanya memberipenjelasan. Saya mengatakan di sini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bukan memberi penjelasan, Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lau Dak Kee: Adakah ini—dia gunakan perumpamaan, saya pun hendak balas dengan perumpamaan—adakah ini "Tepuk air dalam dulang, kenal muka sendiri".

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya memang rasa gelihati apabila mendengar ucapan Yang Berhormat dari Pasir Pinji tadi. Yang pertama bila beliau menyentuh pada tabung, apa yang digelar sebagai Tabung Penyelamat Bukit China itu. Bukankah saya sudah sebut tadi, akaun yang diumumkan oleh DAP itu sebenarnya dibuat atas desakan MCA dan itupun tidak diaudit ataupun disahkan oleh mana-mana Juruaudit dari luar. Jadi, apa yang didakwa sebagai akaun besar, sebenarnya mungkin melindungi unsur-unsur yang tidak diketahui oleh orang umum, khususnya penderma-penderma yang pernah menderma kepada Tabung tersebut. Itu yang pertama.

Yang keduanya. . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Ong Tee Keat: Nanti dahulu, satu demi satu. Yang keduanya, bila beliau menyebut bahawa saya boleh membuat sebarang siasatan atau saya boleh dapat mengetahui akaun yang terperinci, saya memang rasa hairan kenapa bila kita menyebut "public accountability", itu tidak bermakna bahawa accountability itu terhad kepada saya seorang sahaja. Yang penting ialah akaun mestilah

diumumkan kepada orang ramai, dan bukannya kepada saya seorang sahaja.

Yang ketiga. . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua, Nanti, tak habis lagi jawab.

Tuan Ong Tee Keat: Belum lagi, ini banyak butiran yang telah dibangkitkan tadi, jadi saya kena jawablah!

Yang ketiga, bila beliau membuat tuduhan terhadap pihak MCA atas apa yang digelar sebagai "penjualan Wisma MCA", saya memang rasa hairan kerana perkara yang tidak wujud itu sepatutnya tidak menjadi satu pertikaian. Lebih-lebih lagi beliau sebagai Wakil Rakyat, sekiranya mendapati bahawa pihak MCA melakukan sebarang kecurangan, maka beliau berhak membuat laporan kepada pihak Polis supaya dapat bertindak ke atas parti MCA, tetapi setakat ini rupa-rupanya beliau berdiam diri sahaja. Adakah ini yang dimaksudkan sebagai kayu pengukur ataupun yardstick, dengan izin, untuk tanggungjawab atau responsibility DAP, social responsibility DAP.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Ong Tee Keat: Saya hendak teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ong Tee Keat: Tak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri.

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Ong Tee Keat: Satu soal, satu jawab; dan saya hendak teruskan kerana

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji, dia tak beri jalan, minta duduklah!

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, kita ambil keputusannya sama ada ini adil atau tidak?

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya tak beri jalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sila duduk, mengikut peraturan.

Tuan Lau Dak Kee: Okay.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan):
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan pula bangun, hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Ong Tee Keat: Sama juga tak beri, khususnya kepada mereka yang tidak beradab!

Tuan Lau Dak Kee: Suruh dia tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tarik balik.

Tuan Ong Tee Keat: Okay, atas perintah Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lau Dak Kee: On a point of order, 36 (6) — kurang ajar, tarik balik!

Tuan Ong Tee Keat: Atas perintah Tuan Yang di-Pertua, saya memang sudi menarik balik perkataan tersebut bukan atas perintah Yang Berhormat dari Pasir Pinji, tetapi atas perintah Tuan Yang di-Pertua, Saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya, tahap kemiskinan yang ditakrifkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pun adalah juga berbeza kalau berbanding dengan apa yang terkandung di dalam Laporan ini di mana menurut pihak DBKL, pendapatan garis kemiskinan yang ditentukannya adalah melebihi \$500 sebulan. Ini bermakna kadar

kemiskinan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertera dalam Jadual III-IV pada mukasurat 46 ini, iaitu 4.9% pada tahun 1984 dan 5.2% pada tahun 1987 tidak mencerminkan kadar dan keadaan kemiskinan yang sebenar di Kuala Lumpur.

Ini bukan sahaja akan memberi satu gambaran yang kurang tepat kepada rakyat, malahan ianya mungkin akan mengakibatkan pengurangan tumpuan Kerajaan dan rakyat jelata terhadap pembasmian kemiskinan di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan masalah ini bukan sekali-kali bermaksud masalah kemiskinan di kawasan luar bandar harus dipandang sepi malah sebaliknya usaha Kerajaan membasmi kemiskinan di luar bandar harus diteruskan tanpa mengira kaum, kerana masalah kemiskinan memang tidak mengenal benteng perkauman baik di kampung-kampung tradisional mahupun di perkampungan-perkampungan baru dan estet-estet.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Jadual 3-6, ingin juga saya menyentuh kepada jurang perbezaan yang agak besar yang wujud dalam kadar ketniskinan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Adalah membimbangkan bahawa kadar kemiskinan di negeri Sabah dan Sarawak yang mencapai 35.3% dan 24.7% masing-masing berbanding dengan 17.3% untuk Semenanjung Malaysia pada tahun 1987. Di sini ingin saya mengesyorkan agar strategi-strategi dan usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan bilangan isi rumah miskin di kalangan orang-orang Iban, Kadazan, Murut dan sebagainya dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, adalah penting bahawa semua pihak yang berkenaan dapat menghayat bahkan meninjau masalah

kemiskinan di dalam perspektif makro yang menyeluruh dan bukannya terkongkong dalam belengu perkauman yang sempit.

Dalam segala usaha pembasmian kemiskinan kumpulan sasaran perlu juga disedari bahawa mereka bukannya golongan penerima pasif semata-mata, mereka harus berdikari dan berusaha dengan gigih supaya dapat melepaskan diri dari cengkaman kemiskinan kelak. Pergantungan dan penekanan yang amat sangat terhadap bantuan Kerajaan hanya akan menyuburkan lagi mentaliti subsidi seperti yang sentiasa disebabkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Mentaliti subsidi tersebut memang tidak sihat bagi bangsa dan negara buat jangka masa yang panjang kerana dengan secara tidak langsung daya usaha dan dinamisme rakyat akan terjejas, lantaran itu negara Malaysia akan jauh ketinggalan dalam persaingan dengan negara-negara yang sedang membangun di rantau ini.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun pula.

Tuan Ong Tee Kiat: Tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan hendak kacau, saya hendak minta penjelasan sahaja tentang subsidi.

Tuan Ong Tee Kiat: Tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa.

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyusunan semula hak milik dalam sektor syarikat pula, pada pandangan saya soal ini sering merupakan satu kontroversi di kalangan rakyat amnya dan dikalangan cendekiawan, khususnya baik di dalam Dewan yang

mulia ini, mahupun di forum seperti MAPEN. Merujuk kepada jadual 3-12, pada mukasurat 72, dalam buku salinan Bahasa Malaysia, saya tertarik dengan hak milik modal saham pada nilai par syarikat-syarikat berhad pada tahun 1988, di mana peraturan untuk rakyat Malaysia bukan bumiputera yang didakwa telah mencapai 56% itu juga meliputi syarikat-syarikat calon atau nominee companies, dengan izin, dan syarikat-syarikat kawalan tempatan atau, locally controlled companies, dengan izin. Ini pada pandangan saya tidak mencerminkan keadaan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya pemilikan modal saham syarikat-syarikat calon dan syarikat-syarikat kawalan tempatan tersebut tidak semestinya terhad kepada bukan bumiputera sahaja, malahan ada di antara syarikat-syarikat itu juga membabitkan kepentingan bumiputera dan pemodal-pemodal asing. Sebagai contoh Syarikat Nominee Bumiputera Sendirian Berhad yang berdaftar di May Bank, pada pengetahuan saya, adalah sebuah syarikat calon yang besar yang memegang ekuiti untuk kaum bumiputera, manakala Hong Kong & Shanghai Bank Nominees Private Ltd. pula merupakan syarikat calon yang memegang ekuiti untuk pemodal asing. Oleh yang demikian memandangkan hakikat ini, maka adalah tidak menasabah bahawa hak milik modal saham syarikat-syarikat tersebut diambil hitung di bawah perangkuman peratusan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pada hal dalam nota 5, pada mukasurat 73, telahpun dinyatakan bahawa syarikat-syarikat kawalan tempatan atau LCC ialah jumlah nilai modal saham syarikat-syarikat berhad yang hak miliknya tidak dapat dipecah dan dibahagikan selepas peringkat kedua kepada kumpulan-kumpulan ethnic

tertentu. Oleh yang demikian, mengapa tidak kategori syarikat calon dan LCC tersebut diasingkan sahaja daripada kategori hak milik modal saham bukan bumiputera supaya dapat memberi satu gambaran yang tetap kepada rakyat jelata yang berbilang kaum. Ini bermakna mengikut hak milik modal saham yang boleh dipecah dan dibahagikan kepada kumpulan ethnik peratusan rakyat Malaysia yang bukan bumiputera mencapai 34.8% pada tahun 1988 di mana kaum Cina dapat 32.6%, kaum India 1.2% dan kaum-kaum lain cuma 1%.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang perwakilan yang baru dilantik untuk menganggotai MAPEN berharap perangkaan yang tertera dalam jadual 3-12 dapat diselaraskan dengan perangkaan yang terkandung di dalam jadual 10 dan Carta 5, dalam laporan Unit Perancang Ekonomi yang bertajuk "Dasar Ekonomi Baru—Prestasi pada tahun 1986-1988 dan Prospeknya diantara tahun 1989 dengan tahun 1990". Mengikut laporan tersebut tanpa mengambil kira komponen-komponen syarikat calon dan syarikat kawalan tempatan bahagian bumiputera dalam hak milik modal saham ialah 24.6% dan bukan bumiputera 44% dan permastautinan asing 31%.

Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan adanya penyelarasan dan penyesuaian perangkaan tersebut bukan sahaja rakyat kita yang berbilang bangsa dapat satu gambaran yang tepat terhadap pengagihan harta negara, malahan penekanan dan tumpuan Kerajaan dapat diberi dengan tepat pada sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan guna tenaga dalam bidang ikhtisas saya berpendapat bahawa dalam proses pembangunan negara masalah kekurangan guna tenaga, khususnya yang mahir dalam bidang

ikhtisas, biasanya diutarakan. Oleh yang demikian, soal pokok yang perlu diberi penekanan ialah sama ada bilangan profesional-profesional kita seperti arkitek, jurutera, doktor, juruukur, juruteknik dan sebagainya memadai atau tidak untuk menampung keperluan pembangunan negara dan tidak seharusnya kita terlampau ghairah membeza-bezakan ahli-ahli ikhtisas kita mengikut kaum. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, memang tiada bezanya seseorang jurutera bumiputera atau bukan bumiputera yang terlibat dalam sesuatu perprojek pembangunan negara, asalkan dia itu seorang anak watan Malaysia. Dan sebarang sumbangannya dalam bidang ikhtisas patut diberi sanjungan dan turut menjadi kebanggaan kita bersama. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa adalah hasrat Kerajaan meramaikan lagi bumiputera yang menyertai bidang ikhtisas pada ketika ini, umpamanya, bidang perubatan, kejuteraan, perakaunan dan sebagainya. Usaha Kerajaan ke arah tersebut tidak seharusnya dipertikaikan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, ketidakseimbangan antara kaum yang wujud dari segi bilangan dalam bidang guna tenaga ikhtisas tidak berpunca daripada sebarang tinas-menindas di kalangan rakyat Malaysia sendiri. Yang menjadi punca masalah ialah kekurangan peluang pendidikan, khususnya dalam bidang ikhtisas di kalangan masyarakat bumiputera di luar bandar jika berbanding dengan masyarakat bandar. Ketidakseimbangan tersebut memang telah lama wujud di negara kita sebelum merdeka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:
Tuan Yang di-Pertua

Tuan Ong Tee Keat: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Tuan Ong Tee Keat: Sebenarnya saya memang ingin sambung satu perenggan lagi, sebab esok mungkin saya tidak dapat menghadiri mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Ong Tee Keat: Saya boleh tamatkan sekarang, bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Ong Tee Keat: Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menamatkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KEBEBASAN KEHAKIMAN

6.57 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, Kerajaan patut kembalikan kebebasan kehakiman

untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap kehakiman di negara kita.

Tuan Speaker, selepas tahun 1988 apabila tindakan yang tidak baik, tindakan yang buruk ada diambil ke atas 3 hakim bermutu tinggi dalam negara ini, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, Tan Sri Wan Sulaiman dan Dato George Seah, imej kehakiman di antarabangsa sudah terjejas. Ini akibatkan oleh kerana kelakuan dan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap kehakiman selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri dan khususnya dalam tahun 1987 dan 1988. Kelakuan dan akibat yang sudah terjadi ini bukan bagi kepentingan negara.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengkritik, bukan sahaja mengkritik juga dengan perkataan-perkataan yang tidak serius tetapi perkataan-perkataan yang jadi ancaman atas kebebasan kehakiman, bukan juga luar daripada Dewan ini tetapi dalam Dewan ini juga, jadi satu tanda yang tidak baik bagi negara kita.

Tuan Speaker, jikalau kehakiman tidak ada beri satu kebebasan yang terjamin dalam perlembagaan, ini bermakna Perdana Menteri boleh satu hari, jikalau tidak sekarang, jadi satu diktator dalam negara kita.

Tuan Speaker, apabila saya sudah dilepaskan oleh Yang Arif Peh Swee Chin dalam permohonan *habeas corpus* saya pada 9hb Mac 1988, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri tidak terima keputusan itu. Biasanya apabila satu hakim menjatuhkan satu hukuman, pihak yang tidak bersetuju dengan keputusan itu, tidak boleh terima keputusan itu ada jalan ikut undang-undang untuk buat rayuan kepada Mahkamah Agung, tetapi

Perdana Menteri tidak pilih saluran yang ada terjamin dalam, dengan izin, Courts of Judicature Act.

Pada 17 haribulan dalam Dewan ini, Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada dengan perkataan-perkataan yang buruk 'launched and attacked', dengan izin, atas satu hakim mengenai satu keputusan yang ada dibuat oleh hakim itu. Malangnya ada peruntukan di bawah Artikel 127 Perlembagaan kita di mana ada sekatan mengenai perbincangan Parlimen tentang kelakuan hakim dan juga ada peruntukan seperti itu juga dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Dewan ini di dalam isi kandungan 36 (8). Tetapi malangnya Tuan Speaker masa itu tidak guna apa yang ada dalam Perlembagaan dan juga dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat yang ada sekatan. Jikalau ada satu 'substantive motion' baru boleh kelakuan (conduct) satu hakim boleh dibincangkan dalam Dewan ini, tetapi malangnya Tuan Speaker tidak guna apa yang ada dalam Peraturan-peraturan dan juga dalam Perlembagaan untuk halang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, pada bacaan saya kalau sekiranya ada 'substantive motion' maka pada masa itu bolehlah 'conduct' atau 'character' siapa-siapa yang disebut dalam Peraturan 36 (8) itu dibincangkan dan pada hari itu bukan sahaja motion yang ada, lebih dari itu, iaitu satu Rang Undang-undang telahpun dibentangkan oleh Kerajaan untuk memindahkan Perlembagaan. Jadi yang demikian, jikalau sekiranya Peraturan Mesyuarat membolehkan 'motion' maka ia juga membolehkan satu Rang Undang-undang jikalau sekiranya Rang Undang-undang itu dibawa ichas untuk itu. Itu bacaan saya, barangkali saya silap. Jadi, saya membenarkan pada hari itu Yang Amal Berhormat Perdana Menteri membahaskan apa yang dibahaskan.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih. Tuan Speaker, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap seperti apa yang saya sebut tadi, itu dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), tetapi apa yang ada dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat 36 (8), apa yang ada di akhiri peraturan itu: "tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu"—usul "bersendiri. Rang Undang-undang bukan usul tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memutuskan bahawa jikalau sekiranya satu usul boleh dibawa untuk membahaskan soal itu dan kalau sekiranya ada satu Rang Undang-undang dibawa, maka Rang Undang-undang itu adalah statusnya lebih tinggi daripada usul, yang demikian saya membenarkan. Itu keputusan saya dan ruling saya. Kalau sekiranya satu Rang Undang-undang dikeluarkan, bagaimana pula pada masa itu hendak diadakan usul? Tidak mungkin diadakan kedua-duanya sekali.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi bukan atas satu perkara spesifik, Tuan Speaker. Rang Undang-undang itu untuk pindaan kepada Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi ada kesan

Tuan R. Karpal Singh: Amnya bukan satu 'motion specific'

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan R. karpal Singh: Saya tidak mahu gaduh dengan Tuan Speaker, tetapi malangnya apa yang ada dalam Perlembagaan dan apa yang ada dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat masa itu tidak ada digunakan atas Perdana Menteri. Itu maksud saya, tetapi saya terima, saya terpaksa terima keputusan

yang ada dibuat oleh Tuan Speaker tadi. Saya tidak mahu gaduh lagi, tidak payah. Saya sambung.

Tuan Speaker Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan dikesualikan daripada Perlembagaan dan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, mintalah Yang Berhormat pun mengikuti Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat boleh berucap hanya 7 1/2 minit sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: 7 minit, saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang telah 9 minit.

Tuan R. Karpal Singh: Sudah 9 minit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, baru-baru ini jikalau

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis, ikut Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat minta saya ikut itu.

Tuan R. Karpal Singh: Baiklah, Tuan Speaker, jikalau sudah habis, saya tidak mahu gaduh dengan Tuan Speaker, jangan silap faham apa yang saya cakap ini. Saya terima.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih. Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.42 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak hendak gaduh juga (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, saya ingin menjawab dan menjelaskan serba sedikit tentang pandangan dan apa yang saya

anggapkan sebagai frustrasi yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi. Walau bagaimanapun, terima kasihlah di atas beberapa perkara yang telah diutarakan oleh beliau itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu membayangkan bahawa pihak kehakiman telah hilang kebebasannya dan dengan yang demikian meminta Kerajaan mengembalikan kebebasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya kurang pasti kerana apa Ahli Yang Berhormat itu menyangkakan sedemikian, bagi pihak Kerajaan soal itu tidak berbangkit langsung. Kebebasan kehakiman sudah sedia terjamin oleh Perlembagaan kita, yang saya yakin Ahli Yang Berhormat faham. Perkara 121 Perlembagaan mewujudkan badan kehakiman yang mempunyai bidang kuasa menghakimi segala pertikaian atau pendakwaan yang dibawa ke hadapannya walaupun satu pihak itu merupakan Kerajaan itu sendiri. Kerajaan adalah committed kepada pemerintahan secara demokrasi berparlimen. Mengikut Perlembagaan yang mana antara ciri-ciri pentingnya ialah pegangan kepada doctrine pengasingan kuasa yang menjaminkan kebebasan kehakiman dan kepada kedaulatan undang-undang. Perlu difahami bahawa kebebasan kehakiman hanyalah kebebasan hakim-hakim menjalankan tugas kehakiman mereka mengikut undang-undang tanpa gentar atau memihak.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa hakim-hakim tidaklah bebas dalam serba perkara dan bertindak mengikut sesuka hati mereka. Mereka adalah tertakluk kepada undang-undang negara dan tidak boleh bebas untuk berbuat salah laku dengan berselindung di sebalik konsep kebebasan kehakiman.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan sendiri membuat peruntukan membolehkan hakim-hakim yang bersifat sedemikian dipecat bagi menjamin kewibawaan pihak kehakiman itu sendiri, itu sebenar tujuannya, Tuan Yang di-Pertua, Tindakan memecat hakim-hakim yang saiah laku ialah tindakan pembersihan dan pendisiplinan badan kehakiman agar badan itu memperoleh keyakinan orangramai terhadap fungsinya. Kerajaan atau pihak Eksekutif tidak berkuasa memecat seseorang hakim. Cara-cara atau prosedur pemecatan telah ditentukan oleh Perkara 125 Perlembagaan. Perkara 125 (3) memperuntukkan antara lain, "Bahawa jika Perdana Menteri membuat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa seseorang hakim patut dipecat di atas salah laku atau sebab-sebab lain yang ditetapkan di dalamnya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik satu tribunal dan merujukan representasi itu kepada tribunal berkenaan dan di atas syor tribunal, Yang di-Pertuan Agong boleh memecat hakim itu."

Tuan Yang di-Pertua, tindakan oleh Perdana Menteri di dalam hal ini tidak boleh dikatakan sebagai campur tangan Eksekutif atau politik dalam hal ehwal badan kehakiman. Jika ini ditafsirkan sebagai merampas kebebasan kehakiman, ianya adalah tidak berasas kerana Perlembagaan yang menetapkan garis kebebasan kehakiman telah menggaris kehendak sedemikian. Sayugia diingat bahawa peranan yang paling penting dalam hal pemecatan seseorang hakim itu ialah peranan tribunal yang terdiri daripada hakim dan bekas hakim. Perdana Menteri yang mengambil langkah utama mengemukakan representasi tidak akan mencapai hasratnya jika ia berniat jahat untuk memecat hakim itu jika syor tribunal kepada Yang di-Pertuan Agong adalah sebaliknya. Bukanlah pihak Eksekutif yang

menentukan apakah kesudahannya nasib hakim yang diambil tindakan itu seperti yang dibelakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Penentuan bergantung semata-mata kepada syor dari kalangan hakim itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga tidak mengganggu kebebasan kehakiman di bidang perlantikan seseorang hakim. Nasihat Perdana Menteri terhadap sesuatu perlantikan itu bukan berarti campur tangan politik atau pihak Eksekutif. Ini adalah kehendak Perlembagaan di bawah Perkara 122B. Perlantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Mesyuarat Raja-Raja. Pihak Eksekutif tidak mempunyai kata pemutus. Jadi, secara umumnya, Tuan Yang di-Pertua, keyakinan orangramai terhadap sistem kehakiman di negara ini tidak perlu sama sekali dipertikaikan. Dengan yang demikian, soal Kerajaan patut kembalikan kebebasan kehakiman untuk memastikan keyakinan orangramai terhadap kehakiman di negara ini tidak berbangkit sama sekali. Jika ada pun sangkaan atau bayangan yang orangramai tidak mempunyai keyakinan, ini ialah kerana mereka tidak memahami atau mahu memahami keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup 7 1/2 minit.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sedikit lagi boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Di pihak Kerajaan ia sentiasa dan akan terus menghormati dan melindungi kedaulatan undang-undang dan kebebasan kehakiman dalam ertikata yang sebenarnya serta mengekalkan doctrine pengasingan kuasa. Terima kasih.

**TAHANAN ISA—MENUBUHKAN
JAWATANKUASA PILIHAN
PARLIMEN**

6.47 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka); Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pindaan baru-baru ini kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA untuk menghapuskan kuasa mahkamah dari kajian semula kehakiman mengenai apa juga keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam menahan seseorang tanpa bicara telah mencerminkan "grand design" Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai negara polis di bawah pemerintahan mutlak beliau sendiri.

Dengan pindaan-pindaan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak perlu memberi apa-apa alasan kenapa seseorang itu ditahan atau mewajarkan penahanan tersebut. Satu-satunya remedy melalui writ *habeas corpus* untuk mendapatkan kebebasan daripada tahanan yang tidak sah telah pun dihapuskan.

Malaysia juga akan merupakan satu dari golongan negara kecil yang terkutuk sekali yang telah menghapuskan tindakan undang-undang *habeas corpus*. Malah negara yang paling dipulaukan di dunia, rejim perkauman dan kejam atau evil sekali, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu Afrika Selatan membenarkan prosiding-prosiding *habeas corpus*. Jelas sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kini adalah lebih teruk daripada Afrika Selatan.

Dengan pindaan-pindaan ini ISA akan disalahgunakan dengan lebih besarnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menganiayai penentang-penentang politiknya serta membolehkan pihak polis untuk menahan seseorang dengan sewenang-wenangnya dan menyiksa orang-orang tahanan politik sesuka hati.

ISA ini jelas telah disalahgunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terutamanya sekali semasa Operasi Lalang pada Oktober 1987 yang telah mendapat kecaman yang meluas, bukan sahaja dari organisasi hak-hak manusia seperti amnesty international, Kerajaan-kerajaan, malah dari institusi Parlimen antarabangsa seperti Inter-Parliamentary Union.

Selain dari digunakan terhadap penentang-penentang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ISA juga telah disalahgunakan oleh Polis Cawangan Khas yang menyiksa orang-orang tahanan politik dengan cara yang tidak berperikemanusiaan serta mengerikan untuk mendapatkan pengakuan secara paksa.

Penyalahgunaan hak-hak asasi manusia ini tidak diketahui secara umum kerana Kerajaan telah menyembunyikan keadaan sebenar dalam satu tirai rahsia yang mengakibatkan seseorang tahanan politik ditahan dengan lama tanpa bicara seperti Encik Low Ming Leong yang telah ditahan selama 16 tahun, atau telah disiksa secara berterusan seperti Encik Rahman Hamzah dan Joshua Jamaluddin yang tidak pernah dibawah kepada keadilan.

Bahkan jika penyiksaan ini telah dibongkarkan secara umum, Polis sentiasa menutupi kesnya seperti kes Joshua Jamaluddin dan Chow Chee Keong.

Oleh itu satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen diperlukan untuk mengawal selia semua perkara berkaitan dengan penahanan ISA sebagai kawalan kepada penyalahgunaan kuasa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Polis.

Jawatankuasa Pilihan Parlimen ini harus mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat dengan mudah mengenai butir-butir peribadi

mereka yang ditahan, melarang penyiksaan terhadap orang-orang tahanan dan menghukum penyiksa-penyiksa serta juga memastikan layanan baik seperti perubatan atau keadaan hidup dibekalkan kepada orang-orang tahanan.

Jawatankuasa Pilihan Parlimen ini harus dipengerusikan oleh seseorang Ahli Parlimen Pembangkang agar memastikan ia dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan berkesan.

Jawatankuasa Pilihan Parlimen ini juga perlu memandangkan keadaan sekarang di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menahan sesiapa sesuka hatinya dan mengumumkan bahawa dia boleh menahan orang itu kerana benci kepada mukanya. 16.5 juta rakyat Malaysia yang tidak berdosa kini hidup dalam ketakutan bahawa mereka boleh ditahan pada bila-bila masa sahaja. Jaminan-jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa Polis akan berwaspada dalam penyiasatan mereka sebelum menahan seseorang dan tidak akan buat kesilapan, jelas adalah "utter rubbish", dengan izin, sahaja kerana pindaan-pindaan terbaru ini bertujuan untuk-mengesahkan apa juga kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh Polis. Oleh itu rakyat Malaysia tidak mempunyai keyakinan langsung terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau pihak Polis dalam menjalankan tugas mereka secara professional.

Oleh kerana ISA tidak boleh dimansuhkan untuk mengelakkan pencabulan hak-hak asasi manusia, yakni penafian kebebasan tanpa bicara serta siksaan, maka satu badan kawalan bebas harus diadakan dalam bentuk Jawatan Pilihan Parlimen yang diketuai oleh seorang Ahli Parlimen Pembangkang untuk memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kuasa harus ditubuhkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Timbalan Menteri menjawab.

6.55 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah kita dengar tuduhan-tuduhan dan kata-kata kesat yang dilemparkan kepada Kerajaan berhubung dengan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, baik di dalam Dewan yang mulia ini mahupun oleh pihak-pihak tertentu di luar Dewan ini, lebih-lebih lagi oleh pihak Pembangkang dan kuncu-kuncunya. Kalau kita sama-sama teliti akan tuduhan-tuduhan yang sering dibangkitkan mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri ini seolah-olah ianya memberikan kita gambaran bahawa negara kita berada dalam keadaan huru-hara di mana kehidupan awam tidak tentu arah, hidup dalam kepapaan dan rakyat jelata hidup dalam keadaan ketakutan yang amat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat keadaan yang wujud di dalam negara kita sekarang terdapat suasana aman dan stabil dalam mana kegiatan kehidupan harian berjalan seperti biasa. Malah perkembangan ekonomi negara dan rakyat di luar dugaan kita. Maka adalah jelas bahawa cakap-cakap yang dilemparnya oleh pihak Pembangkang hanyalah untuk sedap didengar tetapi tanpa isi dan tidak ada lain motif melainkan mencari pengaruh dan sokongan politik semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang akan bertanggungjawab ke atas semua perkara-perkara mengenai tahanan-tahanan dan orang-orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri sepertimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Ucapan Penangguhannya itu bukanlah perkara

yang kali kalau ini kita dengar. Tahun lalu pihak parti Pembangkang juga ada mengemukakan supaya diadakan satu suruhanjaya bebas untuk menyiasat keadaan orang-orang tahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah berpuas hati dengan perkara-perkara mengenai tahanan dan orang-orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri sepertimana yang ada sekarang tanpa perlu lagi ditubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen sebagaimana yang dibangkitkan itu. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Keselamatan Dalam Negeri mempunyai, dengan izin, safeguards dan check and balance, dalam peruntukannya iaitu di mana orang-orang tahanan adalah mempunyai hak untuk membuat rayuan dan pembelaan terhadap penahanan kepada sebuah badan bebas iaitu Lembaga Penasihat mengikut Seksyen 11 (1) dan Seksyen 12 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Selain daripada itu Lembaga Penasihat itu juga dikehendaki oleh peruntukan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri supaya mengkaji semula, dengan izin, review, semua kes-kes tahanan sekurang-kurang sekali di dalam setiap enam bulan mengikut kehendak Seksyen 13 (1) Akta tersebut. Peruntukan yang wajib atau, dengan izin, mandatory, ini memastikan bahawa setiap kes tahanan itu tidak dipandang ringan dan tidak diabaikan.

Penubuhan Lembaga Penasihat ini adalah selaras dengan peruntukan Fasal 151 (2) Perlembagaan Persekutuan yang mana Pengerusinya yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong adalah terdiri dari mereka yang berkelayakan untuk menjadi Hakim. Ahli-ahli Lembaga yang lain juga dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Ketua

Hakim Negara. Apakah Ahli Yang Berhormat meragui kewibawaan Lembaga Penasihat? Kalaulah begitu halnya, ini bermakna Ahli Yang Berhormat sendiri tidak menghormati Perlembagaan Negara dan ini adalah satu yang amat menyedihkan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tuduhan bahawa berlaku penganiyaan terhadap orang-orang tahanan terutama oleh Cawangan Khas, telah berkali-kali dijelaskan bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat akan perkara ini dan siasatan adalah dibuat terhadap aduan-aduan yang diterima. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas termasuklah tindakan disiplin yang boleh membawa kepada hukuman turun pangkat dan buang kerja terhadap mana-mana pegawai Polis pun yang didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dihuraikan dengan panjang lebar semasa ucapan pembentangan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaanlah yang merupakan pihak yang paling layak untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Sekiranya diadakan pula sebuah badan ataupun Jawatankuasa yang lain yang diberi tanggungjawab yang sarna, sudah tentulah ini suatu yang tidak akan menyelesaikan masalah, malah lain-lain masalah pula yang akan timbul, lebih-lebih lagi apabila kita memperkatakan tentang hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan. Kerajaan tidak akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya bukan sahaja terhadap keamanan dan keselamatan negara, tetapi juga dalam semua aspek jentera pentadbiran Kerajaan sekiranya Kerajaan sendiri meragui dan tidak

yakin dengan keupayaan pegawai-pegawai. Kalau begini hanya satu iaitu kita tidak dapat buat apa-apa kerja.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan sistem demokrasi Parlimen di mana Kerajaan telah bertanggungjawab, dengan izin, accountable, terhadap dasar-dasar, langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang diambil pada Parlimen iaitu kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Parlimen ialah forumnya bagi mana pihak untuk menyalurkan perkara-perkara yang mereka tidak berpuas hati melalui Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat yang telah dipilih melalui jentera pilihanrayayangbebas.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan huraian yang diberikan di atas, sekali lagi dinyatakan bahawa berpuas hati dengan jentera dan bentuk kawalan dan pengawasan yang wujud sekarang yang mana pada bila-bila masa

mbolehkan Kerajaan mengambil tindakan-tindakan tegas apabila timbul keperluan. Oleh yang demikian, pendirian Kerajaan ialah penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen seperti yang disarankan itu adalah tidak perlu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada Usul iaitu Majlis ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.58petang.